



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1281]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 1329]

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) [Ruangan 1336]

Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak berkuasa Berkanun dan Tempatan
[Ruangan 1349]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Persaraan Pihak berkuasa-pihak berkuasa
Berkanun dan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 1370]

Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan)
[Ruangan 1373]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1365]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N.,
J.P. (Kelantan).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN
RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA,
P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,
TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

„ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P.,
J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W.,
J.S.M., S.M.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).

„ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).

„ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).

„ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ALEXANDER, Y. L. LEE (Dilantik).

„ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).

„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P.
(Negeri Sembilan).

„ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).

„ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).

„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

„ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).

„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

„ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

„ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

„ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B., S.T.J. Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P.B. Menon.
Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 25hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

DOA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEMINDAHAN SYARAT TANAH PERTANIAN-PERUMAHAN

1. **Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan semua syarat-syarat perlu untuk memindah syarat tanah pertanian dijadikan kawasan perumahan dan nyatakan bagaimana "red tape" untuk pemindahan syarat ini dapat dikurangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat perlu untuk memindah syarat tanah pertanian kepada kawasan perumahan adalah seperti berikut:

- (a) Tuan tanah berkenaan mestilah membuat permohonan menukar syarat tanah di bawah Seksyen 124 (1) Kanun Tanah Negara dalam borang yang ditetapkan di bawah Kaedah Tanah Negeri untuk mengubah syarat tanah tersebut dari pertanian kepada perumahan;
- (b) Permohonan pecah sempadan tanah itu juga mesti dibuat di bawah Seksyen 135 (1) dengan menggunakan borang tertentu iaitu Borang 9A Kanun Tanah Negara.

Biasanya permohonan mengubah syarat dan pecah sempadan dibuat bersama sekali untuk mempercepatkan proses kelulusan. Selepas itu permohonan itu hendaklah disertakan dengan:

- (1) Pelan tanah;

- (2) Perakuan carian rasmi;

- (3) Bayaran permohonan;

- (4) Tujuan bertulis tiap-tiap orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas tanah itu atau mempunyai tuntutan faedah di bawah mana-mana sewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran.

Selepas itu Pendaftar akan merujuk kepada jabatan-jabatan yang berkenaan misalnya Jabatan Pertanian, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Parit dan Taliair, Pihakberkuasa Tempatan dan lain-lain Jabatan yang ada kaitan dengannya.

Pemungut Hasil Tanah menyediakan dan menyemakan kertas untuk pertimbangan Pihakberkuasa Negeri melalui Pengarah Tanah dan Galian. Pemungut Hasil Tanah menyampaikan keputusan Pihakberkuasa Negeri kepada pemohon dengan syarat-syarat utama seperti berikut:

- (1) Kelulusan permohonan dan arahan iaitu dalam Seksyen 124 (2) (b) (jika ada);
- (2) Bayaran premium yang kena atau mesti dibayar;
- (3) Tempoh pembayaran premium tambahan itu;
- (4) Bayaran-bayaran bagi membuat catitan pembatalan kemasukan dalam dokumen hakmilik berhubung dengan kelulusan itu;
- (5) Lain-lain syarat yang dikenakan oleh Pihakberkuasa Kerajaan Negeri.

Pemungut Hasil Tanah atau Pendaftar membuat catitan ke atas geran-geran tanah berkenaan akan syarat-syarat nyata yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa cara-cara yang dinyatakan di atas tadi mengambil masa yang lama kadang-kadang

2-3 tahun untuk mendapat kelulusan, Kementerian saya telah mengesyorkan di dalam mesyuarat Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Negeri di Ipoh pada 19hb Mei, 1980 yang lalu satu cara atau perocedure yang baru yang jika diterima oleh Kerajaan Negeri akan meringkaskan penukaran syarat tanah dalam pecah sempadan-pecah sempadan tanah kepada kira-kira enam bulan sahaja.

Cara yang saya syorkan adalah mengandungi dua peringkat, dengan ringkasnya saya menyatakan: peringkat pertamanya permohonan dibuat kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri (bukan kepada Penguasa Tanah lagi) untuk pecah sempadan dan mengubah syarat tanah. Satu Pasukan Petugas (Task Force) yang terdiri daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri dan beberapa orang lagi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang mendapat perwakilan dari Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut serta juga dimasukkan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pengarah Tanah dan Galian sebagai penasihat hendaklah diberi kuasa untuk menolak atau meluluskan mana-mana permohonan pada dasarnya sahaja (approval in principle) tetapi keputusan ini hendaklah mengikut dari semua segi seolah-olah ianya keputusan muktamad melainkan dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

- (1) Syarat-syarat kelulusan itu tidak diterima oleh pemohon.
- (2) Pengisytiharan lanjut oleh jabatan-jabatan berkenaan bahawa rancangan itu tidak sesuai dibuat (practically not feasible) dari segi teknikal.

Peringkat kedua pula, setelah diluluskan pada dasarnya seperti yang saya sebutkan tadi kesemua kehendak-kehendak teknikal dari jabatan berkenaan mesti dipatuhi. Dalam hal ini rujukan kepada jabatan-jabatan berkenaan hanya akan diberi setelah kelulusan pada dasarnya telah diterima daripada pihak Kerajaan Negeri.

Dengan cara ini pemaju-pemaju perumahan boleh mengetahui keputusan permohonan mereka dalam masa enam bulan sama ada lulus atau tidak. Permohonan-permohonan dipusatkan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk mengurangkan red tape. Jabatan-jabatan yang akan dirujuk hanya Jabatan-jabatan tertentu sahaja, bagi Town Council and Country Planning, Jabatan Kerajaan dan Majlis Tempatan. Setelah diluluskan

pemohon-pemohon dinasihatkan untuk meneruskan peringkat kedua untuk menyediakan lay-out plan, topo plan, drainage, road designs, building designs dan lain-lain, selepas itu baru diluluskan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri menjaga soal tanah, kita tahu soal tanah Negeri yang punya. Tetapi dasar Kerajaan Malaysia keseluruhannya mestilah sama, kalau tidak—payah. Misalnya premium tanah. Premium satu ekar tanah katalah \$6 satu ekar setahun di seluruh negara kita mempunyai dasar yang serupa iaitu \$6 satu ekar setahun ataupun \$30 satu ekar setahun. Dasarnya serupa sahaja, jikalau pertanian misalnya. Perumahan lain, begitu juga, yang lain-lain pun begitu juga, tetapi kalau pertanian semuanya serupa. Boleh atau tidak oleh kerana ada negeri mengatakan 10 ekar sahaja boleh conversion untuk perumahan; ada negeri kata 30 ekar sahaja boleh, ada negeri kata 50 ekar sahaja boleh. Jadi bagaimana keadaan ini, kerana pada hari ini rakyat berkehendakan perumahan. Dengan sebab itu saya hendak bertanya, boleh atau tidak Kerajaan keseluruhannya membuat satu dasar, tiap-tiap satu kawasan itu dibina berapa peratus rumah-murah, 40% rumah murah untuk orang miskin, selainnya boleh dijual secara rumah yang mahal atau 50% dasar ini. Kalau tidak ada yang tidak berdasar langsung, siapa pun boleh buat. Ada yang mengatakan 30%, ada 20%, ada 30% untuk bumiputra, ada pula yang mengatakan saham bumiputra mesti 30%, lain tidak ada. Boleh atau tidak dibuat begitu oleh Kerajaan Federal?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:

Tuan Yang diPertua, seberapa panjang soalnya, jawabannya pendek sedikit daripada soalan tadi.

Berkenaan dengan tanah ini, kita semua sedar iaitu Kerajaan Negeri yang berkuasa penuh, cuma yang kita dapat buat dasar ialah dengan adanya dalam Perlembagaan bahawa Majlis Tanah Negara di mana segala dasar dibuat dengan syarat semua Kerajaan Negeri bersetuju. Kalau Kerajaan Negeri yang berkuasa dengan tanah tidak bersetuju, tidak boleh buat dasar. Yang Berhormat semua maklum dan tahu hal ini. Kemudian kita buat dasar berkenaan dengan bayaran premium, cukai dan lain-lain. Maka dengan persetujuan

mereka itu semua dan Menteri-menteri Kerajaan Pusat yang akan memilih sendiri dihadapan setinggi had mana sehabis tinggi boleh dibenar, kalau bawah daripada itu, ianya mengikut keadaan negeri masing-masing.

Demikian juga tentang perumahan yang ditanyanya tadi. Begitu juga berapa ekar yang patut dibuka, boleh pecah, yang ada berapa, ini semua terpulang kepada Kerajaan Negeri. Yang ada 1,000 ekar boleh dibuat perumahan. Yang ada macam Selangor 10 ekar sahaja. Dia ada sebab-sebab tertentu, dari segi politik dan lain-lain, mesti kita kaji halus-halus.

Tentang perumahan berapa peratus, 20%, 30%, 40% ini tidak ada kena mengena dengan soalan ini. Itu Menteri Perumahan, saya tidak boleh menjawab, sebabnya menyentuh hak orang.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Soalan tambahan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi soal tanah di Ipoh dasarnya akan dibuat sama semua sekali, tanah itu akan dipecah selama enam bulan. Adakah dasar ini boleh dibuat keseluruhan negeri dalam Malaysia ini, pecah syarat ini selama enam bulan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut semua sama, caranya. Saya sebut tadi kaedahnya. Pecah tanah, saya tidak sebut.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Kaedah diberi semua sekali.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Kaedah. Sebab dia bertanya tadi tanah kaedah rupanya. Saya sudah sebut tadi Cara-cara itu akan dibentangkan dalam Majlis Kanun Tanah Negara pada masa akan datang sekiranya dapat persetujuan semua Kerajaan-kerajaan Negeri, bolehlah dijalankan dan boleh jadi semuanya atau sebahagian besarnya bersetuju dengan dasar ini. Ada sebahagian kecil boleh jadi hendak mengikut cara lama, ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri. Saya sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk mencari jalan bagaimana cara melekasakan permohonan itu diluluskan atau ditolak, tidaklah orang itu tertunggu-tunggu sampai dua tiga tahun sebagaimana berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajjah Fatimah ada lagi soalan?

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Ada sedikit lagi. Kalau begitu menunjukkan Kerajaan Federal ini tidak ada kuasa boleh berbuat apa-apa pun dalam hal ini kepada Kerajaan Negeri. Ini yang saya musykil dan tumpang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Itu kehendak Perlembagaan, saya tidak boleh buat apa.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tidakkah boleh dipinda Perlembagaan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak tahniah kepada Menteri yang berkenaan mengenai arahannya semasa di Ipoh berkenaan dengan menghapuskan red tape iaitu memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian supaya menimbangkan permohonan-permohonan dari pada orang ramai supaya dapat diselesaikan dalam masa yang singkat iaitu enam bulan. Saya hendak bertanya, adakah dengan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian tidak mengikut sistem yang lama, ini bermakna memberi kuasa yang begitu authoritative kepada Pesuruhjaya Tanah dan dia boleh memutuskan sama ada tanah itu boleh diluluskan atau tidak boleh lulus, sebab task force itu ialah di bawah tugas dia. Soalan saya, adakah Menteri ini berfikir ini kelak akan melibatkan atas tidak puas hati kepada orang ramai yang memohon tanah itu untuk tukar milik atau permohonan yang dapat disesuaikan sebab tidak ada orang ramai tahu yang tanah dia itu ada di dalam rancangan Kerajaan. Apabila sudah dimohon, barulah dapat rejection of application mengatakan ini ada reserved untuk rancangan Kerajaan. Jadi kuasa yang kita beri kepada Pesuruhjaya Tanah ini kuasanya lebih daripada kuasa Exco ataupun Menteri Besar, ataupun Ketua Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya senang sahaja. Yang Berhormat tidak faham atau tidak berapa faham jawapan saya. Pesuruhjaya Tanah dan Galian itu macam peon sahaja (*Ketawa*). Dia cuma menerima apa-apa permohonan, siap dengan pelan-pelan dan lain-lain. Dia pula kemukakan kepada task force yang dilantik oleh Exco, dengan

persetujuan Exco iaitu Menteri Besar dan tiga empat orang ahli Exco bersama dengan Pesuruhjaya Tanah dan Setiausaha Kerajaan sebagai penasihat. Jadi mesyuarat itu maknanya macam Exco mesyuarat iaitu Exco yang meluluskan. Lulus atau tidak dihantar balik kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian, jawapannya lulus atau tidak, itu kerjanya. Itu jawapannya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat soalan tambahan berkenaan dengan premium tambahan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sepertimana kita tahu bila kelulusan menukar daripada syarat agriculture kepada pembangunan maka salah satu daripada syarat yang dikenakan ialah premium tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau boleh membawa kepada pengetahuan pihak berkuasa negeri melalui Majlis Tanah Negara sama ada premium tambahan yang dikenakan itu boleh dibezakan iaitu jikalau satu kawasan perumahan yang agaknya luas, umpamanya 100 ekar, jikalau pemaian perumahan itu hendak membuat dan memberi kemudahan tertentu seperti padang, jalan-jalan raya yang luas maka kemudahan awam itu tidak usahlah dikenakan satu premium, maknanya dibezakan. Premium patutlah dibezakan untuk rumah dan untuk kemudahan awam. Kalau kita tengok daripada apa yang berlaku sekarang ini cuma ada satu premium sahaja. Ini yang menyebabkan pemaju perumahan tidak menyediakan alat-alat ataupun kemudahan-kemudahan yang lebih baik daripada yang secara minimum yang dikenakan oleh pihak berkuasa negeri.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang akan datang kalau tanah itu luas Kerajaan Negeri tidak akan meluluskan melainkan disediakan sekian banyak ekar untuk padang masjid, surau dan lain-lain. Tentang premium yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh saya bawa perkara ini, sebab kalau tinggi premium maknanya tinggi harga rumah orang yang membeli, kurang pula wang Kerajaan Negeri dapat pula. Nampaknya ramai interested berkenaan dengan pemaju perumahan dalam Dewan Negara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Yang pertama sekali sudahkah diterima oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atas syor yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dalam persidangan itu?

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri mencadangkan satu lagi kepada Kerajaan Negeri iaitu syarat pindah tanah daripada pertanian kepada perumahan itu hendaklah dibekukan kepada syarikat-syarikat perumahan swasta melainkan kepada agensi-agensi Kerajaan sahaja sebab banyak berlaku kelambatan dan bermacam-macam penyelewengan di akhir-akhir ini?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soal yang pertama sudah saya jawab, akan dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Tanah Kebangsaan yang akan datang. Itu pun disoal juga. (*Ketawa*) Adakah saya cakap ini tak terang agaknya (*Ketawa*) atau Ahli Yang Berhormat kurang faham cakap saya kerana tinggi sangat bahasa saya agaknya (*Ketawa*).

Perkara kedua itu, saya fikir saya tak hendak bawa kerana penyelewengan itu berlaku di mana-mana, dalam SEDCs, dalam Kerajaan dan perseorangan, jadi tak bermakna kalau tanah itu tak diberi kepada swasta tak ada penyelewengan, diberi kepada SEDCs tak ada penyelewengan. Tetapi kalau kita beri kepada swasta ada syarat dari Kerajaan Negeri, sekian banyak, misalnya, 30% rumah murah, 30% rumah itu hendaklah diberikan kepada kaum bumiputra dan dengan syarat rumah yang diberikan kepada bumiputra itu jangan dibenarkan swasta itu memberikan segala peruntukan, berapa banyak rumah itu dipegang oleh Kerajaan Negeri sendiri dan orang memohon terus kepada Kerajaan Negeri. Oleh itu, dia tidak dapat kontek dengan syarikat dan tak ada penyelewengan, itu atas cara masing-masing. Ada yang tahu cara itu tetapi dibiarkannya dengan senang penyelewengan berlaku. Itu pun ada.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir sudah cukup, sudah 5 ahli bertanya soal tambahan. Ini soal yang pertama sahaja.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Ini yang akhir sekali. (*Ketawa*) Saya minta penjelasan daripada Menteri berkenaan. Pertamanya yang saya rasa kurang jelas mengenai kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian (PTG). Di dalam jawapan Yang Berhormat tadi menyebutkan bahawa sebenarnya PTG tidak ada kuasa, hanya sebagai peon sahaja. Itu saya minta penjelasan macam mana kedudukan yang sebenarnya.

Yang kedua, di dalam jawapannya tadi juga beliau mengatakan tidak ada penyelewengan dalam SEDCs. Adakah itu boleh dijelaskan, bolehkah saya dapat jawapan daripada kedua-dua soalan itu?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Soalan yang kedua, saya katakan kalau diberi kepada SEDCs pun takkan tak ada penyelewengan. Itu bermakna soalan yang kedua tak timbul, saya tak mengatakan tak ada penyelewengan.

Soalan yang pertama tadi bukanlah saya mengatakan Pesuruhjaya Tanah dan Galian itu peon. Segala permohonan dihantar kepada dia sebagai pegawai yang menerima, dahulu perkara itu dijalankan oleh Pemungut Hasil Tanah, tiap-tiap daerah menerima permohonan, lambatlah perkara itu. Kalau dihantar kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian di Ibu Pejabatnya, dia boleh mengarahkan 5-6 Ketua Jabatan Negeri itu yang menjalankan, memeriksa dari segi plan dan lain-lain. Itu bermakna, Pesuruhjaya Tanah dan Galian tak ada kuasa cuma dia mengatakan segala-galanya untuk dibentangkan macam keria Se'iausaha membentangkan kepada Task Force tadi yang diketuai oleh Menteri Besar. Itu caranya, bukanlah dia itu jadi peon, tetapi saya tak mahu mengatakan dia yang memutuskan, dia macam Setiausaha. Saya tarik balik cakap peon itu (*Ketawa*) oleh kerana Pengarah Tanah banyak di belakang kita (*Ketawa*).

TEKSI—BILANGAN LESEN 1980

2. Tuan Alexander Lee minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen teksi yang telah dikeluarkan di Wilayah Persekutuan pada tahun 1980 dengan memberi butir-butir lesen ini mengikut kaum.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan lesen teksi yang telah dikeluarkan di Wilayah Persekutuan mulai Januari 1980 sehingga 31hb Mei, 1980 ialah sebanyak 348. Pecahan mengikut kaum ialah:

Keturunan	Lesen diluluskan
Melayu	222
Tionghua	102
India	24

Puan Rahmah binti Othman: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu apakah tujuan Ahli Yang Berhormat yang membuat pertanyaan ini kerana di dalam pertanyaan itu dia ingin penjelasan dengan memberi butir-butir lesen yang diluluskan mengikut kaum. Adakah Yang Berhormat yang membuat soalan itu merasa curiga terhadap Dasar Ekonomi Baru?

Tuan Yang di-pertua: Itu tak payah dijawab.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di Pertua, semasa berlaku pemogokan pemandu teksi baru-baru ini di Wilayah Persekutuan pihak Kementerian telah mengumumkan mengikut akhbar bahawa 1,000 lagi lesen teksi akan dikeluarkan. Saya ingin bertanya setakat mana pengumuman itu telah dilaksanakan?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 25hb Jun, 1980, 638 permit telah dikeluarkan, dan sebanyak 739 lagi ada di dalam pertimbangan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya oleh kerana Kementerian beliau ada menyatakan iaitu segala lesen teksi yang bukan dipandu sendiri, maka lesen teksi itu akan diambil balik apabila masanya tamat walaupun dia bersyarikat ataupun tidak, bilakah polisi atau dasar itu di'alkan dan bolehkah dijalankan atau tidak?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu telahpun saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini di dalam sesi ini juga.

BIJIH TIMAH—PENYELUDUPAN

3. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Kewangan menyatakan sepanjang tahun 1979 hingga tahun ini, berapa banyak penyeludupan bijih timah telah dapat dikesan, dan di manakah penyeludupan itu kerap berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1979 sehingga Mei, 1980 Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah berjaya

mengesan sejumlah 322 kes percubaan menyeludup bijih timah yang melibatkan 431 orang. Daripada kes tersebut sebanyak 279 telah berlaku di negeri Johor dan jumlah bijih timah yang dirampas dalam tempoh itu adalah 263,711.86 kilograms dan nilainya adalah sebanyak \$8,914,160.50 dan duti kastam yang terlibat adalah \$1,794,365.68.

Tindakan-tindakan untuk mengawal kegiatan penyeludupan ini, khususnya di negeri Johor telah diperkuatkan oleh Cawangan Pencegahan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raia di Negeri Johor dengan menambahkan bilangan pegawai-pegawai terlatih serta alat-alat kelengkapan. Di samping itu rondaan darat dan laut juga dipergiatkan dengan tujuan mematahkan percubaan penyeludupan bijih timah.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, 332 kes telah dapat dalam tahun 1979 dan penyeludupan ialah satu perkara yang kita pandang berat kepada negara kita ini kerana dapat menangkap 431 orang dalam tahun 1979 sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya suka bertanya, yang pertama, bagaimana berkenaan penyeludupan di tanahair kita, adakah makin bertambah dari setahun ke setahun ataupun dapat diatasi dari semasa ke semasa makin berkurangan?

Kedua, apakah aturcara ataupun bagaimana kementerian ini dapat mengatasi supaya perkara ini dapat kita hapuskan dalam masa yang ke hadapan sebab saya pandang penyeludupan ini adalah sungguh merbahaya kepada negara kita?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang penyeludupan bijih timah adakah tinggi atau kurang, jawapan saya kurang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi penyeludupan bijih timah, Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raia telah menambah usaha untuk menghapuskan penyeludupan bijih timah.

SEMINAR MENGENAI AMALAN DAN PERATURAN PARLIMEN

4. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan demi untuk meninggikan taraf pengetahuan dan pengalaman Ahli-ahli Parlimen Malaysia sama ada terdapat rancangan

untuk memberi seminar dan kursus tatarakyat kepada mereka dari semasa ke semasa supaya mereka dapat memberi lebih sumbangan kepada rakyat dan negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk meninggikan taraf pengetahuan dan pengalaman Ahli-ahli khususnya berkenaan dengan amalan dan peraturan Parlimen, satu Seminar telah diadakan di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 11hb hingga 13hb Jun, 1980. Dengan cara ini Ahli-ahli Parlimen dapat mengetahui lebih mendalam tentang tugas-tugas dan tanggungjawab mereka itu dalam bidang melaksanakan peranan mereka sebagai wakil rakyat.

Seminar dan kursus tatarakyat seperti ini akan terus diadakan dari masa ke semasa mengikut keperluan. Dalam hubungan ini lawatan-lawatan keluar negeri juga diadakan dari masa ke semasa untuk meluaskan lagi pandangan dan pengalaman Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan cemerlang terhadap negara.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, satu sahaja. Tadi Yang Berhormat kata kita akan mendalami pengalaman Ahli-ahli Parlimen dengan menghantar keluar negeri. Bila usaha ini hendak dibuat oleh Kementerian dan berapa orang yang hendak dihantar dan negeri mana yang hendak dihantar?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya rasa memang pun sudah berjalan dan Yang Berhormat itu pernah juga pergi keluar negeri.

KEDUDUKAN "THE RIGHT OF HOT PURSUIT" DI SEMPADAN NEGERI THAI

5. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan menyatakan kedudukan "The Right of Hot Pursuit" di sempadan negeri Thai yang membolehkan askar-askar kita mengejar musuh ke dalam negeri Thai memandangkan negara tersebut mempunyai Kerajaan baru.

Menteri Pertahanan (Datuk Anwar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua "The Right of Hot Pursuit" bagi

membolehkan Pasukan Keselamatan kita memburu gerombolan musuh dalam kawasan Thai adalah terkandung di dalam Perjanjian Kerjasama Bersempadan di antara Malaysia dengan negeri Thai dan tidak bertukar sungguhpun Kerajaan Negara Thai mempunyai Kerajaan baru.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memandang soalan ini amat serius dalam negara kita ini, jadi hendak bertanya cabaran pihak musuh kepada negara Thai semua kita tahu pada hari ini telah sampai kepada halaman rumah kita iaini peperangan yang berlaku di sempadan negara Thai seperti kita maklum. Cabaran ini sudah sampai ke seluruh negara ASEAN dan khasnya Malaysia yang telah berjanji dengan negara Thai, jikalau negara Thai dilanggar Malaysia tetap berdiri bersama sebagai "gentlemen's agreement" kita dengan negara-negara ASEAN. Saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan kalau negara Thai diceroboh oleh musuh adakah kita mungkir janji?

Kedua, apakah pendapat ASEAN, adakah kita boleh diolok-olokkan oleh musuh, dahulu kita kata jangan langgar, kita berkecuali, kita bersahabat, neutral, tetapi dilanggar oleh mereka. Menterinya datang ke sini bercakap dengan kita bukan sebarang-sebarang, dia kata jangan takut seluruh negara ASEAN, khasnya Malaysia, Thailand, Indonesia, mereka tidak akan langgar. Sekarang saya hendak bertanya apakah pendirian ASEAN khasnya Malaysia terhadap satu perkara yang saya pandang serius, mencabar kepada negara kita pada masa sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain. (Ketawa).

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping soalan "The right of Hot Pursuit" saya ingin bertanya memandangkan pencerobohan Vietnam ke atas Thailand dua hari dahulu dan di-teruskan lagi pada hari ini sama ada Kerajaan kita memandangkan berat kejadian itu dan apakah langkah akan diambil untuk memperkukuhkan lagi pertahanan kita di Sempadan Thai dengan kerjasama Kerajaan baru Thai.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, baru pagi tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

kita telah menyatakan kedudukan Malaysia iaitu kita memandang berat atas keadaan yang berlaku di sempadan Thai dengan Vietnam. Di sini saya ingin memberi penerangan bahawa soalan yang telah dibangkitkan ialah menyentuh soal perhubungan baik yang berlaku di sempadan Malaysia dan Thai di bawah Perjanjian Kerjasama Bersempadan kedua negara, bukan termasuk Sempadan Thailand dengan Vietnam.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, ini tidak menyeleweng daripada soalan asal. Berkenaan "The Right of Hot Pursuit" ini apabila kita mengejar musuh-musuh negara, iaitu musuh Thailand jugalah iaitu komunis ke dalam sempadan, adakah meseri kita memberitahu Thailand sebab masa kita hendak mengejar musuh, kita tidak dapat memberitahu Thailand? Boleh atau tidak kita buat begitu atau kita mesti beritahu dahulu kepada mereka?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, biar saya menyebutkan soal unilateral operations mengikut perjanjian kita. May I quote, Sir? (Dengan izin) "The operations are normally carried out independently by security forces of each country in its own respective borders. In the event of a contact with the enemy, the security forces of either country can effect border crossing. The Combined Task Force Headquarters of the country concerned shall inform its opposite Combined Task Force Headquarters and Regional Border Committee Office of the crossing and seek permission of the distance and duration allowed for such crossing."

PEMBORONG BUMIPUTRA

6. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jenis khidmat nasihat yang akan dapat membantu kaum Bumiputra bagi menyelesaikan masalah dalam sektor pemborongan dengan tertubuhnya Cawangan Bahagian Penyertaan untuk menolong para kontraktor Melayu bagi mencapai kemajuan selaras dengan dasar Kerajaan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, peranan "khidmat nasihat" yang dijalankan oleh Bahagian penyertaan

Bumiputra di Kementerian saya adalah bertujuan untuk membimbing pemborong Bumiputra dalam mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi sebagai pemborong. Bentuk khidmat nasihat yang diberi boleh dibahagi kepada 3 peringkat, seperti berikut—

- (a) *Peringkat sebelum tawaran*—Bahagian Penyertaan Bumiputra akan menasihatkan pemborong cara-cara atau “prosedur” memasuki tawaran dengan betul dan sempurna.
- (b) *Peringkat sesudah tawaran*—Apabila tawaran pemborong diterima, mereka akan dinasihati atas tindakan-tindakan yang perlu diambil seperti menyediakan polisi insuran, cara-cara mendapatkan bank guarantee, sumber-sumber bekalan bahan binaan, bagaimana menguruskan pejabat tapakbina dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan urusan pembinaan. Bahagian ini juga akan melayan aduan-aduan yang timbul berkenaan dengan maklumat-maklumat yang tidak diterima dari pihak-pihak tertentu untuk membolehkan pemborong-pemborong ini memulakan sesuatu kerja.
- (c) *Peringkat semasa projek dilaksanakan*—Bahagian juga akan melayani aduan-aduan yang diterima dari pemborong yang menjalankan projek-projek, misalnya kelewatan pembayaran kemajuan, kesukaran mendapat bahan binaan, masalah-masalah “variation order” dan lain-lain lagi. Apa yang dilakukan oleh Bahagian ini ialah menentukan bahawa peraturan mengendalikan perkara-perkara seperti di atas dipatuhi oleh semua pihak termasuk pemborong sendiri supaya urusan pembinaan dan kemajuan projek itu tidak tergendala.

Bagi membolehkan khidmat nasihat yang sempurna diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputra, Bahagian ini juga berhubung rapat dengan institusi-institusi kewangan dan pembekal-pembekal bahan binaan agar pertolongan kepada pemborong-pemborong Bumiputra dari segi kelolaan kewangan dan bekalan bahan binaan dapat dipercepatkan, untuk mengelakkan pelaksanaan satu-satu projek itu berjalan tanpa terganggu.

Untuk meninggikan lagi mutu pengetahuan pemborong-pemborong Bumiputra, Bahagian ini juga mengendalikan Kursus-kursus Asas

dan Lanjutan mengenai urusanniaga pemborongan dengan tujuan agar penceburan mereka di dalam binaan ini lebih sempurna dan teratur.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah pinak Menteri yang berkenaan mengadakan satu lagi perkara yang sangat mustahak daripada segala perkara yang dicakapkan oleh Menteri yang berkenaan tadi. Kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang lepas Menteri yang berkenaan ada mengatakan beratus pemborong-pemborong bumiputra sudah bankrap dan tidak dapat menyempurnakan kontrak. Apa cara dan bagaimana Jawatankuasa itu dapat menolong kontraktor-kontraktor bumiputra yang tidak berjaya, sebab-sebabnya yang dia tidak berjaya dan cara mana dia dapat memulihkan balik perkhidmatannya supaya dapat menjayakan sama ada dengan bantuan wang ataupun tendernya dikurangkan dan sebagainya. Ini yang paling mustahak daripada semua yang dicakapkan oleh Menteri yang berkenaan. Jadi dapat atau tidak Kementerian ini membuat perkara yang tersebut?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sebagai Menteri sedar apakah masalah-masalah daripada kontraktor-kontraktor bumiputra dan apakah teknikal dalam masalah-masalah itu tetapi kita ada Bahagian Penyertaan Bumiputra di dalam Kementerian saya untuk memberi nasihat. Jikalau semua pemborong-pemborong yang tidak bertanggungjawab tidak suka menghubungi Kementerian saya dan Bahagian itu, saya rasa kita tidak boleh tolong mereka. Siapa yang berhubung dengan kita, kita ada juga memberi semua nasihat macam mana mereka boleh jalankan kontrak-kontrak dan boleh dapat faedah daripada perusahaan itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi saya takut-takut indah khabar daripada rupa. Ini yang ditakuti sekali. Ada bumiputra hendak meminjam duit daripada bank untuk pembangunan dan sebagainya tetapi bank itu tolak. Jadi apakah tindakan oleh kerana di sini Yang Berhormat ada menyatakan iaitu Bahagian Penyertaan Bumiputra ada menengokkan bumiputra ini. Jikalau mereka mengadu kepada Bahagian Penyertaan Bumiputra ini apakah tindakannya, adakah Bahagian Penyertaan Bumiputra ini akan bertindak

tegas betul-betul terhadap bank-bank yang tersebut. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu jangan takut (*Ketawa*). Perkara ini adalah di dalam pertimbangan saya dan pegawai-pegawai dalam Kementerian saya ada mencari satu cara baru tetapi kita belum tetapkan lagi. Apabila sudah ditetapkan cara itu saya harap pemborong-pemborong bumiputra boleh dapat lebih faedah daripada Bahagian Penyertaan Bumiputra dalam Kementerian saya.

RTM—PAKAIAN PEMBACA BERITA

7. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Penerangan menyalakan sama ada beliau akan mengkaji semula pakaian pembaca berita dan pengulas-pengulas RTM dengan tujuan menitikberatkan pakaian ketimuran.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama RTM adalah untuk menarik perhatian penuh penonton- penonton kepada isi kandungan berita-berita dan bukan kepada pakaian atau hiasan yang dipakai oleh pembaca-pembaca berita. Oleh kerana itu Jabatan Penyiaran telah menentukan pakaian seragam yang kemas dan tidak menjolok mata dengan warna-warna muda yang sesuai dengan teknik TV berwarna.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan tadi beliau telah menerangkan untuk dipandang cantik dan menarik. Di sini saya hendak menarik perhatian Kementerian Penerangan berhubung dengan pembaca-pembaca berita di TV Malaysia yang sekarang ini kadangkala terjadi umpamanya Berita pukul 5.30 petang dibaca oleh kaum Cina, 6.30 petang di Rangkaian Kedua dibaca oleh orang India, pukul 8.00 malam di Rangkaian Kedua dibaca oleh orang Cina, pukul 8.30 malam dibaca oleh orang India dan pukul 10.00 malam dibaca oleh orang Cina. Kadangkala Laporan Parlimen pun dibaca oleh orang bukan Melayu juga. Oleh itu untuk mengelakkan kerana kadangkala saya ada bersama-sama dengan pelancung-pelancung dan kawan-kawan dari luar negeri yang tidak pernah datang ke Malaysia

mereka menganggap yang orang Melayu tidak ada memandangkan tidak ada orang Melayu yang membaca Warta Berita. Ini saya hendak penerangan, bukan membangkitkan masalah perkauman tetapi untuk mencerminkan yang Malaysia ini ada berbilang kaum.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, kami berpendapat iaitu bukan semua pembaca-pembaca adalah orang Cina atau orang India sahaja tetapi angka-angka yang ada antara pembaca-pembaca Berita adalah mencerminkan masyarakat yang berbilang kaum Malaysia pada ketika ini.

GANTIRUGI UNTUK TANAH BUMIPUTRA

8. Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sebabnya sebahagian daripada bayaran gantirugi untuk tanah Bumiputra yang telah diambil untuk rancangan kelapa sawit dan ternakan lembu di antara Ulu Mukah dan Balingian belum lagi diselesaikan oleh Kerajaan; dan
- (b) sama ada kelewatan membayar itu disebabkan oleh kesulitan kewangan pada pihak Kerajaan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Rancangan Tanaman Kelapa Sawit dan Ternakan Lembu di antara Ulu Mukah dan Balingian adalah di bawah Rancangan Pembangunan Tanah Kerajaan Negeri Sarawak dan yang dilaksanakan oleh Sarawak Land Development Board. Rancangan ini meliputi keluasan tanah seluas 40,900 ekar iaitu tanaman kelapa sawit dibahagi kepada lima phase.

Phase 1 dan 2	10,000 ekar
Phase 3 dan 4	14,280 ..
Phase 5	8,840 ..
Ternakan Lembu	7,780 ..
JUMLAH	40,900 ..

Bagi tanah kawasan Phase 1 hingga 4 bagi maksud rancangan ini setengah daripada tanah-tanah tersebut telahpun dijalankan kerja-kerja pengukuran dan pengambilan mengikut peruntukan undang-undang.

Untuk tanah kawasan Phase 5 rancangan pembangunan akan dibawa dalam Rancangan Malaysia Keempat. Oleh kerana tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri maka pengambilan tanah bagi maksud ini terpaksa mengambil masa dan dengan ini pembayaran gantirugi kepada tuan-tuan tanah yang tanahnya diambil juga lewat menerima pembayaran.

Bagi tanah kawasan Phase 1 hingga 4 setengah daripada tanah yang telah diambil telanpun dibuat pembayaran gantirugi dan setengah lagi belum dapat pembayaran kerana kerja-kerja pengukuran dan menilai belum selesai.

Bagi tanah kelima setakat ini hanya 3,900 ekar sahaja baru dibuat pengukuran. Tanah bagi tujuan ternakan adalah 7,080 ekar dan akan dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Ternakan Negara atau MAJUTERNAK. Pada masa ini kerja-kerja pengukuran tanah dimulakan. Oleh kerana kerja-kerja ini belum selesai dijalankan maka pembayaran gantirugi kepada tuan-tuan tanah belum dapat diselesaikan. Kelewatan membayar gantirugi bukanlah disebabkan kesulian kewangan pada pihak Kerajaan tetapi ianya adalah disebabkan tuan-tuan tanah di Sarawak tidak mengetahui kedudukan sempadan tanah mereka sebenarnya. Apabila kerja-kerja ukuran untuk maksud pengambilan bagi rancangan dilaksanakan pihak Pejabat Tanah dan Ukur Sarawak terpaksa bertanya kepada tuan-tuan tanah tersebut dan kemudiannya barulah dapat di-buat ukuran. Dan ini terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan. Akhirnya hanya tanah-tanah yang belum di-buat pengukuran dan nilaian sahaja yang belum dibuat pembayaran tetapi bagi tanah-tanah yang telah dibuat pengukuran dan di-nilai telah dibuat pembayaran. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-pertua, saya akan menghan'arkan jawapan ini kepada Pengarah Ukur Sarawak supaya seberapa yang boleh melekaskan ukuran tanah itu supaya lekas dibayar kepada tuan-tuan tanah.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu, supaya tanah-tanah yang sudah diukur yang berkenaan belum dibayar gantirugi oleh pihak berkenaan masih lagi sebagai hakmilik pemunya asalnya dan bolehkah tanah-tanah seperti itu sekarang diusahakan oleh tuan punya tanah untuk bercucuk tanam selagi pampasan tanah itu belum diterima.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Mengikut undang-undang boleh. Tanah sudah diisytihar oleh Kerajaan sudah diambil, sudah diukur maka kalau ada hasil sementara itu dengan kebenaran pihak berkuasa Kerajaan Negeri, bolehlah. Tetapi hendak membuat tanaman semula tidak boleh.

Perkara ini patut disoal pada Kerajaan Negeri di sana dan saya tidak bersusah payah pula menjawab bagi pihak Kerajaan Sarawak. (*Ketawa*).

HOSPITAL BARU PORT DICKSON— PEMBINAAN

9. Tuan Haji Abdul Samad bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada terdapat cadangan hendak mendirikan hospital baru bagi Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga cadangan membina satu Hospital Daerah yang baru bagi Port Dickson telah diluluskan.

SURAT-SURAT DI PEJABAT POS

10. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan mengambil tindakan untuk memperbaiki kecekapan Pejabat supaya surat-surat yang dipos akan diterima pada hari yang sama terutama di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan yang berkesan untuk memperbaiki kecekapan Pejabat Pos. Pada masa ini, matlamat yang ditetapkan ialah penyampaian surat-surat dalam negeri pada hari yang berikutan, dan lebih kurang 80% daripada surat-surat negeri kini dapat disampaikan pada hari kesokannya. Mengenai penyampaian surat-surat dalam negeri pada hari yang sama terutama di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, suka saya menyatakan bahawa sistem penyampaian surat pada hari yang sama

sedang dijalankan bagi surat-surat yang diposkan di Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur serta di Pejabat Pos Jalan Sultan, Petaling Jaya, sebelum 11.00 pagi, dan sistem ini akan beransur-ansur diperluaskan ke seluruh negara.

Datuk Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar Pejabat Pos yang patut dibuka di Batu 4, Jalan Ipoh pada bulan enam ini

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain. Tidak kena mengena.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Adakah Menteri sedar bahawa kedapatan Pejabat-pejabat Pos yang baru yang dibuka di dalam bandar-bandar seumpama di Kuala Trengganu hanyalah ditempatkan seorang . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini melibatkan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja. Ini soalan lain.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang mulanya umum, seluruh negara. Jadi saya hendak mengambil hak yang mula bukan hak yang di sini. Saya bawa misalnya seumpama Pejabat Pos di Kuala Trengganu yang dibuka di Wisma Persekutuan yang ada mengandungi di situ semua pejabat-pejabat Kerajaan tetapi di tempat itu hanya seorang pegawai Pejabat Pos. Apakah kalau pegawai itu pergi membuang air atau ke sungai besar terpaksa dia tutup. Macam mana cara seumpama ini boleh terjadi. Bukan Pejabat Pos ini sahaja tetapi Pejabat Pos yang lain di Kuala Trengganu begitu juga caranya. Saya mahu bertanya kepada Menteri yang berkenaan inikah caranya menyelaraskan atau hendak memajukan, hendak memodenkan pos supaya surat-surat itu sampai dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah jawab. 80% sudah dapat dijalankan, sampai hari yang sama. Tidak payah jawab.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya soal No. 11 saya hendak ingatkan juga Tuan Yang di-Pertua. Soal saya tidak sedar tadi yang tidak dijawab. Pada pendapat saya masa saya satu minit Dewan Negara ini adalah mendokong jentera keselamatan negara dan rakyat. Patut dalam perbahasan ini diberi peluang sedikit supaya kita dapat sempat membahaskan satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini masa soal jawab bukan debate.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Ya, soalan saya yang ke 11, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

BUMIPUTRA DALAM INDUSTRI PETROLEUM

11. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan perkembangan perusahaan petroleum dalam negara ini, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelaraskan penyertaan Bumiputra dalam perniagaan stesyen minyak, serta latihan dan pengendalian Bumiputra dalam projek perkapalan bekalan, dan alat-alat industri petroleum.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-pertua, bagi menjawab bahagian pertama mengenai penyertaan Bumiputra di dalam urusan niaga stesyen minyak, sukalah saya memaklumkan bahawa pada 30hb Disember, 1979 bilangan pengusaha-pengusaha minyak Bumiputra ialah 214 atau 17% daripada jumlah 1,257 pengusaha stesyen minyak di seluruh Malaysia. Kementerian saya sedar bahawa penyertaan Bumiputra di dalam bidang perniagaan bahan-bahan petroleum melalui stesyen minyak belum memuaskan dan langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini sedang dijalankan berperingkat-peringkat. Syarikat-syarikat minyak telah diarah supaya perlantikan pengusaha-pengusaha Bumiputra bagi menjalankan perniagaan stesyen minyak dipercepatkan dan keutamaan diberi kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra bagi semua stesyen minyak baharu khususnya di kawasan perumahan baharu.

Mengenai bahagian kedua, soalan ini, berhubung dengan latihan dalam pengurusan projek perkapalan bekalan, dan alat-alat industri petroleum, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara mengadakan kursus-kursus melahir dan membina usahawan-usahawan Bumiputra (Entrepreneurship Development Programme). Kursus ini adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada perkapalan dan alat-alat industri petroleum sahaja.

Kursus ini telah dimulakan pada pertengahan tahun 1976. Sebanyak 361 kursus telah dijalankan meliputi seramai 9,184 peserta. Mengikut kajian ulangkai selepas kursus ini, seramai 815 peserta itu telah mula menceburkan diri mereka di dalam berbagai perniagaan dan perusahaan. Seramai 6,215 peserta telah diberi "khidmat susulan" (follow-up service) dan seramai 2,760 peserta telah diberi "khidmat nasihat" berkenaan dengan masalah-masalah mereka di dalam perniagaan. Ini bermakna seberapa boleh pegawai-pegawai dari pusat Daya Pengeluaran Negara bukan sahaja menjalankan kursus mereka, juga menziarahi usahawan-usahawan ini untuk memberi bantuan di dalam perniagaan mereka seperti membuat buku kira-kira, jualan, pemasaran, cara aturan barang-barang dan mencari jalan yang lain supaya dapat mereka mengembangkan perniagaan dan perusahaan masing-masing.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak mendapat tahu adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bagaimana kata beliau cuma 214 stesen minyak iaitu 17% sahaja sekarang. Mengikut keputusan Kongres Ekonomi Bumiputra yang baru ini kalau seluruh pam minyak yang baru yang didirikan oleh PETRONAS diberi kepada bumiputra keseluruhannya sehingga sampai tahun 1990, mengikut Dasar Ekonomi Baru bumiputra tidak boleh dapat mencapai 30%. Adakah ini benar, kalau benar apa cara Kerajaan dapat mengatasi supaya dapat mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi langkah untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru khusus di dalam perniagaan stesen minyak dijalankan berperingkat-peringkat. Jadi di mana tempat kalau ada stesyen minyak baru wujud, keutamaan diberi kepada bumiputra. Berkenaan dengan kajian yang dibuat, saya tidak tahu bagaimana angka-angka ini dibuat. Tetapi jika perlu kita boleh mengarah stesen-stesen minyak memberi pertimbangan kepada pengusaha-pengusaha yang minat menjalankan stesen minyak.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Setakat ini 17% sahaja bumiputra dalam perusahaan Petroleum, perniagaan stesen minyak, projek perkapalan dan lain-lain. Saya hanya hendak bertanya supaya jawapan-jawapan tegas daripada Kementerian

kepada Dewan ini nyata dan diperakui. Sekarang kita semua faham, matlamat kita bagi bumiputra mencapai 30% hanya tinggal 10 tahun sahaja lagi. Saya ingin bertanya sekarang, dalam bidang petroleum ini kerana ini satu usaha yang saya pandang nyata dan berkesan kepada rakyat. Adakah dibuat rancangan yang tegas supaya 10 tahun lagi iaitu pada tahun 1990 matlamat Dasar Ekonomi Baru kita ini benar-benar terjamin 30% akan didapati oleh bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, sebab apabila kita sudah janji dan laungkan kepada seluruh rakyat bahawa dilihat ini, adakah kita praktikkan? Sebab itu saya suka bertanya sekali lagi, adakah matlamat Menteri berkenaan bahawa dalam masa 10 tahun lagi insya Allah 30% ini tetap menjelma?

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan itu ialah insya Allah jugalah. Tetapi selain daripada kita menyerah kepada Tuhan, Kerajaan tetap akan berusaha. Usaha ini bergantung juga kepada sambutan daripada pihak yang ditolong. Kalau kita tidak menerima bantuan yang diberi oleh Kerajaan dengan cara yang telah ditentukan sebaliknya kita menjual balik apa yang telah diberi kepada kita, maka sudah tentu matlamat kita tidak akan tercapai. Umpamanya dalam soal pembahagian saham cuma 11% sahaja daripada saham yang telah diedar kepada beberapa orang sekarang ini berada di tangan mereka, yang lainnya telahpun dijual kepada pihak lain. Dan dalam keadaan ini tidak mungkin kita mencapai matlamat kita. Sebab itu selain daripada tanggungjawab Kerajaan kita memohon supaya rakyat juga dengan nasihat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak akan menyalahgunakan pertolongan yang telah diberi kepada mereka.

PAKAR PERUBATAN DI HOSPITAL

12. Tuan Yap Peng minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pakar-pakar perubatan yang berkhidmat di hospital-hospital di negara ini mengikut bidang kepakaran.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pakar-pakar perubatan yang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan di negara ini mengikut bidang kepakaran adalah seperti berikut:

Pakar Perubatan (Umum)

46

Pakar Bedah (Umum)	31
Pakar Perbidanan & Sakitpuan ...	30
Pakar Bius	17
Pakar Mata	28
Pakar Otopidik	11
Pakar X-Ray Diagnostik	17
Pakar Kanak-kanak	19
Pakar Kajipenyakit (Hospital) ...	11
Pakar Perubatan Jiwa	9
Pakar Perubatan Dada	10
Pakar X-Ray Therapy	6
Pakar Hidung, Tekak & Telinga	6
Pakar Kulit	4
Pakar Urosurgery	2
Pakar Neurosurgery	1
Pakar Neurology	1
Pakar Nephrology	1
Pakar Pemindahan Darah	2
Pakar Bedah Thoracic	1
Pakar Bedah Plastik	2
Pakar Veneorology	1
JUMLAH	255

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Soalan tambahan. Mengenai bilangan doktor-doktor dan juga memandangkan kurangnya pakar-pakar perubatan di Hospital Kerajaan di Malaysia, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyatakan bilangan doktor-doktor yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negeri dengan biasiswa Kerajaan untuk mendapatkan kelayakan lebih tinggi lagi sebagai perubatan supaya dapat memperbaiki keadaan kekurangan doktor-doktor pakar ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Perkataan "menetapkan" ataupun apa disebutkan tadi?

Datuk Wee Khoon Hock: Bilangan doktor diberi biasiswa di luar negeri.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendakkan notis kerana saya di sini tidak mempunyai angka-angka-angka yang tepat mengenai bilangan doktor-doktor yang melanjutkan pelajaran

kepakaran di bawah biasiswa Kerajaan. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyakinkan Ahli Yang Berhormat memang ada beberapa orang doktor-doktor kita berlatih di bawah biasiswa Kerajaan.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan pembahagian pakar ini. Oleh sebab setengah-setengah hospital tidak ada pakar-pakar yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk setempat dan setengah-setengah hospital mendapat lebih peruntukan pakar-pakar ini. Jadi apakah cara pemberian pakar-pakar ini kepada satu-satu daerah mengikut cara mana, adakah mengikut bilangan penduduk atau keadaan tempat.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, itu mengikut keperluan dan juga kemudahan yang ada di sana iaitu di hospital-hospital berkenaan. Sebenarnya, tiap-tiap negeri ada mempunyai pakar walaupun angkanya berbeza. Umpamanya: Perlis 3, Kedah 15, Pulau Pinang 18, Perak 27, Selangor 10, Negeri Sembilan 13, Melaka 9, Johor 24, Pahang 16, Trengganu 8, Kelantan 13, Kuala Lumpur 51 ini kerana ianya merupakan Pusat Rujukan Nasional, Institusi Persekutuan 7 seperti Hospital Bahagia dan Permai dan Sungai Buloh, Sabah 12 dan Sarawak 24.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).

PERKHIDMATAN BAS DI TRENGGANU

13. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan beliau sedar bahawa perkhidmatan bas di antara Kuala Trengganu dan Ulu Trengganu, Besut, Marang dan Dungun adalah tidak mencukupi dan tidak memuaskan oleh kerana jalan-jalan ini dimonopoli oleh satu syarikat bas sahaja dan jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk meluluskan syarikat-syarikat bas yang lain untuk turut berkhidmat.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Kementerian ini menyedari masalah pengangkutan awam yang tidak mencukupi di kawasan-kawasan tersebut dan

juga di beberapa tempat lain. Untuk menatasinya Kerajaan sedang menimbangkan permohonan-permohonan untuk lesen perkhidmatan bas di kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat itu. Pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan membuat keputusan dalam masa dua bulan ini.

POLITEKNIK UNGKU OMAR IPOH

14. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai 30 orang pelajar yang dibuang dari Sekolah Menengah Politeknik Ungku Omar Ipoh sama ada masalah tak puas hati oleh pelajar-pelajar sekolah itu telah diatasi dan sama ada dengan tersingkirnya 30 pelajar sekolah itu maka selesailah masalah tidak puas hati oleh pelajar-pelajar lain.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Bilangan pelajar-pelajar yang dipecat daripada Politeknik ialah seramai 11 orang dan bukan 30 orang seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu. Di antara 11 orang itu 5 daripadanya ialah terdiri daripada mereka yang diberi peluang merayu tetapi tidak berbuat demikian dan 6 orang yang merayu tetapi setelah dipertimbang dengan sehalus-halusnya, dikekalkan keputusan dipecat.

Berkenaan dengan masalah tidak puas hati itu pula Kementerian saya telah mengatasi perkara ini dan sedang menjalankan satu kajian untuk memperbaiki lagi keadaan-keadaan yang telah membawa kepada perasaan tidak puas hati itu.

TENTERA WATANIAH DI PERLIS

15. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menempatkan sekurang-kurangnya satu batalion tetap atau pun tambahan kepada batalion Wataniah yang sedia ada sekarang ini di negeri Perlis oleh kerana Negeri itu sangat terdedah kepada ancaman luar.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Dalam rancangan pembesaran Tentera Darat, penempatan yunit-yunit sedang dijalankan secara keseluruhannya mengikut asas-asas tertentu. Memang ada dirancang untuk ditempatkan pasukan tambahan berupa Markas

formasi (peringkat Briged) serta beberapa batalion Infanteri dan pasukan bantuan di negeri Perlis, rancangan ini adalah dalam rangka masa 1980 hingga 1982.

TIKET LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

16. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah hadiah tiket-tiket Loteri Kebajikan Masyarakat dalam tahun-tahun 1978 dan 1979 yang tidak dituntut.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Jumlah hadiah tiket-tiket Loteri Kebajikan Masyarakat yang tidak dituntut bagi tahun 1978 ialah sebanyak \$1,272,700.00 dan bagi tahun 1979 ialah sebanyak \$2,174,500.00.

PERKHIDMATAN KLINIK BERGERAK

17. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengadakan Perkhidmatan Klinik Bergerak melawat ke ladang-ladang seperti di kampung-kampung dan Kampung-kampung Baru untuk memberi panduan dan rawatan kepada ibu-ibu mengandung dan dan juga memelihara bayi-bayi mereka.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Kesihatan sedang meluaskan liputan perkhidmatannya ke kawasan-kawasan yang kekurangan atau tidak mempunyai kemudahan kesihatan melalui Pasukan Bergerak Kesihatan. Pasukan Bergerak yang pada masa ini berjumlah 40 buah, memberi perkhidmatan dari segi rawatan dan pencegahan penyakit-penyakit termasuk Perkhidmatan Ibu dan Kanak-kanak. Keutamaan lawatan Pasukan Bergerak ini ialah di kawasan-kawasan pedalaman. Di dalam Perancangan dan Pembangunan Kementerian Kesihatan, kampung-kampung baru dan tanah-tanah rancangan akan diberi keutamaan. Perkhidmatan Kesihatan bagi pekerja-pekerja estet adalah tanggungjawab pihak estet di bawah Undang-undang 'Rump Labour Code'. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang terdapat Perkhidmatan Ibu dan Kanak-kanak yang diberi oleh kakitangan kesihatan di Pusat-pusat Kesihatan dan Klinik Desa yang berhampiran dengan estet-estet. Didapati perkhidmatan ini digunakan oleh pekerja-pekerja estet dan keluarga mereka.

PANGGILAN STD

18. Datuk Haji Mohd Din bin Jaafar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah panggilan STD dari Semenanjung Malaysia dapat disiapkan untuk menghubungi Sabah dan Sarawak; dan
- (b) sama ada terdapat cadangan untuk membuat bangunan pejabat-pejabat pos baru di Sabah; jika ya nyatakan bilangannya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Iroke):

- (a) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat panggilan STD dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dijangka dapat dilaksanakan pada akhir bulan Ogos tahun ini apabila kerja-kerja pemasangan sistem kabel dasar laut di antara Kuantan-Kuching serta pemasangan sistem microwave ke Sarawak dan Sabah siap kelak.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sememangnya ada cadangan untuk membuat beberapa bangunan pejabat pos baru di Sabah dan cadangan ini dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat yang belum lagi mendapat kelulusan. Jika cadangan ini diluluskan, maka bilangan pejabat pos yang baru yang akan dibina di Sabah ialah 8. Selain dari itu lagi ada 4 projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang juga akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

SISTEM DEMOKRASI

19. Tuan V. V. Aboo minta Perdana Menteri nyatakan sama ada beliau berpuashati dengan Sistem Demokrasi penuh yang diamalkan oleh Malaysia pada masa ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Ya, Kerajaan memang berpuashati dengan Sistem Demokrasi "Penuh" yang diamalkan di negara ini sekarang. Demokrasi diamalkan di negara ini mengikut prinsip dan tafsiran yang sesuai dengan kehendak rakyat Malaysia. Ini adalah perlu kerana tiap-tiap negara membuat tafsiran sendiri terhadap demokrasi. Kita dapati Soviet Russia juga mendakwa mereka adalah demokratik dan Amerika Syarikat

juga mendakwa dirinya demokratik. Tetapi di kedua-dua negara terdapat amalan yang bukan sahaja bertentangan antara satu sama lain tetapi juga sukar diterima oleh rakyat Malaysia.

Yang penting dalam demokrasi ialah rakyat dapat memilih wakil mereka melalui pilihanraya. Kebebasan melanggar undang-undang yang terdapat di setengah negara yang kononnya demokratik bukanlah asas atau ukuran demokrasi. Kebebasan ini memang tidak ada dan tidak akan diberi di negara ini kerana ia lebih merupakan anarki dari demokrasi. Sebab itu kita bukan sahaja berpuashati dengan demokrasi penuh kita, tetapi kita anggap kita lebih demokratik dari lain-lain demokrasi di dunia.

RANCANGAN FELDA—PENEMPATAN CALON

20. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beratus-ratus calon yang berjaya dipilih untuk menyertai di Rancangan-rancangan Tanah Felda masih menunggu untuk ditempatkan di Rancangan-rancangan Felda dan mereka ini diberitahu bahawa mereka hendaklah menunggu sehingga rancangan-rancangan Felda baharu dibuka di negeri masing-masing; dan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dasar menempatkan Pentroka-peneroka di Rancangan-rancangan Felda di Negeri masing-masing.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Saya sedar di atas ramainya calon-calon yang telah berjaya untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA tetapi masih menunggu untuk ditempatkan. Sebenarnya angka mereka yang menunggu sehingga 14-6-1980 ialah 16,289. Dalam masalah ini, sebagaimana yang pernah saya nyatakan di Dewan ini penempatan mereka ke dalam rancangan-rancangan FELDA bergantunglah kepada pembukaan rancangan-rancangan tanah oleh FELDA, lebih-lebih lagi di dalam negeri di mana calon-calon yang menunggu itu berada. Penerimaan peneroka-peneroka FELDA adalah dibuat dengan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada mempunyai dasar mereka yang tertentu. Bagi makluman Yang Berhormat kemampuan FELDA untuk menerima peneroka-peneroka bagi jangka-masa 5 tahun akan datang berasaskan kepada

kawasan-kawasan yang telah dan akan dibuka adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Peneroka Dalam Tempoh 5 Tahun Akan Datang
Perlis	500
Kedah	1,917
Perak	2,434
Negeri Sembilan	7,741
Johor	8,887
Pahang	23,800
Trengganu	3,573
Kelantan	2,506
JUMLAH ...	51,358

Dengan ini jelaslah bahawa dengan bilangan calon menunggu yang ada boleh diatasi apabila rancangan-rancangan ini siap.

GURU-GURU PELATIH DI MAKTAB PERGURUAN-PERGURUAN

21. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar dan komposisi kaum yang dimasukkan kepada tiap-tiap maktab perguruan di seluruh negara bagi sesi akademik 1980/1981.

Dato' Musa bin Hitam: Bilangan guru-guru pelatih dan komposisi kaum yang diambil masuk tiap-tiap maktab di seluruh negara adalah seperti berikut:

(a) Bilangan Pengambilan Guru-Guru Pelatih 1980 di Semenanjung Malaysia.

Bil.	Maktab Perguruan	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
1.	Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	173	111	12	4	300
2.	Persekutuan, Pulau Pinang	310	95	5	—	410
3.	Sri Pinang, Pulau Pinang	99	104	6	1	210
4.	Kinta, Ipoh	231	130	15	4	380
5.	Ipoh (Baru), Ipoh	140	125	3	2	270
6.	Sultan Idris, Tanjung Malim	360	—	—	—	360
7.	Bahasa, Kuala Lumpur	88	61	1	—	150
8.	Seri Kota, Kuala Lumpur	89	61	60	—	210
9.	Lembah Pantai, Kuala Lumpur	183	109	66	2	360
10.	Teknik, Kuala Lumpur	239	17	4	—	260
11.	Ilmu Khas, Kuala Lumpur	221	95	19	5	340
12.	Islam, Petaling Jaya	300	—	—	—	300
13.	Raja Melewar, Seremban	187	105	8	—	300
14.	Perempuan Melayu, Melaka	360	—	—	—	360
15.	Temenggong Ibrahim, Johor Bahru	363	142	14	1	520
16.	Mohd. Khalid, Johor Bahru	198	121	10	1	330
17.	Kota Bharu, Kelantan	298	44	18	—	360
18.	Pendidikan Kesihatan dan Nilai Pemakanan, Kuala Trengganu	124	23	20	3	170
19.	Kuantan, Teruntum	90	90	—	—	180
	Jumlah ..	4,053	1,433	261	23	5,770

(b) SABAH:

	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Jumlah
Gaya	157	36	193
Sandakan	70	30	100
Kent	264	6	270
	<hr/> 491	<hr/> 72	<hr/> 563

(c) SARAWAK:

Batu Lintang	278	72	350
Rajang	275	35	310
Sarawak	74	36	110
	<hr/> 627	<hr/> 143	<hr/> 770
JUMLAH BESAR ..	<hr/> 5,171	<hr/> 1,932	<hr/> 7,103

SAHAM KILANG PERINDUSTRIAN OLEH BUMIPUTRA

22. Datuk Syed Hassan Aidid meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- peratus saham-saham kilang perindustrian yang dimiliki oleh Bumiputra;
- peratus jawatan eksekutif di kilang-kilang yang dipegang oleh Bumiputra;
- peratus dari jumlah pekerja-pekerja mahir dari golongan Bumiputra di kilang-kilang tersebut; dan
- jumlah peratus golongan Bumiputra dari kumpulan "unskilled labour".

Dato' Lew Sip Hon: Mengikut data yang ada di Kementerian saya pada 31-12-1978:

- Peratusan saham-saham yang dimiliki oleh Bumiputra di dalam sektor kilang perindustrian ialah sebanyak 16.26%.
- Bagi jawatan eksekutif yang meliputi peringkat pengurusan dan iktisas di dalam sektor kilang perindustrian, peratusan yang disandang oleh Bumiputra ialah 17.85%. Jumlah peratus ini tidak termasuk jawatan di peringkat teknik dan penyeliaan yang mana dipegang oleh Bumiputra ialah sebanyak 28.74%.
- Di peringkat pekerja-pekerja mahir di kilang-kilang tersebut, peratus yang dipegang oleh kaum Bumiputra adalah sebanyak 52.79%. Pekerja-pekerja mahir adalah ditakrifkan sebagai pekerja-pekerja yang telah menerima

latihan secara 'formal' sama ada di dalam bidang perkhidmatan atau bentuk-bentuk yang lain.

- Di dalam kumpulan "unskilled labour" peratusan yang dipegang oleh golongan Bumiputra adalah sebanyak 62.06%.

INSITIUT TEKNOLOGI MARA KEPADA PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA

23. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Institiut Teknologi MARA akan selamanya ditutup kepada pelajar-pelajar bukan Bumiputra, jika ya, nyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa polisi ini akan menjejaskan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu perpaduan nasional.

Dato' Musa bin Hitam: Kerajaan tidak bercadang untuk membuka Institiut Teknologi MARA (ITM) kepada pelajar-pelajar bukan Bumiputra. Sayugia diingat bahawa MARA iaitu "Majlis Amanah Rakyat Bumiputra" sendiri ditubuhkan khas untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti pendidikan dan latihan, bantuan dan galakan untuk mencapai matlamat melengkapkan Bumiputra dengan kelayakan di semua bidang ekonomi negara. Objektif utama ITM ialah untuk mempertinggi, memperansang dan membolehkan mereka, melalui latihan dan pendidikan, mengendalikan pembangunan ekonomi dan sosial Bumiputra, khususnya penglibatan mereka di sektor perniagaan dan perindustrian dengan lebih banyak dan berkesan supaya dapat setanding dengan kaum lain.

JAWATAN KETUA PENGARAH PERUBATAN

24. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan syarat-syarat kelayakan dan keutamaan bagi perlantikan seorang Ketua Pengarah Perubatan Malaysia.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Jawatan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia adalah satu Jawatan Khas di bawah Perkara 144 Fasal 3, Perlembagaan Persekutuan dalam mana perlantikan seseorang pegawai ke Jawatan ini hendaklah diperkenankan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi lantikan kepada Jawatan khas seperti ini Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam akan menimbang-nangkan sesuatu perakuan dari Kementerian di antara pegawai-pegawai yang dapat diterima oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Setelah dipersetujui, Lembaga tersebut akan mengemukakan perakuannya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk pandangan sebelum dimajukan kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan Baginda.

Perlantikan ke Jawatan Khas merupakan satu kenaikan pangkat kepada pegawai berkenaan. Oleh itu perlantikan ke jawatan Ketua Pengarah Kesihatan, Lembaga Kenaikan Pangkat berpandukan kepada dasar kenaikan pangkat sepertimana yang dijelaskan dalam Peraturan 50 Perin'ah Am Bab 'A' iaitu berpandukan kepada kebolehan. Perintah Am tersebut menghuraikan kebolehan yang ditentukan mengikut:

- (i) kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya; dan
- (ii) sifat-sifat peribadi termasuk keutuhan, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak disandang itu.

BIJIH TIMAH—PENYELUDUPAN

25. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Perdana Menteri menyatakan masa yang diambil oleh mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes penyeludupan bijih timah dan sama ada kenderaan yang digunakan dalam penyeludupan ini juga dirampas.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, banyak faktor-faktor yang menentukan cepat atau lambatnya penyelesaian sesuatu kes di Mahkamah. Penyelesaian satu-satu kes, antara lainnya adalah bergantung kepada peranan pihak pendakwa dan juga pihak peguam yang mewakili pihak yang tertuduh. Jika pihak pendakwa dapat menyelesaikan penyiasatan dalam masa yang singkat dan bersedia dengan saksi-saksinya untuk memulakan atau meneruskan perbicaraan. Begitu juga sekiranya peguam-peguam yang mewakili pihak tertuduh belum mempunyai kelapangan atau persediaan, maka kemungkinan penyelesaian kes-kes berkenaan akan mengambil masa yang panjang.

Berkenaan kenderaan yang digunakan dalam penyeludupan, undang-undang yang terpakai pada masa ini memperuntukkan bahawa sekiranya terbukti iaitu kenderaan berkenaan digunakan di dalam penyeludupan tersebut atau menjadi bahan kes tersebut, ianya akan dirampas dan pihak mahkamah sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang ini. Walau bagaimanapun, terpujanglah pada mahkamah-mahkamah yang berkenaan untuk memutuskan perkara ini.

V. I. P. BAGI AHLI PARLIMEN

26. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun seorang Ahli Dewan Negara atau Ahli Dewan Rakyat Malaysia menjadi asas penting demokrasi berparlimen mereka tidak diberi layanan-layanan seperti diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berpangkat tinggi; jika ya, nyatakan sama ada seorang Ahli Parlimen Malaysia itu dianggap sebagai seorang "V.I.P.".

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Saya tidak faham apakah layanan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator iaitu seorang Ahli Dewan Negara atau Ahli Dewan Rakyat tidak diberi layanan-layanan seperti yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang berpangkat tinggi. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa Ahli-ahli Parlimen Malaysia memanglah dianggap sebagai seorang VIP dan dipanggil Yang Berhormat serta diberi kedudukan protokol yang tinggi sewajar dengan taraf mereka.

Sebagai Ahli Parlimen, mereka mendapat beberapa keistimewaan-keistimewaan seperti yang tercatat di dalam akta Saraan Ahli-ahli Parlimen 1960. Jika dikaji daripada Akta Saraan Ahli-ahli Parlimen 1960 serta Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan), 1980 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 18hb Jun, 1980 adalah didapati bahawa Ahli-ahli Parlimen mendapat kemudahan-kemudahan dan keistimewaan yang lebih daripada apa yang diterima oleh sebahagian besar pegawai-pegawai Kerajaan yang ber-pangkat tinggi.

Di sini izinkan saya menekankan bahawa Ahli Dewan harus berjaya supaya status VIP mereka tidak sehingga terpisah secara fizikal dari rakyat yang mereka mewakili. Jika berlaku pemisahan ini, status VIP tidak berguna kerana mereka akan ditinggal oleh rakyat.

TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA

27. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan jika ada dari ketetapan yang dibuat oleh Bangsa-Bangsa Bersatu yang mendesak supaya tentera asing undur dari Kampuchea.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-hajj): Berikutan dengan Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu dan beberapa rundingan yang telah diadakan di antara kita dengan Vietnam mengenai konflik di Kampuchea, Vietnam telah pertama kalinya menyebut kemungkinan untuk mengundurkannya dari Kampuchea. Kenyataan ini telah dibuat oleh Menteri Luar Vietnam kepada kita semasa lawatannya ke Kuala Lumpur bulan lepas. Walau bagaimanapun, Vietnam tidak pula menyatakan tarikh tertentu pengunduran tenteranya dari Kampuchea tetapi ada menyebut bahawa langkah ini akan diambil apabila Vietnam tidak lagi diancam oleh China.

Dalam perkara ini saya telah mengulangi pendirian tegas negara kita dan ASEAN seperti terkandung dalam Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu itu supaya Vietnam menarik balik kesemua tenteranya daripada Kampuchea kerana perbuatan ini mencabuli undang-undang antarabangsa dan kita tidak sama sekali merestui campurtangan tentera Vietnam di Kampuchea itu.

PELAJAR-PELAJAR POLITEKNIK UNGKU OMAR

28. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pelajar-pelajar di Politeknik Ungku Omar di Ipoh dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum; dan
- (b) daripada 32 orang yang dibuang sekolah pecahan mereka mengikut kaum.

Dato' Musa bin Hitam:

- (a) Jumlah pelajar-pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh bagi sesi 1979/80 adalah 1,723 dan angka-angka pecahan mengikut kaum adalah:

(i) Bumiputra	1,231
(ii) Bukan Bumiputra	492
- (b) Hanya 11 orang yang dipecat dari Politeknik (bukan 32) dan pecahan mereka mengikut kaum adalah:

(i) Bumiputra	9
(ii) China	2

PANDANGAN PEMIMPIN MTUC— SIKAP KERAJAAN

29. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sikap Kerajaan terhadap sebilangan pemimpin-pemimpin MTUC yang mengecam Kerajaan berikutan dengan kelulusan pindaan undang-undang buruh.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Hoo Ung Hun): Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) adalah sebuah pertubuhan yang satu dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966. Yang demikian, tidaklah luar biasa bagi pemimpin-pemimpinnya membuat ulasan-ulasan atau memberi pandangan-pandangan mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Undang-Undang Buruh, asalkan komen-komen atau pandangan tersebut dibuat mengikut undang-undang.

PEJABAT POS GONG KAPAS

30. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar

bahawa Pejabat Pos Gong Kapas di Kuala Trengganu dikendalikan oleh seorang Pegawai Pos sahaja yang terpaksa menutup sementara pejabat posnya dari masa ke semasa pada waktu kerja untuk menguruskan mel-mel yang banyak dan jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan supaya perkhidmatan pos ini untuk orang awam tidak terganggu.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Kementerian ini sedar Pejabat Pos Gong Kapas pada suatu ketika dahulu memang dikendalikan oleh seorang pegawai kerani sahaja, tetapi pada hari ini berikutan dari tambahan bebankerja di Pejabat Pos berkenaan, seorang pegawai kerani tambahan telah pun ditempatkan di pejabat ini sejak 5hb April 1980 yang lalu. Ini menjadikan jumlah kakitangan di Pejabat Pos Gong Kapas kepada empat (4) orang kesemuanya iaitu dua orang kerani dan dua orang posmen. Dengan adanya pegawai kerani tambahan itu maka masalah penutupan pejabat atau gangguan sementara urusan di kaunter tidaklah berlaku lagi dan sebaliknya pejabat ini akan dibuka terus menerus dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

PENGANGKUTAN DI MALAYSIA

31. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) aspek-aspek pengangkutan yang telah dan akan dilaksanakan untuk memperbaiki lagi sistem pengangkutan dalam negeri ini; dan
- (b) perkembangan penerbangan di antara Asean dan Eropah dan di antara Asean dan Australia.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon):

- (a) Aspek-aspek pengangkutan Malaysia ialah pengangkutan darat iaitu kenderaan jalan dan keretapi, laut dan udara.

Adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa ketiga-tiga aspek ini sentiasa menerima perhatian yang berat untuk memperbaiki sistem pengangkutan yang ada. Ini termasuklah peruntukan wang yang besar yang telah diadakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Perhatian yang lebih berat akan diberikan dalam ketiga-tiga aspek ini

di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang sedang dirancang dan akan dikemukakan kepada Dewan ini kelak.

Selain daripada peruntukan wang, tindakan-tindakan telah juga diambil bagi mengemukakan peraturan-peraturan baru seperti penghapusan cukai tempat duduk yang dikenakan pada bas, menghadkan penggunaan bas yang umurnya melebihi 12 tahun dan menggalakkan penggunaan bas yang mempunyai muatan yang lebih besar. Selain dari itu sistem jalan raya di bandar-bandar sedang diperbaiki untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan melicinkan aliran trafik dan tindakan-tindakan ini termasuklah pembinaan lebuhraya-lebuhraya yang baru.

Kerajaan juga menggalakkan pengangkutan barang-barang dan penumpang jarak jauh supaya menggunakan perkhidmatan keretapi kerana ini adalah lebih ekonomik. Bagi mencapai maksud ini Keretapi Tanah Melayu telah dan akan terus memperbaiki lagi perkhidmatannya dengan mengganti serta memodenkan alat-alat serta kelengkapannya dan akan terus melabur dalam projek-projek untuk menambah kapasiti perkhidmatannya.

Mengenai pengangkutan udara pula, pihak MAS sentiasa mengawasi keperluan trafik dan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan di mana perlu bukan sahaja ke bandar-bandar besar tetapi juga ke bandar-bandar kecil dan ke tempat-tempat di luar bandar di merata negara ini. Untuk membolehkan ramai lagi rakyat menggunakan kemudahan perkhidmatan penerbangan ini, pihak MAS telah juga mengadakan sistem tambang-tambang murah pada sektor-sektor tertentu. Pembaikan perkhidmatan MAS bagi memenuhi keperluan rakyat akan terus diadakan dengan lebih berkesan lagi.

- (b) Perkhidmatan udara di antara negara-negara ASEAN dengan negara-negara di Eropah atau Australia adalah tertakluk kepada Perjanjian Perkhidmatan Udara dua-hala yang dipersetujui di antara negara-negara yang berkenaan. Butir-butir mengenai Perjanjian-perjanjian ini adalah sulit dan tidak diketahui oleh negara-negara ketiga.

Apa yang dirundingkan baru-baru ini di antara negara-negara ASEAN dengan negara Eropah dan Australia ialah mengenai skim tambang murah yang dikenakan oleh Kerajaan Australia pada akhir tahun 1978. Perkembangan mengenai rundingan tambang murah ini ialah bahawa negara-negara ASEAN telah mencapai perjanjian dengan Australia bagi mengadakan tambang murah di antara negara-negara ASEAN dengan Australia dan kedua-dua pihak telah pun melaksanakan perjanjian ini semenjak awal tahun ini.

Perjanjian ini juga telah membenarkan penyertaan negara-negara ASEAN dalam skim tambang murah di antara Australia dengan negara-negara Eropah. Oleh kerana Skim ini adalah juga melibatkan negara-negara Eropah itu sendiri, sebelum ianya dapat dilaksanakan oleh negara-negara ASEAN persetujuan negara-negara Eropah ini mustahaklah didapati juga. Setakat ini negara-negara ASEAN melalui Jawatankuasa ASEAN Mengenai Pengangkutan dan Perhubungan yang dipengerusikan oleh Malaysia telah mengadakan perundingan dengan pihak British dalam bulan Mac tahun ini dan rundingan kedua akan diadakan sedikit masa lagi.

Rundingan dengan negara-negara lain di Eropah belum dimulakan lagi.

MAKTAB PERGURUAN— SYARAT KEMASUKAN

32. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada syarat-syarat baharu bagi kemasukan ke Maktab Perguruan yang diumumkan oleh Penolong Pengarah Latihan Guru di Ipoh itu telah dijadikan dasar oleh Kementerian ini dan jika ya, nyatakan lima matapelajaran yang diperlukan lulus dengan kepujian itu.

Dato' Musa bin Hitam: Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini syarat minima kemasukan ke Maktab Perguruan ialah 4 kepujian dalam matapelajaran tertentu termasuk kepujian dalam Bahasa Malaysia. Sebenarnya apa yang telah dilaporkan oleh akhbar the New Straits Times dan Berita RTM pada 16hb Mei, 1980 yang lepas itu adalah tidak benar. Penolong Pengarah

Latihan Guru tidak sekali-kali menyatakan bahawa syarat minima kemasukan ke Maktab Perguruan telah dinaikkan kepada 5 kepujian. Beliau hanya melahirkan pendapat peribadinya sahaja dalam suatu forum terbuka yang dianjurkan oleh Maktab Perguruan, Kinta Ipoh.

Dalam Forum itu ada beberapa orang ahli panel yang telah menyatakan bahawa mutu guru-guru keluaran Maktab Perguruan tidak begitu tinggi pada masa ini. Sebagai reaksi kepada pandangan tersebut Penolong Pengarah yang berkenaan telah mengemukakan pendapat peribadinya mengenai beberapa langkah yang boleh diambil untuk meninggikan taraf pencapaian guru Latihan Maktab Perguruan.

Beliau seterusnya telah mencadangkan beberapa langkah yang mungkin boleh diambil untuk meninggikan lagi mutu INPUT ke Maktab Perguruan iaitu:

- (i) Syarat minima masuk ke Maktab Perguruan *mungkin* boleh dinaikkan lagi kepada 5 kepujian.
- (ii) *Kemungkinan* mengadakan ujian kelayakan masuk ke Maktab Perguruan untuk memastikan hanya calon yang benar-benar layak sahaja yang dipilih.
- (iii) *Kemungkinan* memperbaiki lagi sistem pemilihan calon pada amnya.

Suka saya tegaskan sekali lagi bahawa pendapat pegawai tersebut adalah pendapat peribadinya sendiri dan bukanlah merupakan dasar Kementerian Pelajaran. Pegawai yang berkenaan juga telah menjelaskan kedudukan sebenarnya dalam Akhbar "The New Straits Times" keluaran 22hb Mei, 1980 yang lepas.

PENYELIA SEKOLAH—LANTIKAN

33. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan merancang untuk menukarkan Penyelia-penyelia Sekolah dari satu Negeri ke satu Negeri yang lain.

Dato' Musa bin Hitam: Penyelia-penyelia sekolah adalah dilantik dari guru-guru kanan yang berpengalaman dan telah lama berkhidmat di negeri yang berkenaan. Ini dilakukan memandangkan kepada pengetahuan mereka yang luas mengenai kedudukan dan keadaan kawasan-kawasan di negeri di mana mereka bertugas. Sungguh pun mereka biasanya kekal

berkhidmat di negeri-negeri tempat mereka dilantik, mereka boleh juga ditukarkan ke negeri-negeri lain atas sebab-sebab kepentingan perkhidmatan ataupun atas sebab-sebab kenaikan pangkat.

KETUA PASUKAN PEMBEBASAN MORO (MNLF)

34. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar Ketua Pasukan Pembebasan Moro (MNLF) terbunuh di Sabah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie): setakat yang diketahui oleh Kerajaan perkara itu tidak benar.

RAWATAN ACUPUNCTURE KEPADA PESAKIT

35. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengambil "acupuncture" untuk digunakan bagi rawatan di hospital-hospital tempatan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian ini sedang mengkaji penggunaan "acupuncture" sebagai cara rawatan untuk penyakit-penyakit yang tertentu, dengan menjalankan satu projek percubaan (pilot project) di Hospital Besar Johor Bahru. Laporan tentang hasil projek percubaan itu akan diteliti dan perakuan-perakuan mengenainya akan dikemukakan kepada Kerajaan tidak lama lagi.

HARGA BARANG-BARANG

36. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya.

Dato' Lew Sip Hon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak semua barang-barang perniagaan di negara ini, dikawal harganya oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk menentukan bahawa tidak ada kenaikan harga barang-barang dilakukan dengan sewenang-wenangnya, Kerajaan telah mengisytiharkan 20 jenis barang sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan

Bekalan, 1961. Walaupun asas menjadikan barang-barang ini barang kawalan yang mana kawalan dilakukan ke atas bekalannya, tetapi Kerajaan telah bertindak untuk menentukan bahawa harga barang-barang ini diselaraskan. Di dalam hubungan ini, harga ke atas barang-barang berkenaan tidak boleh dinaikkan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Kerajaan.

Di samping tindakan di atas, Kerajaan juga telah mengadakan Peraturan yang mengkehendaki peruncit-peruncit mempamerkan tanda harga ke atas 111 barangan di bawah Perintah (Penandaan Harga oleh Penjualanruncit) 1977. Tujuan diadakan Perintah ini ialah untuk memberi peluang kepada para pembeli membuat perbandingan harga ke atas barang-barang tersebut dari seorang peniaga kepada seorang peniaga yang lain sebelum membuat apa-apa pembelian. Di dalam konteks ini, peranan seorang pengguna mempunyai kaitan yang rapat di dalam mengawal sesuatu harga barang di samping peranan yang dimainkan oleh Kerajaan dalam mengawasi kenaikan harga seperti memberikan pengecualian cukai kepada syarikat pengeluar dan sebagainya.

Bagi menentukan segala peraturan yang dibuat oleh Kerajaan dipatuhi oleh setiap peniaga, Pegawai-Pegawai Penguatkuasa, Kementerian saya di samping mengambil tindakan untuk menentukan bekalan, sentiasa bergiat aktif bagi menentukan setiap peniaga mempamerkan tanda-tanda harga yang dikehendaki di bawah undang-undang. Dengan tindakan ini juga setiap kenaikan harga akan dapat dikesan dan jika sekiranya didapati berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah, syarikat-syarikat pengeluar dan pihak yang berkenaan akan diarahkan memberikan penjelasan serta Kementerian akan mengarahkan mereka menurunkan harga berkenaan ke satu paras yang menasabah. Di dalam hubungan ini, ingin saya menyarankan sekali lagi bahawa peranan pengguna sebagai satu mekanisam menahan kenaikan harga barang-barang amatlah penting sekali kerana kuasa pembelian atau purchasing power adalah terletak di tangan pengguna.

PELAJAR KETURUNAN INDIA DI UNIVERSITI

37. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memberi sekurang-kurang 10%

peluang kepada murid-murid Malaysia keturunan India melanjutkan pelajaran mereka di Universiti-universiti dan Insitusi-institusi tempatan.

Dato' Musa bin Hitam: Peratus pengambilan pelajar-pelajar ke Universiti yang di-amalkan pada masa sekarang ialah berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru di mana keturunan Bumiputra begitu lama dan begitu jauh tertinggal dalam bidang ekonomi, professional dan sebagainya. Selagi kekurangan ini masih didapati dalam jangka masa Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan terpaksa melaksanakan dasar pengambilan kemasukan pelajar ke Universiti-universiti yang sesuai. Itulah sebabnya pengambilan pelajar-pelajar dalam tahun-tahun yang lepas masih tidak menggambarkan komposisi penduduk tanah-air kita.

Pada masa ini, Kerajaan berpuas hati dengan kedudukan pengambilan pelajar-pelajar keturunan India, yang mana, sungguhpun ianya kurang sedikit daripada 10% purata, hanya merupakan keadaan sementara sahaja.

CAMPURTANGAN RUSSIA DI AFGHANISTAN

38. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri memandangkan keputusan mesyuarat negara-negara Islam yang beliau sendiri hadir tidak berapa lama dahulu sebagai menunjukkan penentangan terhadap campurtangan Russia di Afghanistan, mesyuarat tersebut bersetuju bahawa negara-negara Islam tidak akan menyertai sukan Olimpik di Moscow untuk menyatakan pendirian Malaysia sekarang serta pendirian negara-negara ASEAN yang lain.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Malaysia menyokong keputusan yang diambil oleh Persidangan Tergempar Negara-negara Islam yang mengecam campurtangan tentera Soviet di Afghanistan dan menyeru supaya tentera-tentera itu diundurkan dengan serta-merta tanpa sebarang syarat. Orang-orang Afghanistan mestilah bebas untuk memilih dan menentukan masa depan mereka dan penentuan yang dibuat mestilah tanpa apa campurtangan dari kuasa-kuasa luar.

Malaysia juga menyokong keputusan yang diambil oleh Persidangan Islam menubuhkan satu Jawatankuasa Tiga Orang Terdiri dari

Setiausaha Agung Persidangan Islam dan Menteri-menteri Luar dari negara Iran dan Pakistan yang telah ditugaskan mencari jalan dan usaha untuk mencapai perdamaian yang menyeluruh terhadap masalah itu.

Sebagai menyahut seruan Persidangan itu Malaysia telah menentukan tidak akan mengambil bahagian ini di sukan Olimpik di Moscow sehinggalah semua bala tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan. Lain-lain negara ASEAN telah mengambil keputusan yang sama mengecam campurtangan Soviet itu dan negara-negara ASEAN yang lain telah juga memutuskan tidak akan mengambil bahagian dalam sukan Olimpik di Moscow itu.

KOLAM IKAN AIR TAWAR

39. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan daripada 12,078 buah kolam di seluruh negara.

- (a) bilangan kolam ikan air tawar yang berjalan dengan baik dan yang memperoleh keuntungan dan
- (b) bilangan kolam yang gagal dan sama ada Kerajaan sudah atau sedang mengkaji sebab-sebab kegagalan itu dan bagaimana untuk mengatasinya.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):

- (a) Bilangan kolam-kolam ikan yang berjalan dengan baik dan mengunutkan hingga akhir 1979 adalah dianggarkan berjumlah 10,535 buah yang meliputi keluasan 3,750 ekar.
- (b) Bilangan kolam ikan yang gagal dan telah ditutup (1976-1979) berjumlah 644 buah berkeluasan 422.09 ekar. Kebanyakan kolam-kolam yang gagal ini adalah terdiri daripada kolam-kolam yang kecil kurang daripada 0.25 ekar sebuah yang dibina oleh penternak-penternak sendiri tanpa bantuan subsidi dan khidmat nasihat teknikal atas cara pemilihan tapak, pembinaan kolam dan sistem perairan yang baik. Kolam-kolam yang gagal dan ditutup ini tidak ada melibatkan kolam-kolam yang dibina dengan subsidi pembinaan kolam.

Di antara cara-cara untuk mengatasi kegagalan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air, pembinaan kolam untuk

masa akan datang adalah digalakkan dengan cara berkelompok. Dengan cara tersebut satu saluran air untuk kegunaan bersama yang sesuai boleh dibina untuk membawa air dari tempat tadahan ke kompleks kolam. Cara ini telahpun dilaksanakan di beberapa tempat dan di dapati berkesan. Dengan cara berkelompok juga, kawasan berpaya boleh dijadikan satu kompleks kolam ikan. Oleh yang demikian masalah paya dikeringkan untuk kegunaan lain tidak akan timbul.

- (b) Oleh kerana kolam kecil adalah tidak ekonomik, Kementerian Pertanian menjalankan satu skim subsidi untuk membesarkan kolam-kolam mereka. Salah satu dari objektif skim ini ialah untuk menjadikan perusahaan menternak ikan sebagai satu perusahaan yang menguntungkan.

ANGKATAN TENTERA YANG LENGKAP

40. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau mengakui atau tidak bahawa kita masih belum lagi mempunyai suatu angkatan tentera yang lengkap dan berupaya mempertahankan diri dari serangan luar dan jika benar nyatakan bila matlamat ini akan tercapai.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Adalah tidak begitu tepat jika kita menyatakan bahawa kita belum mempunyai suatu angkatan tentera yang lengkap dan berupaya mempertahankan diri dari serangan luar. Berasaskan kajian ancaman semasa, Angkatan Tentera kita mempunyai kemampuan untuk menghadapi apa-apa kemungkinan akibat dari penubuhan keadaan politik dan ketenteraan dirantau ini.

Paras kekuatan angkatan tentera kita adalah sentiasa disesuaikan untuk menghadapi ancaman dari luar atau dari dalam negeri. Kita sentiasa mengkaji keadaan ini supaya bersedia bertindak balas terhadap apa juga ancaman yang boleh menggugat keselamatan, kedaulatan dan kemerdekaan negara kita. Pengkajian dan penubuhan yang dibuat mengenai paras kekuatan persenjataan dan latihan Angkatan Tentera adalah process

yang berlanjutan (on-going process) dan Kementerian saya tidak menggunakan 'target-date' tertentu. Segala perancangan adalah dibuat atas dasar pengkajian keadaan keselamatan satu-satu ketika dan atas kemampuan ekonomi negara untuk menanggung beban akibat perubahan perubahan—paras kekuatan persenjataan.

INFLASI—LANGKAH MENCEGAH

41. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana Kerajaan telah berusaha untuk mencegah inflasi supaya kenaikan gaji untuk kakitangan Kerajaan lebih bermakna.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Sepertimana yang telah saya nyatakan dalam Perutusan Belanjawan saya dalam Dewan ini pada 12hb Disember, 1979, Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran untuk membendung inflasi. Tidaklah perlu bagi saya untuk mengulangi langkah-langkah tersebut kerana semua langkah-langkah itu telah pun saya huraikan dengan panjang lebar beberapa kali dahulu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak akan membiarkan inflasi menjejaskan prestasi ekonomi negara, paras pendapatan sebenar dan taraf hidup rakyat terutamanya sekali golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Pada masa ini kedudukan inflasi di negara kita tidaklah begitu buruk seperti didapati di negara-negara maju dan di negara-negara lain yang sedang membangun. Kadar inflasi kita dalam tahun ini dijangka berada hanya pada paras kira-kira 6%. Kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar 18% di United Kingdom, 19% di Italy dan 14% di Amerika Syarikat. Di negara-negara Asia pula kadar-kadar inflasi adalah lebih tinggi seperti 15% di Indonesia, 20% di Filipina, 13% di Thailand dan 27% di Korea dalam tahun ini.

Walaupun ekonomi kita adalah terbuka dan dipengaruhi oleh aliran harga di negara-negara perindustrian terutama sekali negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dengan Malaysia, kita telah dapat menstabilkan paras harga pada kadar yang paling

rendah. Ini adalah disebabkan oleh langkah-langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran yang telah dilaksanakan selama ini oleh Kerajaan. Langkah-langkah ini akan terus dijalankan. Sementara itu Kerajaan akan senjasa mengesan kedudukan inflasi dan akan mengambil langkah-langkah lain jika perlu untuk menguatkan lagi jentera melawan inflasi.

MUZIUM NEGARA— PENYELENGGARAAN

42. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rumput lalang di hadapan Muzium Negara sangat tinggi, pokok-pokok tidak terpelihara dengan baik dan sampah sarap berselerak di kawasan Muzium Negara; jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: segala penyelenggaraan kawasan Muzium Negara sama ada dari segi pengindahan ataupun kebersihan adalah di bawah tanggungjawab pihak Muzium Negara sendiri. Dewan Bandaraya hanya menjalankan kerja-kerja pengindahan dan pembersihan seperti memotong rumput lalang, pokok-pokok dan pembuangan sampah sarap di kawasan Tasik Perdana (Taman Bunga) sahaja. Bagaimanapun pihak Muzium Negara telahpun dimaklumkan supaya mengambil tindakan di atas perkara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (24hb Jun, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah "Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980" dibaca kali kedua dan sekarang dibuka untuk dibahaskan.

3.40 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya cuma hendak memberi beberapa komen dalam fasal-fasal yang saya kurang faham, mudah-mudahan dapat keterangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Yang pertama sekali, gemar saya memberikan pandangan cara am, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Akta ini ialah satu peruntukan yang memberikan perlindungan kepada pesara-pesara kita di dalam tanah air, pesara-pesara patut kita berterima kasih kepada Kerajaan yang telah memberikan satu peruntukan Rang Undang-undang dan akan dikaji dari semasa ke semasa. Bukan sahaja peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini khas bagi pesara-pesara tetapi meliputi kepada balu, duda dan anak-anak mereka sehingga akhir hayat masing-masing.

Kepada pesara-pesara Tuan Yang di-Pertua, gemar saya membuat satu seruan supaya mereka setelah bersara daripada jawatan Kerajaan, badan-badan berknun atau Kerajaan Tempatan hendaklah meneruskan disiplin diri mereka dan bersopan-santun kepada masyarakat dan kalau boleh berikan khidmat mereka kepada masyarakat dengan cara sukarela. Ini memandangkan bahawa mereka juga bekas atau kakitangan Kerajaan. Selain daripada itu walaupun mereka tidak tertakluk dengan tatatertib, jauhilah, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli pesara itu mewujudkan sifat-sifat kadangkala mencaci Kerajaan atau mencari kesalahan Kerajaan atau mencari kesalahan pegawai-pegawai Kerajaan di tempat itu. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat diperhatikan oleh masyarakat, kadangkala setengah-setengah pesara itu duduk berbual-bual lama di kedai-kedai kopi, dengan lain tidak scalannya mencaci Kerajaan atau mencari kesalahan Kerajaan; bukan semua. Jadi, keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita patut elakkan, sebaik-baiknya ahli-ahli pesara ini memberikan sokongan kepada dasar Kerajaan, menerangkan dasar Kerajaan kepada masyarakat tempatan atas kadar upaya mereka yang boleh memberi pandangan kepada masyarakat. Ini seruan saya sebab mereka juga tidak terlepas daripada Kakitangan Kerajaan walaupun mereka telah bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk bahasan saya ini dalam Fasal 5—Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan perniagaan atau pertubuhan antarabangsa. Ini adalah satu peluang kepada kakitangan Kerajaan kita selain daripada mereka telah berkhidmat dengan Kerajaan mereka juga berpeluang untuk meneruskan khidmatnya dalam pertubuhan perniagaan. Maksudnya di sini mungkin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu agensi-agensi Kerajaan. Apa yang kita harapkan kepada mereka, bila mana duduk dalam badan yang berupa ini hendaklah mereka menyesuaikan diri dan dasarnya dengan dasar perniagaan dan saya harap Kerajaan juga akan memerhati bahawa dalam bidang perniagaan ini akan mengalir banyak nikmat. Kita tidak mahu pegawai yang diugaskan ini akan mengambil nikmat-nikmat ini untuk faedah dirinya atau faedah keluarganya. Kiranya berlaku keadaan ini akan pincanglah badan-badan perniagaan Kerajaan itu dan tidaklah benar-benar tujuan ikhlas Kerajaan menghantar mereka kepada bidang ini.

Dalam perkhidmatan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka ini tidak sampai umur 50 tahun kalau dia berkhidmat meninggal dunia mereka berhak dapat persaraan. Ini satu penghargaan yang sangat tinggi kepada pegawai kita yang berkhidmat luar negeri sebab walaupun mereka ini diberikan elaun-elaun yang tertentu, elaun keluar negeri, tetapi cara perkhidmatan mereka keluar negeri itu ada berlainan, berat tanggungjawabnya daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam negeri ini, kerana mereka juga menjadi duta Kerajaan negeri ini daripada peringkat rendahnya sampai peringkat atas. Dengan keadaan ini sekiranya sesuatu rayuan yang diminta oleh pegawai-pegawai yang berkenaan ini kepada Kerajaan dan kepada Perbendaharaan, saya harap Kerajaan akan memberikan pertimbangan dan diluluskan, terutama sekali kalau mereka ini berkhidmat dalam negara-negara yang yang blok komunis ataupun negeri yang keadaan iklimnya sejuk. Jadi, keadaan yang macam ini tidak sama sebagaimana yang ada dalam negeri kita ini, beberapa kesusahan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh pegawai kita dan keluarganya. Jadi selalunya mereka memberi rayuan-rayuan kepada Kerajaan supaya diberikan satu peruntukan tetapi kadangkalanya ada yang diluluskan dan ada yang tidak diluluskan. Jadi, saya harap

khidmat ini kita hargai kepada mereka dan apa yang diminta oleh mereka itu patut kita pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk bahasan saya menyentuh dalam Fasal 7 (1) dengan berbunyi:

“Dengan syarat bahawa apa-apa pemberian pencen terbitan selepas tamatnya tempoh dua belas tahun se engah dari tarikh persaraannya hendaklah dibuat hanya jika penerimanya—

(a) telah berkahwin dengan pegawai yang mati itu semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan”;

Yang saya musykilkan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau pegawai ini berkahwin dalam masa dia bersara, isteri semasa dia berkhidmat sudah meninggal dunia, selepas itu dia kahwin lagi dalam masa dia bersara dia berkahwin, adakah isteri ini juga mendapat persaraan ini, sebaliknya juga duda. Seorang duda sebagaimana yang saya contohkan pada masalah isteri ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh dalam Fasal 8—“Terhentinya pencen terbitan”.

Seksyen 16 (1) Pencen terbitan atau elaun bersara terbitan yang diberi di bawah Akta ini hendaklah terhenti jika penerimanya—

(a) seorang balu atau duda, apabila berkahwin lagi, jadi hak itu terhentilah.

Apa yang saya maksudkan, ini Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya buat pandangan, hak persaraan yang diterima oleh balu yang patut menerima hak pencen itu adakah seorang balu. Kalau pesara-pesara mati meninggalkan tiga orang balu, saya harap peruntukan ini juga akan dibahagikan hak pesara itu kepada tiga balu itu. Dengan keadaan ini adalah adil kepada mereka dan hak ini hak suaminya—tiga-tiga ini dia kata suami saya. Jadi kalau kita beri kepada balu yang pertama sahaja, itu saya kata tidak adil bahkan kadangkala isteri yang ketiga yang sangat kasih dan sayang dan banyak pula berbudi kepada suaminya. Jadi kalau kita hanya berikan kepada seorang balu sahaja menurut pandangan saya yang cetik ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu adil.

Demikian juga kepada anak-anak, tertakluk juga anak-anak isteri ketiga daripada ibu itu adakah dalam Akta ini diberikan kuatkuasa kepada anak-anaknya itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya minta ulasan daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan berhubung dengan muka 5, Fasal 11 (b), "jika seseorang pegawai sementara yang sedang menerima elaun persaraan mati dalam tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun dari tarikh persaraannya . . ." Yang saya hendak bangkitkan ialah bagaimana pegawai sementara dapat menerima hak persaraan ini dan kenapa pegawai sementara tidak diserapkan sebagai kakitangan Ktrajaan dan mereka juga berhak menerima pencen. Kalau peruntukan ini dapat dibuat dengan keadaan ini saya kira ini satu perubahan yang baik kepada pegawai sementara sebab selain daripada dirinya tidak diiktiraf diserapkan dalam perkhidmatan awam mereka berkhidmat dengan cara sementara, tetapi mereka juga berhak menerima pencen. Jadi pegawai sementara ini berapa lama semmentaranya itu yang saya ragukan tidak disebutkan di sini yang layak menerima hak ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang ini.

3.52 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil sedikit bahagian di dalam perbincangan terhadap Rang Undang-undang ini dan suka menyentuh Fasal 8 yang ditimbulkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi. Ini berkenaan dengan terhentinya pencen terbitan.

Pencen terbitan kalau boleh saya bacakan pindaan kepada seksyen 16 (1), "pencen terbitan atau elaun pesara terbitan yang diberi di bawah Akta ini hendaklah terhenti jika penerimanya:

(a) seorang balu atau duda apabila berkahwin lagi;"

Jadi Yang Berhormat sahabat saya telah menyentuh berkenaan dengan balu, rasa saya masalah balu tidak begitu susah. Sekian lama inipun kita mengatakan jikalau seseorang balu berkahwin semula maka terhentilah

haknya. Perkara duda ini mungkin satu perkara baru. Saya suka bertanya berkenaan rasionalnya; kerana mungkin seseorang duda itu mempunyai 3 isteri dan ketiga-tiga isterinya berhak mendapat pencen dan kalau salah seorang daripadanya meninggal, kalau mengikut di sini asalkan dia tidak kahwin lagi dia masih mempunyai 2 isteri lagi, dia berhak menerima pencen terbitan. Tetapi kalau mati pula lagi seorang daripada isterinya yang juga berhak menerima pencen, maka adakah itu bermakna yang dia berhak menerima pencen terbitan bagi isteri yang kedua itu? Jadi mungkin sampai ketiga dia berhak menerima asalkan dia (duda) tidak kahwin lagi. Rasa saya ada beza di antara balu dengan duda. Jadi saya suka mendapat sedikit penjelasan dalam masalah ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sokong atas pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

3.54 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya semua menyokong Rang Undang-undang ini yang menyebabkan cuma 2 orang ahli sahaja yang bercakap dalam perbincangan Rang Undang-undang Pencen (Pindaan). Cuma ada 2-3 perkara yang telah ditimbulkan dalam masa perbincangan Rang Undang-undang ini untuk mendapat penjelasan.

Fertamanya ialah mengenai pencen terbitan bagi orang-orang tanggungan selepas seseorang pegawai itu bersara dalam tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun selepas dia bersara dan dia meninggal dunia, apakah jadi kepada isteri dan duda yang dikahwinnya selepas dia bersara tetapi mati sebelum dia cukup masa $12\frac{1}{2}$ tahun daripada tarikh persaraannya. Saya suka rujuk kepada Fasal 11 (b) telahpun di-erangkan di situ bahawa elaun pesara terbitan ataupun pencen pesara itu akan dibayar kepada tempoh yang berbeza daripada tempoh dia mati dengan tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun, selepas daripada itu orang tanggungan itu tidak akan menerima lagi pencen terbitan selepas daripada $12\frac{1}{2}$ tahun. Begitu juga mengenai pembahagian pencen terbitan, ianya akan diberi sama banyak di antara isteri-isteri

yang ditinggalkan oleh pesara, samalah juga masalahnya dengan anak-anak yang menjadi tanggungan pihak pesara tadi.

Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin nampak ada kekeliruan sedikit masalah duda ini. Ini adalah memang peruntukan baru yang tidak ada peruntukannya di bawah undang-undang yang berjalan kuatkuasa sekarang. Sebenarnya ianya tertaluk kepada isteri yang menjadi pegawai Kerajaan. Kalau isteri itu menjadi pegawai Kerajaan dan kalau dia itu meninggal dunia dan layak menerima pencen, maka pencen terbitan itu dibayar kepada suaminya atau dudanya tetapi kalau dudanya belum kahwin bujang seperti saya (*Ketawa*) dan kalau dia kahwin maka hilanglah hak untuk menerima pencen terbitan, tetapi kalau seseorang pegawai itu sudahpun ada isteri nombor dua ataupun isteri tua kepada isteri yang telah meninggal yang menjadi pegawai Kerajaan dan berhak mendapat pencen, maka saya fikir pencennya mungkin boleh dibayar kepada duda yang telah ditinggalkan oleh pegawai Kerajaan yang meninggal dunia itu. Tetapi perkara ini saya sendiripun belum jelas oleh kerana ini perkara baru, tetapi saya fikir dudanya berhak menerima pencen oleh kerana dia itu ditinggalkan oleh isterinya yang menjadi pegawai Kerajaan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang dapat saya beri kepada ketiga-tiga perkara yang telah ditimbulkan berkait dengan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 1980 ini. Dengan itu saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 30 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.36 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg

Meteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980 dibaca kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet gaji pekerja sektor awam akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980 di antara gaji-gaji dan kemudahan-kemudahan lain untuk sektor awam termasuk juga gaji dan keistimewaan untuk hakim-hakim. Ingin juga diterangkan di sini bahawa pelaksanaan gaji sektor awam tidak termasuk hakim-hakim adalah dibuat secara pentadbiran sahaja tetapi saraan hakim-hakim adalah ditetapkan di bawah Jadual Pertama, Akta Saraan Hakim, 1971. Ianya tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan pindaan-pindaan tertentu pada Jadual Pertama itu dilakukan.

Oleh yang demikian, pindaan-pindaan kepada Jadual Pertama, Akta Saraan Hakim, 1971 adalah perlu dilakukan untuk menggantikan gaji-gaji hakim dengan kadar yang baru dan bagi membolehkan mereka mendapat gaji yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980 ini bersama dengan pekerja sektor awam yang lain.

Selain daripada itu, peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dengan Akta Pindaan ini ialah Fasal 3 dan 4 peruntukan-peruntukan tersebut adalah untuk membolehkan kesemua hakim-hakim yang memegang jawatan pada 1hb Julai, 1980 dan mereka diberi kelayakan untuk diberi opsyen kepada gaji baru. Peruntukan ini adalah perlu bagi membolehkan mereka yang tidak mahu mengambil opsyen pada Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980 seperti dicadangkan ini untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah "Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim, 1971" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.40 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya ghairah hendak bercakap dalam masalah Bil ini kerana ada sedikit sebanyak pada pandangan saya patut Kerajaan mengkaji semula tanggagaji Hakim itu sendiri. Walaupun tanggagaji yang dikemukakan ini adalah telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet bagi menetapkan Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Semenanjung, Borneo, Hakim Persekutuan dan Hakim Mahkamah Tinggi telah diterterakan dalam jadual sebagaimana yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Akan tetapi keadaan sudah berubah apabila Rang Undang-undang Ahli-ahli Perlimen (Saraan) telah diluluskan semalam maka kita dapati saraan atau ayapan yang arif Hakim-hakim ini sudah tidak berpatutan. Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula tanggagaji Hakim-hakim ini supaya ianya lebih sesuai dengan mertabad kehakimannya untuk menunjuk dan menjalankan keadilan dalam negara kita. Ini semua sebab kerana saraan Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri telah diluluskan baru-baru ini.

Jikalau sekiranya saraan Ahli-ahli Parlimen tidak ditimbang dalam Dewan ini gaji yang ada untuk ayapan yang arif Hakim-hakim ini saya fikir sudah menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh membawa balik semua pindaan ini ke Dewan ini bila-bila masa. Taraf seorang Ketua Hakim Negara umpamanya adalah di bawah sedikit daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, taraf Hakim-hakim Mahkamah Tinggi adalah lebih tinggi daripada Menteri-menteri. Tetapi oleh sebab memandangkan perubahan yang kena yang terlibat kepada Saraan Ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri-menteri maka jumlah yang ada ini sudah tidak berpatutan bagi dikurniakan kepada yang arif Hakim-hakim.

Saya berpendapat demi keadilan dan kebaikan negara saya mohon Kerajaan membawa pindaan semula ke dalam Dewan dengan data yang sesuai dibandingkan dengan apa yang diterima oleh Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri Timbalan Menteri dan sebagainya. Tidak arif bagi saya kalau saya bandingkan gaji yang diterima oleh Timbalan Menteri umpamanya. Memadailah saya membuka mukaddimah saya pada petang ini supaya Rang Undang-undang ini dipinda sekali lagi dan saya sedia menyokong undang-undang pada kali ini dan Kerajaan hendaklah bercadang membawa semula ke Dewan ini bagi menentukan jadual-jadual peruntukan ayapan Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Borneo, Hakim Persekutuan, lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dan di Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, akan ketidakstabilan kalau angka ini kita luluskan akan tetapi terpaksa diluluskan hari ini kerana Rang Undang-undang ini sudah dibawa ke Dewan Rakyat dan saya sebagai seorang Ahli Kerajaan, saya memohon kepada Kerajaan supaya membawa balik semula ke Dewan ini dan dengan pindaan-pindaan yang menasabah sesuai timbangannya dengan pendapatan Menteri-menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya atau di Borneo hanya memperoleh \$5,460 sebulan sedangkan Timbalan Menteri mendapat \$5,500 sebulan. Saya sedar perkara ini telah dikemukakan, barangkali tidak silap, barangkali tidak terfikir perubahan yang begitu meningkat kepada saraan Ahli-ahli Parlimen. Untuk menjaga nama baik para Hakim, Ketua Hakim Negara kita, para Hakim-hakim yang arif saya sekali lagi merayu kepada Kerajaan untuk menimbang semula pada kali akan datang dan pindaan dibawa semula ke Dewan dan saya

tidak bercakap lain Tuan Yang di-Pertua, hanya saya menyokong Bil ini diluluskan oleh sebab Dewan Rakyat telah meluluskan maka sempurna kanlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf dan sekali lagi saya merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan bilangan angka gaji Hakim-hakim yang dipinda semula pada masa yang akan datang.

4.50 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, di sebuah negara yang merdeka dan berdaulat mengikut sistem kita pada hari ini memang ada parti-parti politik. Di dalam parti politik itu ada parti politik yang memerintah ada parti politik yang tidak memerintah. Tetapi kepada Hakim-hakim walau apa pemerintahan sekali pun, apa parti yang memerintah sekali pun kepada Hakim-hakim keadilan dijalankan oleh Hakim-hakim ini dengan tidak ada waverling hatta mengikut undang-undang.

Dengan sebab itu Hakim-hakim ini mestilah dipertimbangkan gajinya yang tidak boleh dipusing-pusingkan orang, tidak boleh disuap-suap, teguh, kukuh pendiriannya. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan sejawat saya tadi bukannya \$6,860 kepada Ketua Hakim Negara, bukannya Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaysia \$6,000, bukan Hakim Besar Mahkamah \$6,160 oleh kerana pendapatan hari ini kalau dibandingkan makanan dan sebagainya kalau \$6,000 lebih tidak ada maknanya kepada Hakim Negara menengokkan tugas-tugas Hakim-hakim ini dan Hakim-hakim ini akan duduk di sana menghakimkan sesiapa sahaja dengan tidak berbelah bahagi hukumannya. Kita hendak Hakim-hakim kita begitu dan Hakim-hakim kita telahpun menjalankan tugas-tugasnya begitu. Ini yang kita hendak dalam satu negara. Bukannya macam pemerintah komunis dahulu, selama 14 hari komunis menjadi hakim, potong kepala—habis, potong kepala. Panggil orang salah ditanya, awak salah tak salah, kalau dikatakan tidak salahpun, salah juga—kena pancung. Kalau begitu hukuman, itu senang menjadi hakim, gajinya beratus ringgit tidak apa hal. Tetapi kepada Hakim kita, kita anggapkan adalah Hakim yang benar-benar kita berkehendakkan Hakim itu menjalankan tugasnya dengan tidak ada belah bahagi.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja laung-laungkan untuk gaji Hakim-hakim ini, tetapi juga Magistrates sebab perjalanan mahkamah kita bukannya Mahkamah Tinggi sahaja tetapi daripada bawah. Ini juga mesti dibela nasib mereka. Masa penjajah Inggeris dahulu Pegawai Melayu boleh jadi Second Class Magistrate dalam satu daerah, D.O. boleh jadi 1st Class Magistrate dalam satu daerah. Apa sahaja boleh dibuat. Tetapi di negara yang merdeka dan yang berdaulat ini, kita hendak Hakim dan Magistrate kita sama ada Magistrate Court ataupun Lower Court itu gajinya mestilah se araf atau ditinggikan dan dikaji semula supaya keadilan itu lebih baik lagi. Keadilan kita, kita hendak bagus supaya tidak dapat pula yang di bawah ini, Tuan Yang di-Pertua, dipersuap-suapkan orang sebab gajinya sudah cukup. Bukan seperti MCS Officers dahulu gajinya \$580 dan Magistrate gajinya serupa macam MAS gajinya \$280. Pada hari ini dalam negeri yang merdeka dan berdaulat pengadil-pengadil mestilah diberi gaji yang secukup-cukupnya. Seorang doktor dia mesti diberi gaji yang sepatut-patutnya kerana mereka ini adalah dikatakan orang teknikal, kerana itu sahaja yang dikajinya. Hakim tahu selok-belok undang-undang, macam mana kita hendak bandingkan dengan Pegawai Tanah, lain bezanya, Pegawai Parit dan Tali-air lain bezanya. Hakim ini betul-betul menjalankan hukuman yang tertentu. Jadi, saya harap kepada Kerajaan kita, Ketua Hakim Negara dan lain-lain Hakim-hakim ini termasuklah pengadil-pengadilnya dikaji semula gajinya supaya berpatutan dengan pangkat-pangkat mereka ini. Bukan kerana Wakil Rakyat telah dapat \$3,000 ataupun Senator telah dapat \$2,000 ini lain fasal. Ini adalah parti kita yang memerintah. Parti menyatakan begitu. Sebab kita pun tidak meminta. Kita tidak pernah minta baik di Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat. Saya tidak pernah meminta naikkan gaji kami. Tidak pernahlah yang saya dengar. Tetapi kita tahu apa yang rakan saya menyatakan iaitu kewajipan jawatan mereka ini mestilah dipandang tinggi oleh kita semua.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuh-penuhnya tetapi hendaklah apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi mesti kaji balik bukan sahaja gaji-gaji Hakim tetapi juga pengadil-pengadil yang di bahagian bawah ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk Haji Ahmad Arshad.

4.55 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dan telah disokong oleh dua Ahli Yang Berhormat rakan saya. Saya cuma hendak menambahkan hujah atas mustahaknya peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini supaya diluluskan dan akan diterima oleh para Hakim kita sebagaimana Jadual yang ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Sebelum daripada saya memberikan alasan-alasan yang lain, saya juga sependapat dengan rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan suatu ketika kelak mengkaui semula peruntukan yang diberi kepada Hakim supaya dapat satu tingkatan yang lebih tinggi daripada yang ada ini sebab tugas Hakim ini, Tuan Yang di-Pertua, suatu tugas yang maha penting kepada negara dan dialah juga yang melakukan keutuhan keadilan di dalam negeri ini. Kalau hendak menjadikan sebuah negara yang benar mengikut lunas undang-undang yang begitu adil bukanlah satu perkara yang senang bagi sebuah negara yang baru merdeka. Kita tengok negara-negara yang lain keadilan itu tercabul. Jadi di Malaysia ini kita bersenang hati para Hakim kita menjalankan lunas undang-undang ini menurut hukum yang begitu adil tidak mengira sama ada berat kepada kaum atau kepada ugama. Siapa juga yang sabit kesalahan diatuhkan hukuman. Ini satu keadilan yang sangat murni kita dapati daripada kehasilan keputusan mahkamah yang dibuat oleh Hakim.

Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, sejak yang akhir-akhir ini negara kita banyak berlaku jenayah dan juga kita perlu meminda Rang Undang-undang yang mensabitkan hukuman-hukuman yang lebih tinggi kepada penjenayah itu. Ini terbit daripada pembangunan negara ini yang begitu pesat dan kebijaksanaan rakyat dalam negara ini adalah lebih tinggi pemikirannya dalam pembangunan, bukan sahaja dalam pembangunan tetapi penjenayahpun meningkat lebih tinggi.

Jadi dengan keadaan ini, saya mengharapkan kajian itu supaya dapat dibuat dan juga Kerajaan kena memerhatikan sesuatu keputusan yang dibuat oleh para Hakim kita yang telah dijatuhkan kepada mereka yang didakwa dan sabit kesalahannya dan dihukum janga dicabar oleh rakyat dalam negeri ini, sebab keputusan itu keputusan yang adil dan kepada mereka yang mencabar keputusan Hakim Mahkamah dalam negeri ini, saya mengharapkan Kerajaan supaya mengambil perhatian. Kita ada Mahkamah-mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, keputusan yang telah ditetapkan kepada seorang penjenayah itu tidak boleh dicabar.

Saya hendak beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, keputusan mahkamah kita ini pernah dicabar oleh rakyat negeri ini—segolongan kecil. Umpamanya kita baharu-baharu ini telah membuat satu Rang Undang-undang tambahan atas Dadah Berbahaya, Akta Keselamatan, mereka itu layak dihukum gantung dan dihukum bunuh tetapi mereka itu mencabar kononnya bahawa Hakim itu menjatuhkan hukuman bunuh itu tidak adil, bukan sahaja cabaran ini mereka suarakan dalam negeri, mereka suarakan di luar negeri diambil kesempatan oleh pemberita-pemberita akhbar luar negeri, pelajar-pelajar luar negeri mengatakan bahawa hukuman bunuh yang dijatuhkan oleh mahkamah kita itu tidak adil, zalim dan kejam, menuju kepada satu-satu kaum. Masalah macam ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan dapat memerhatikan golongan-golongan yang cuba mencabar keputusan mahkamah itu.

Yang kedua, bila disebut darjah kemuliaan Hakim-hakim kita ini, Kerajaan kena memerhatikan pula tempat Hakim-hakim itu. Kalau dengan ini kita luluskan peruntukan dari kehormatan Hakim-hakim kita ini tetapi tempat mahkamah kita, Tuan Yang di-Pertua, tidak sesuai dengan sebuah negara yang merdeka. Kenapa Kerajaan tidak mengambil langkah supaya mendirikan bangunan baharu mahkamah-mahkamah supaya sesuai dengan para Hakim. Kita masih terus menggunakan mahkamah-mahkamah lapuk itu kalau hendak didudukkan Hakim-hakim. Bukan sahaja mahkamah tinggi, Kerajaan patut memberi perhatian di mana juga mahkamah di seluruh tanahair kita ini, di mana bangunan-bangunan yang lapuk itu sayugia diganti. Hasil daripada keputusan mahkamah ini, mendatangkan hasil kepada negara pada setiap kes yang dijalankan, kenapa masalah ini kita tinggalkan.

Saya fikir Kerajaan tidak juga meninggalkan tetapi adalah membelakangkan daripada pembangunan-pembangunan negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, para Hakim yang telah kita berikan gajinya sebagaimana peruntukan dalam Rang Undang-undang ini pada satu ketika dia akan bersara, kepada Ketua Hakim—Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan lain-lain yang tertera dalam Rang Undang-undang ini, saya harap pada satu ketika Kerajaan akan menempatkan Hakim ini setelah bersara kelak supaya duduk dalam Dewan Negara—menjadi Ahli Dewan Negara—sebilangannya menjadi Ahli Dewan Negara. Sebab dengan keadaan ini Dewan Negara kita ini akan matang dalam perundangan dan pemikiran dalam Dewan Negara pada masa akan datang dengan lebih banyak memasukkan selain daripada Peguam-peguam, Engineer, dimasukkan para Hakim yang macam ini akan menjadi pemikiran-pemikiran negarawan yang dapat diterbitkan oleh para Hakim, akan berguna kepada negara, akan berguna kepada Dewan ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berikan sokongan.

5.04 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga untuk menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ini. Saya suka membawa beberapa perkara yang belum disentuh oleh sahabat-sahabat saya terdahulu berkenaan dengan gaji ataupun saraan Hakim-hakim ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati di dalam negara kita ini perkhidmatan Hakim-hakim, sebelum seseorang itu menjadi Hakim maka mereka lebih dahulu ditugaskan dari bawah iaitu menjadi mejistret, menjadi President Mahkamah Session dan seterusnya menjadi Hakim maka kita dapati banyak sangat mejistret-mejistret ataupun Ketua-ketua Hakim Mahkamah Session itu meletakkan jawatan dan bekerja ataupun berkhidmat di lapangan yang lain. Kalau kita ikuti perkembangannya, kita akan dapati tidak lain, tidak bukan salah satu daripada sebabnya ialah masalah gaji. Gaji yang diberi kepada mejistret-mejistret kita adalah dikatakan tidak seimbang jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai yang lain dengan sebab itulah mejistret-mejistret lebih suka meninggalkan jawatan mejistretnya menjadi seumpama

Lawyer dan sebagainya ataupun menjadi ahli-ahli perniagaan. Dengan sebab itulah di dalam report yang dibawa di Dewan ini seumpamanya kita melihat banyak sangat jawatan-jawatan Hakim yang masih kosong, tidak ada orang-orang yang hendak memenuhinya. Maka dengan itu, saya percaya perkara ini seperti yang disuarakan oleh rakan-rakan saya yang terdahulu daripada saya, patutlah masalah gaji Hakim ini dipertimbangkan dengan sewajarnya supaya dengan berbuat demikian, kita akan mendapat Hakim-hakim, mejistret-mejistret dan Ketua-ketua Mahkamah Session yang cukup dan boleh memenuhi kekosongan-kekosongan yang tersebut itu.

Satu perkara yang saya nampak bahawa Hakim-hakim ini, sebagaimana yang dikatakan ialah orang yang bebas, orang yang tidak terikat dengan apa-apa. Memberi keputusan dengan tidak boleh dipengaruhi oleh sesiapaupun. Di dalam masalah gajinya sendiri, saya nampak malang juga kepada Hakim-hakim ini tidak ada siapa yang hendak membela selain daripada pihak Kerajaan sendiri. Misalnya pegawai-pegawai yang lain gajinya dibela oleh CUEPACS seperti perkeranian, pegawai-pegawai dan sebagainya, masing-masing ada membuat memorandum kepada Kerajaan tetapi Hakim-hakim ini tidak pernah kita dengar satu memorandum dikemukakan kepada Kerajaan kerana menuntut kenaikan gaji dan juga badan-badan seperti CUEPACS dan sebagainya tidak menyentuh gaji-gaji Hakim-hakim kerana Hakim-hakim ini adalah teristimewa.

Jadi kalau sekiranya Hakim-hakim kita begitu mendapat penghormatan tiba-tiba apakala sampai pada had gajinya maka sekian itulah sahajalah seperti dalam Bil yang ada di hadapan kita ini. Saya nampak dan saya bersetujulah sebagaimana gesaan daripada sahabat-sahabat saya yang terdahulu patut dikaji semula. Kalau hendak dikaji semula bukan macam Ketua Hakim Negara dia tidak boleh hendak dibandingkan dengan Menteri-menteri biasa, sepatutnya dia ini termasuk orang nombor tiga dalam negara. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Yang di-Pertuan Agong patutlah Perdana Menteri, selepas itu baharu Ketua Hakim dalam bahagian gaji. Kalau Yang di-Pertuan Agong diberi 100%, Perdana Menteri kita berilah 50% misalnya atau 45%, kemudian baharulah Ketua Hakim, yang lain itu iku lah. Itulah yang moleknnya pada pendapat saya. Tetapi kalau

sekiranya dibuat sebagaimana di dalam Bil ini, Ketua Hakim Negara \$6,860. Saya tidak tahulah dari mana basic yang diletakkan, saya pun tidak tahu. Saya harap di dalam perkara ini dapat diperbetulkan.

Cuma saya harap satu sahaja di dalam Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, yang saya berasa ragu-ragu yang saya tidak berapa faham ialah takrif Hakim-hakim. Perkataan Ketua Hakim Negara ini bagus sebab dikehendaki negara di sini ialah negara Malaysia. Kalau Malaysia mengandungi Malaysia Timur dan Malaysia Barat, jadi Ketua Hakim Negara adalah Ketua Hakim yang besar sekali di dalam Malaysia. Tetapi kalau dika'akan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya maka timbul pula masalah Malaya. Bukankah perkataan "Malaya" ini sudah ketinggalan, sebutlah "Malaysia". Di bahagi dua, katalah Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaysia Barat dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaysia Timur, jangan kata Hakim Besar Mahkamah Tinggi Borneo, jangan timbul lagi masalah Borneo. Borneo ini memang perkataan yang sudah mati. Di dalam sejarah pun sudah ma'i, yang ada hanya dalam masa penjajahan British dahulu. Kalau dikatakan Borneo termaasuklah negeri-negeri Sarawak, Brunei dan Sabah

Seorang Ahli Yang Berhormat: Indonesia.

Tuan Mahmud Salim bin Haji Mohamad: Ya, Indonesia. Jadi sekarang ini timbul pula Borneo. Kalau hendak rujuk kepada takrif, takrif mana, saya tidak tahu. Baranekali maksudnya ialah Sarawak dan Sabah sahaja tidak termasuk Brunei kerana Brunei adalah sebuah negara luar daripada Malaysia. Maka dengan perlantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo ini, ini membawa tanda tanya apakah hikmatnya, apakah maksudnya maka masih lagi di dalam mahkamah digunakan perkataan "Borneo", digunakan perkataan "Malaya", itulah pertanyaan yang ada di kepala saya, tidak ditegaskan sebagaimana dalam undang-undang yang lain dikatakan "Malaysia Timur" ataupun "Malaysia Barat", bukanlah bagus begitu? Dan perkataan Ketua Hakim Negara itu moleklah dikekalkan begitu.

Dengan sebab itu, saya harap pihak Kementerian yang berkenaan membuat kajian semula supaya perkara yang kesamaran seumpama ini dapat dibetulkan supaya tidak samar-samar, yang terang lagi terang, sudah terang lagi bersuluh. Sekian, terima kasih.

5.11 ptg.

Datuk Seri Haji Hussein bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyuarakan dan menyokong pendapat yang dihujah oleh rakan-rakan saya dalam Dewan ini berkenaan dengan gaji-gaji hakim daripada Ketua Hakim Negara hingga sampai lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia dan juga Sarawak dan Sabah.

Jikalau kita melihat berapa tingginya mahkamah hakim di dalam negara kita, kita dapati pandangan orang ramai terhadap hakim-hakim ini terlampau tinggi apabila kita mengikuti perbincangan-perbincangan daripada satu masa ke satu masa dan keputusan-keputusan yang diambil oleh mahkamah itu kita tidak dapat banyak teguran atau appeal kepada Privy Council dahulu, apabila diappeal kepada Privy Council pun maka appeal itu adalah kita dapati ditolak oleh Privy Council. Jadi kita tahulah di sini mutu dan darjah kehakiman kita di dalam Malaysia ini tidak boleh dibandingkan dengan dunia yang ada di sebelah sini dan juga dalam Asia juga, iaitu setaraf (standard) dengan hakim-hakim di dalam gred kita. Jikalau soal ini kita pandang atas gaji yang didapati oleh setengah-setengah hakim dekat sama gajinya boleh dikatakan dengan Menteri-menteri atau Timbalan Menteri.

Tentulah proses menjadi seseorang hakim itu sungguhpun dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi melantik seseorang hakim ini tentulah sedalam-dalam prosesnya oleh Kerajaan dan barulah Yang di-Pertuan Agong melantiknya. Itulah sebabnya atas pandangan ini saya menyokong hujah-hujah rakan-rakan saya di dalam Dewan ini. Sepatutnya gaji hakim ini disemak semula.

Apa yang saya hendak cuba menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 dalam Bil ini. Sungguhpun dalam Fasal 4 pada hemaat saya memberi option kepada hakim-hakim ini sama ada hendak terima cadangan yang disyor oleh Bil ini atau tidak mengikut mana-mana peruntukan yang lain, tetapi jikalau boleh Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri ini dapat menerangkan yang saya keliru. Misalnya dalam Bil ini, Fasal 4 (1), barisan 4 daripada bawah berbunyi, "dia hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang lain yang boleh dipakai baginya seolah-olah Akta ini tidak diluluskan". Jadi bermakna Kerajaan pun ada was-was sama

ada gaji ini diterima sebulat-bulat oleh hakim atau was-was barangkali tidak terima, jadi diberi option kepada hakim ini.

Saya hendak minta penjelasan jikalau tidak diterima option ini bermakna undang-undang yang ada di tangan kita hari ini ialah seolah-olah ditolak oleh hakim tetapi bila kita luluskan ini sudah jadi undang-undang. Itu pada pendapat saya, bukan pakar dalam undang-undang ini, sebagai lay-man. Saya hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan jikalau dapat jelaskan sebagaimana menengokkan clause 4 (1) ini saya terpaksa menyokong undang-undang ini. Sebelum itu saya harapkan Menteri ini beri keterangan yang lanjut sebab dalam Huraiananya (Explanation) juga tidak jelas, misalnya muka surat 3, "jika Hakim tersebut memilih un'uk tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan pindaan bagi Akta yang dicadangkan ia hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang mana-mana undang-undang lain dan seolah-olah pindaan Akta yang dicadang itu tidak diluluskan." Saya pun keliru berkenaan ini mana satu yang benar. Jadi kita bawa undang-undang ini bolehlah ada optional kepada memilih, peruntukan yang macam mana dengan cadangan kita ini. Jikalau kita datang ke sini hendak meluluskan undang-undang ini dan hakim tidak terima, jadi seolah-olahnya the purpose of undang-undang ini is defeated. Inilah sahaja, terima kasih.

5.18 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu inginlah saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun di dalam Dewan ini memberi komen atau pendapat mereka dan seterusnya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Saya tidaklah bermaksud un'uk menjawab satu persatu dalam perkara ini dan komen-komen Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang menasabah akan ditimbangkan oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, inginlah saya memberi penjelasan satu dua perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya ialah mengenai dengan gaji atau saraan hakim ini yang dibawa dalam Dewan pada petang ini. Sebenarnya saraan hakim ini bukannyalah kali pertama dipinda tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saraan hakim terdahulu daripada

ini telahpun dipindahkan di dalam Dewan ini di masa mesyuarat yang lalu. Pindaan yang dilakukan sekarang ialah setelah Kerajaan memikirkan dan menimbangkan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan dan juga lain-lain di mana di masa yang lalu gaji hakim-hakim telah dipindahkan menjadi kepada \$6,000 kepada Ketua Hakim Negara pada mesyuarat yang lalu dan seterusnya. Jadi hanya ingin saya mengatakan di sini bahawa pindaan ini adalah merupakan pindaan yang sudah kedua kali maka itu telahpun ditimbangkan oleh Kerajaan. Namun demikian komen-komen yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah mengatakan di mana keputusan mahkamah pernah dicabar oleh rakyat di dalam negara kita ini.

Sebenarnya mengikut undang-undang dalam negeri ini keputusan mahkamah adalah muktamad dan biasanya keputusan Mahkamah Rendah itu bolehlah diappeal kepada mahkamah yang lebih tinggi dan apabila keputusan sudah dibuat oleh mahkamah yang sehabis tinggi, maka keputusan itu adalah muktamad dan Kerajaan tidak pernah campur tangan dalam perkara ini kerana Kerajaan memang berpegang kepada prinsip bahawa mahkamah itu membuat keputusannya adalah merupakan satu badan yang bebas yang tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim mengenai dengan mahkamah yang dikatakan satu Mahkamah Tinggi Malaya dan satu Mahkamah Tinggi Borneo, perkara ini ialah kerana ada terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang ini digubal mengikut Perlembagaan itu di mana Perlembagaan itu terpaksa diikuti.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, hanya satu lagi yang baru ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Hussein di mana beliau menyebutkan mengenai Fasal 4.

Saya rasa dalam beberapa undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan ini termasuk juga Undang-undang Saraan Ahli-ahli Parlimen di mana undang-undang itu memberi peruntukan kepada seseorang itu untuk memilih tertakluk di bawah undang-undang itu atau tidak. Jadi ini merupakan

satu peruntukan untuk memberikan kebebasan kepada seseorang itu sama ada untuk memilih atau tidak. Ini hanyalah peruntukan biasa dan Fasal 4 ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada yang berkenaan sama ada untuk memilih untuk tertakluk di bawah Rang Undang-undang ini ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian sahajalah yang dapat saya sampaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang "Akta Pencen Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1980" dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi mentadbirkan pengurniaan pencen, ganjaran dan lain-lain faedah tamat

perkhidmatan kepada pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan dan orang-orang tanggungan pekerja-pekerja tersebut yang telah memilih gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Gaji yang telah dilaksanakan mulai daripada 1hb Januari, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan ini masih ingat dalam mesyuarat yang lalu, Dewan ini telah meluluskan Rang Undang-undang bertajuk Akta Pencen 1980 yang melaksanakan syor-syor Jawatankuasa Kabinet Gaji mengenai faedah-faedah persaraan bagi kakitangan perkhidmatan awam yang telah memilih sekim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Jawatankuasa itu. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Akta Pencen 1980 telah diubahsuaikan untuk faedah pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan. Sebenarnya kebanyakan peruntukan dalam Rang Undang-undang ini adalah sama seperti yang terdapat dalam Akta Pencen 1980 untuk kakitangan perkhidmatan awam.

Baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan penyemakan gaji dan faedah-faedah persaraan seperti diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Gaji bagi pelaksanaan mulai daripada 1hb Julai, 1980.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang "Akta Pencen (Pindaan) 1980" bagi meminda Akta Pencen 1980 untuk melaksanakan keputusan Kerajaan tersebut telahpun diluluskan oleh Dewan ini sebentar tadi. Peruntukan-peruntukan yang sama seperti dalam Rang undang-undang Akta Pencen (Pindaan) 1980 telah dimasukkan ke dalam "Akta Pencen Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1980" yang sekarang ditimbang oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menjelaskan peruntukan-peruntukan yang penting dalam Rang Undang-undang "Akta Pencen Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1980". Sepertimana yang saya telah nyatakan dahulu Rang Undang-undang ini akan meliputi pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan yang telah memilih terima sekim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet Gaji yang berkuatkuasa mulai dari 1hb Januari, 1976 dan yang disemak semula oleh Jawatankuasa itu.

Segala faedah-faedah persaraan yang dikurniakan di bawah Rang Undang-undang ini adalah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan Persekutuan. Ini adalah sejajar dengan keputusan Kerajaan supaya pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan juga diberi jaminan pembayaran pencen seperti yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam, ahli-ahli angkatan tentera, Hakim-hakim, dan Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen. Peruntukan mengenai pembayaran daripada Kumpulanwang Yang Disatukan Persekutuan akan berkuatkuasa mulai dari 1hb Januari, 1981 (Fasal 4). Sehingga 31hb Disember 1980 segala pembayaran kepada pekerja-pekerja atau orang-orang tanggungan mereka akan dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang yang telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1977 yang telah diluluskan bagi melaksanakan Laporan Suruhanjaya Gaji Di Raja Harun. Caruman majikan yang dikutip dari pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan sekarang dibayar ke Kumpulanwang tersebut dan dengan penggulungan Kumpulanwang ini segala aset-aset akan dipindahkan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan Persekutuan ke dalam mana-mana syer caruman majikan akan juga dibayar mulai 1hb Januari 1981. Ini telah ditetapkan dalam Fasal 8.

Segala faedah-faedah persaraan di bawah Rang Undang-undang ini akan ditadbirkan oleh "pihakberkuasa pencen" yang di'afsirkan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang juga bertanggungjawab bagi pentadbiran faedah-faedah persaraan di bawah undang-undang persaraan lain kecuali bagi Angkatan Tentera. Ini adalah bertujuan untuk melicinkan pentadbiran pencen di samping menyelaraskan prinsip-prinsip yang terkandung dalam pelbagai undang-undang pencen yang sedang ditadbirkan oleh pihakberkuasa pencen.

Menurut Fasal 6 seseorang pekerja tetap yang telah disahkan ke dalam jawatannya akan diberi taraf berpencen setelah berkhidmat 10 tahun. Walau bagaimanapun peruntukan ini tidak akan dikenakan kepada mereka yang telah diberikan taraf berpencen oleh majikan mereka sebelum terbitnya Rang Undang-undang ini. Pihakberkuasa pencen akan bertanggungjawab bagi memberikan taraf berpencen kepada seseorang pekerja.

Seseorang pekerja yang berpencen adalah layak untuk menerima faedah-faedah persaraan sekiranya beliau bersara dalam keadaan-keadaan yang ditentukan. Menurut Fasal 10 seseorang pekerja dikehendaki bersara apabila mencapai umur wajib bersara yang ditetapkan, iaitu 55 tahun, kecuali di mana tindakan tatatertib untuk tujuan pembuangan kerja sedang diambil. Walau bagaimanapun seseorang pekerja boleh dibenarkan bersara secara pilihan sendiri apabila meningkat umur 50 tahun bagi lelaki dan 45 tahun bagi wanita.

Pihak majikan juga boleh menghendaki seseorang pekerja bersara atas sebab-sebab yang berikut:

- (a) apabila didapati pekerja tidak dapat menjalankan tugas-tugas jawatannya buat selama-lamanya, kerana sebab-sebab kesihatan;
- (b) apabila jawatannya dimansuhkan atau bagi membolehkan organisasinya disusun semula dengan tujuan menjimatkan perbelanjaan atau memperbaiki kecukupan organisasi; dan
- (c) apabila perkhidmatannya ditamatkan atas kepentingan awam. Ini akan terbit daripada tindakan tatatertib yang diambil kerana melanggar peraturan-peraturan disiplin. Pengurniaan faedah-faedah persaraan kepada seseorang pegawai yang dipersarakan di atas kepentingan awam tidaklah secara automatik dan adalah tertakluk kepada budibicara pihak yang berkuasa meluluskan pengurniaan. Walau bagaimanapun mungkin terdapat keadaan yang tidak serius tetapi mengurangkan minat seseorang pekerja dan oleh itu dalam Fasal 11 peruntukan dibuat bagi membolehkan pihakberkuasa mempersarakan seseorang pekerja dengan persetujuannya atas sebab kepentingan perkhidmatan pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun atau tempatan dan beliau akan dikurniakan penen tanpa apa-apa potongan.

Peruntukan-peruntukan juga dibuat dalam Fasal 11 dan 13 bagi membolehkan Kerajaan mempersarakan seseorang pekerja atas kepentingan negara atau bagi membenarkan beliau bekerja dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa atau dengan syarikat perniagaan dengan modal Kerajaan.

Seseorang pekerja yang telah bersara dalam keadaan-keadaan yang saya telah sebutkan akan layak untuk faedah-faedah persaraan berasaskan kepada tempoh perkhidmatan. Beliau akan mendapat pencen atas kadar 1/600 daripada gaji akhirnya bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan dan maksima pencen adalah dihadkan kepada $\frac{1}{2}$ daripada gaji akhir. Disamping itu beliau akan mendapat ganjaran atas kadar 1/20 daripada gaji akhirnya bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan. Kadar-kadar ini akan dimuatkan dalam peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga meliputi pembayaran faedah-faedah kecederaan dan pencen tanggungan. Sekiranya seseorang pekerja bersara akibat kecederaan semasa dalam perjalanan untuk menjalankan tugas rasmi atau tidak beliau adalah layak menerima pencen hilang upaya selain dari pencen berasaskan kepada jumlah perkhidmatannya. Kadar faedah kecederaan adalah sama seperti diperuntukkan bagi kakitangan dalam perkhidmatan awam iaitu antara 1/8 hingga 1/2 daripada gaji akhir. Jika pekerja itu meninggal dunia akibat dari kecederaan tersebut, tanggungan mereka akan dikurniakan pencen tanggungan selain daripada pencen terbitan.

Pencen terbitan adalah dibayar kepada balu dan anak-anak seseorang pekerja yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan. Pencen terbitan ini yang sama dengan pencen perkhidmatan sekiranya pekerja dianggap sebagai telah bersara pada hari kematian akan dibayar selama $12\frac{1}{2}$ tahun. Jika seseorang pesara meninggal dunia dalam tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun dari tarikh persaraannya maka balu dan anak-anaknya akan juga menerima pencen terbitan yang sama, pencen perkhidmatan pesara hingga genap tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun selepas bersara.

Semasa memberi kuasa untuk membuat peraturan di bawah Rang Undang-undang ini kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pencen, Fasal 28 menentukan bahawa faedah-faedah persaraan yang dikurniakan kepada pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan akan seimbang dengan faedah-faedah persaraan yang dinikmati di bawah Akta Pencen 1980 bagi kakitangan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa peruntukan telah dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini bagi melaksanakan keputusan Kerajaan baru, terbit daripada penyemakan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan oleh Jawatankuasa Kabinet Gaji. Salah satu syor Jawatankuasa Gaji ialah mengenai pencen terbitan.

- (a) Pembayaran pencen terbitan kepada seseorang balu yang sekarang dihadkan kepada $12\frac{1}{2}$ tahun daripada tarikh kematian jika pegawai meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau daripada tarikh persaraan sekiranya kematian berlaku selepas persaraan hendaklah diteruskan dengan kadar 70% daripada pencen yang diterimanya seumur hidup balu, kecuali di mana perkahwinan telah berlaku selepas persaraan maka balu hanya layak menerima pencen terbitan bagi baki tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun daripada tarikh persaraan seperti diperuntukkan sekarang.
- (b) Pencen terbitan yang mula dibayar kepada seseorang anak semasa berumur di bawah 21 tahun hendak diteruskan seumur hidup jika anak itu cacat otak atau anggota dan tidak berupaya untuk mencari nafkahnya sendiri.
- (c) Jika seorang pegawai wanita meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau selepas persaraannya, dudanya akan layak menerima pencen terbitan yang akan dibayar atas syarat-syarat yang sama seperti diperuntukkan bagi pencen terbitan kepada balu.

Tuan Yang di-Pertua syor-syor Jawatankuasa Kabinet Gaji yang lain meliputi perkiraan semula pencen dan pencen minima:

- (a) Pencen yang telah dibayar kepada pegawai-pegawai yang telah bersara atau orang tanggungan mereka (jika pekerja telah meninggal dunia) sebelum 1hb Julai, 1980 iaitu tarikh berkuatkuasanya penyemakan gaji hendak dikira semula berdasarkan kepada gaji baru seolah-olah pesara atau pegawai yang telah meninggal dunia telah menerima gaji baru sebelum persaraan atau tarikh meninggal dunia.
- (b) Seorang pegawai yang memegang jawatan yang terendah akan menerima pencen minima sebanyak \$180.00 sebulan sekiranya telah berkhidmat tidak

kurang dari 25 tahun berdasarkan gaji maksima bagi jawatan tersebut iaitu \$360.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan telah memainkan peranan yang besar dalam pembangunan negara. Langkah untuk menyelaraskan pencen pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang digunakan bagi pengurniaan faedah-faedah persaraan kepada kakitangan perkhidmatan awam, bukan sahaja merupakan penghargaan ke atas jasa-jasa mereka terhadap negara tetapi lebih penting dari itu ialah adanya jamin hidup yang bertambah baik dan merupakan perangsang kepada mereka yang masih berkhidmat supaya mereka melipat gandakan usaha masing-masing sama ada di bidang pembangunan atau pun khidmat awam kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Akta Pencen Pihak-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.43 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana sebagaimana pegawai-pegawai Kerajaan yang lain maka pegawai-pegawai yang ada di dalam badan berkanun iaitu seperti bekerja dengan Kerajaan mestilah mendapat imbuhan yang serupa ataupun pencen yang serupa dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini oleh kerana saya dapati pada masa yang lalu badan-badan berkanun misalnya seperti UDA, PERNAS, PETRONAS, FELDA dan badan-badan yang lain terutama sekali di dalam masa pembangunan ini untuk meninggikan taraf hidup bumiputra. Oleh kerana kita tubuhkan badan-badan ini misalnya badan-badan seperti PERNAS, UDA dan sebagainya adalah agensi-agensi ataupun badan-badan untuk meninggikan taraf bumiputra

dalam tempoh 1990 nanti sekurang-kurangnya 30%. Dan dalam Kongres yang lalu sekurang-kurangnya 51% akan dapat di dalam tangan bumiputra. Ini cita-cita kita. Dengan sebab itu maka badan-badan berkanun, pegawai-pegawainya, kakitangan-kakitangannya mestilah bekerja bukan macam pegawai Kerajaan lagi, bukan datang 8.30 pagi kemudian balik jam 4.30 petang tidak ada, bukan begitu.

Di dalam badan berkanun seperti PERNAS yang kita bumiputra berkehendakkan PERNAS menjalankan tugasnya sebenar-benar bagi meninggikan taraf hidup bumiputra. Ini satu semangat yang diberi kepada pegawai-pegawai ini supaya betul-betul tekun bekerja, jangan mengirakan jam 4.30 petang hendak main golf, hendak main badminton, main tenis, oleh kerana dalam dunia perniagaan dan perusahaan jikalau PERNAS hendak masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan, masa tidak ada. Dengan sebab itu Kerajaan mestilah mencari pegawai-pegawai yang betul-betul boleh bekerja, pegawai yang betul-betul bertekun, kalau hendak menjadi pegawai sahaja lebih baik masuk kerja Kastam, Imigresen, Pegawai Tanah, pegawai itu dan ini maka adalah masa bagi mereka. Tetapi jikalau hendak masuk PERNAS, UDA, PETRONAS, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, MARA mestilah selective pegawai-pegawai kita hendaklah "partinya" betul-betul, yang bersemangat hendak menjayakan sekurang-kurangnya 30% daripada ikhtisad di dalam negeri ini dipegang oleh bumiputra. Kalau tidak ada semangat itu, kalau pukul 4.30 petang hendak balik Kerajaan mesti menengokkan pegawai mereka dan tidaklah boleh berbuat demikian, apalah gunanya kerana mengikut General Orders sahaja, tetapi pegawai-pegawai ini juga mestilah dibawakan General Orders, kalau tidak menyeleweng nanti.

Saya hendak memberi satu contoh, UDA seperti yang telah dibincangkan di Dewan Rakyat (Lower House) bagaimana UDA pada satu ketika dahulu membeli tanah. A beli tanah misalnya \$6 million dijual dengan B \$8 million, UDA beli daripada third person \$12 million. Cara begini tidak boleh jadi, bankrap bumiputra, bankrap Kerajaan, cara atau perjalannya boleh jadi halal tetapi apa sebabnya UDA tidak boleh terus pergi kepada buyer yang mula-mula, apa sebabnya ada perantaraan A, B dan C. Itu sebabnya saya katakan oleh kerana pegawai Kerajaan ini

tidak dalam perniagaan tetapi badan berkanun dalam perniagaan dan perusahaan lebih banyak lagi, cabaran-cabaran mereka. Cabaran apa? Cabaran wang yang boleh mereka ini tercorrupt. Dengan sebab itu saya mengatakan di sini pegawai-pegawai ini juga mesti terkanun lebih ketat lagi dalam General Orders macam mana pergaulan dan sebagainya mesti diperketatkan, jangan mereka ini selalu sahaja di Genting Highlands. Dahulu ada dibincangkan ada pegawai Kerajaan duduk di Genting Highlands sahaja. Jadi kita mesti tengok juga gerak-geri mereka ini. Kalau tidak, apa yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk menjalankan kerja dengan betul-betul, dengan hati yang bersih bukan sahaja untuk meninggikan taraf hidup bumiputra tetapi untuk semua sekali rakyat jelata dalam negeri ini. Di dalam masalah perumahan misalnya untuk memberi rumah kepada semua rakyat jelata dalam negeri ini, tetapi tidak akan berhasil jikalau sekiranya ada pegawai-pegawai yang melakukan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuh-penuhnya dan saya berterima kasih bagi pihak mereka ini kepada Kerajaan kerana Kerajaan memandang kepada mereka supaya tidak ketinggalan daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, tetapi jangan difikirkan mereka ini adalah pegawai Kerajaan yang berpencen dan sebagainya. Jadi tidak payah bekerja lebih kuat lagi sebab serupa dengan pegawai Kerajaan cukuplah sebab mereka ini dalam badan berkanun adalah berlainan. Mereka mesti bekerja lebih kuat lagi. Dalam pemilihan pegawai-pegawai ini mesti ditengok behaviour mereka; mereka mestilah ada tatatertib, bersopan-santun, pandai menarik oleh kerana mereka berada dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Kalau macam pegawai Kerajaan misalnya Pegawai Daerah, dia tidak peduli sama ada tanah hendak dibeli oleh orang atau tidak. Tetapi di dalam dunia perniagaan perusahaan lain, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya Tuan Yang di-Pertua hendak menjual saham kepada saya, hendaklah berlemah-lembut, hendaklah pandai menarik, hendaklah tahu bagaimana keuntungan dan kelabaan dan juga kerugian dan sebagainya, feasibility study hendak dibuat, marketing hendak tahu, macam mana mendapat modal daripada pemodal yang kecil untuk menambah modal untuk badan-badan berkanun ini, jangan diharapkan modal Kerajaan sahaja, untuk menambah lagi jangan kerugian.

Dahulu modal PERNAS beratus million, sekarang ini billion pun ada; mula-mula senyap—rugi, tidak ada untung. Tiba-tiba untung satu million, macam ayam bertelur sebiji berkotak bukan main, seluruh dunia tahu. Tetapi modal entah berapa million, untung satu million lebih sahaja. Jadi diharap pada hari-hari yang akan datang sama ada PERNAS atau UDA boleh bekerja lebih kuat lagi, pegawai-pegawainya ada pencen, ada jaminan hidup pada hari akan datang tetapi semangatnya mesti lebih kerana UDA, PERNAS dan PETRONAS adalah untuk meninggikan taraf hidup, ini yang penting sekali iaitu meninggikan taraf hidup, terutama kaum bumiputra. Sekian, terima kasih.

5.52 ptg

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang ini dan saya tidak berhajat hendak bercakap panjang, cuma dua tiga perkara sahaja selain daripada yang telah diulas oleh rakan saya baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pecen ini memberikan satu jaminan kepada pekerja-pekerja dalam pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan. Saya gemar hendak mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada pegawai-pegawai daripada Kerajaan Tempatan dan juga badan-badan berkanun ini adakah diletakkan di bawah Kerajaan Negeri. Sebab selama ini satu contoh dalam Majlis Tempatan saya katakan, dahulu Local Council diletakkan di bawah Kerajaan Negeri, sekarang telah dialih menjadi Majlis Daerah. Dengan keadaan ini, di bawah Akta ini mereka yang bekerja di bawah Kerajaan Tempatan ini berhak mendapat persaraan sama juga dengan kakitangan Kerajaan yang lain.

Masalahnya ialah dalam Kerajaan Tempatan ini menurut hemat saya ramai pegawai-pegawai yang tidak layak memegang jawatan itu dan pengambilannya pada ketika itu mengikut desakan kaum atau sesuatu desakan yang lain. Jadi dengan keadaan ini kita akan berikan persaraan kepada mereka. Saya syorkan kepada Kerajaan patut dikaji semula pegawai-pegawai dalam Kerajaan Tempatan dan juga badan-badan berkanun ini supaya dapat sesuai dengan apa yang kita kenakan kepada pegawai-pegawai daripada perkhidmatan awam.

Ada kalanya di Kerajaan Tempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak tenaga, kurang kerja. Tenaga pekerja di tempat itu ramai tetapi kerja yang patut diuruskan sangat kurang. Jadi ini merugikan kita pada segi membayar gajinya dan kita akan bayar pencen kepada mereka. Apa yang saya mahu patut dikemaskan semula dan mereka ini kalau sudah sampai umur 45 tahun bagi pekerja wanita dan 50 tahun bagi pekerja lelaki, kita nasihatkan supaya yang tidak ada kelayakan itu bersara. Dengan keadaan ini pentadbiran dalam Majlis Tempatan itu dapat berjalan dengan baik. Tujuan Yang Berhormat kata tadi memberikan khidmat dalam pembangunan ini tetapi kalau kita gunakan tenaga-tenaga yang tidak begitu berupaya, tenaga-tenaga yang tidak boleh bertanggungjawab, akan keciwa rakyat dalam masalah ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam badan-badan berkanun ini juga tadi telah dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat rakan sejawat saya, pada ketika dahulu mereka ini tidak termimpi yang perkhidmatan mereka dapat persaraan, tetapi Kerajaan sangat memberikan kemudahan kepada mereka dan mereka ini dapat hak sama juga dengan pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Ini juga patut disemak semula bahawa perkhidmatan mereka itu patut diberikan latihan-latihan dalam bidang-bidang khusus yang ditanggungjawab dan kepada mereka.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, menurut pandangan saya pegawai-pegawai ini diambil bekerja tidak termasuk dalam perkhidmatan awam. Mereka ada satu Lembaga Perjawatan namanya, yang mengambil pekerja-pekerja ini. Oleh sebab kita memberi pencen kepada mereka, saya harap Kerajaan akan memasukkan dalam Lembaga ini pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga pegawai Perbendaharaan sebab dengan itu dapat kita memerhatikan calon-calon yang hendak bekerja ini calon yang layak dan menasabah. Ertinya kita perkemaskan Lembaga ini sama ada Lembaga mengambil jawatan atau Lembaga Tata tertibnya.

Badan Berkanun ini ada sebuah Lembaga Tata tertib, seorang pegawainya telah melanggar tata tertib umpamanya dia telah membuat satu kesalahan dan menjalani hukuman. Saya ceritakan satu contoh yang hampir iaitu seorang pegawai RISDA dituduh rasuah, ditangkap oleh pegawai Biro Siasatan Negara,

kemudian dibawa ke mahkamah dan disabitkan hukuman kena jil 3 tahun atau 2 tahun, tetapi Lembaga atau badan berkanun ini tidak berhak hendak memberhentikan orang itu. Menurut kehendak Lembaga itu dia tidak ada kuasa hendak memberhentikan orang itu. Jadi keadaan ini patut diperbetulkan balik, diselaraskan dengan tugas-tugas di Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini satu contoh yang saya beri, Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya Jabatan Keretapi begitu juga, ini badan berkanun Kerajaan. Seorang telah membuat satu kesalahan, kemudian dinukum di mahkamah, Jabatan itu boleh mengambil tindakan memberhentikan orang itu tetapi ada badan-badan yang lain tidak ada kuasa hendak memberhentikan pegawai-pegawai itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak menarik perhatian, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Fasal 22. Fasal 22 ini mengatakan pencen atau lain-lain faedah terhenti apabila disabitkan. Jadi dalam Fasal 23 (1), "Tertakluk kepada seksyen-kecil (2), jika mana-mana orang yang telah diberi pencen atau lain-lain faedah di bawah Akta ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesuatu tempoh oleh suatu Mahkamah, maka pencen atau lain-lain faedah hendaklah terhenti dengan serta merta." Ini yang jadi umum kepada saya, kesalahan yang dijatuhkan oleh mahkamah satu tempoh yang tidak ditentukan sama ada satu hari, satu bulan, dihukum penjara satu hari tetapi tidak disebut dalam Rang Undang-undang ini, ataupun satu tempoh setahun, baru dihentikan hak-hak persaraannya. Ini yang saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua, seorang yang telah dijatuhkan hukuman bankrap ini juga menjadi satu manik yang mereka tidak mendapat hak-hak persaraan ini. Kata mereka yang telah dijatuhkan bankrap ini atau muflis dalam bahasa Arabnya, kalau salah betulkan saya, orang ini tidak berhak mendapat persaraan. Tetapi bila mana mereka ini berkemampuan membayar balik hutang yang dituntut di mahkamah itu, menurut peruntukan ini tarikh itu dilepaskan, katalah, dia kena hukum bankrap, dia cari wang, ikhtiar hendak membayar hutang balik dengan minta perisytiharan mahkamah selama setahun. Lepas itu mahkamah isytiharkan dia lepas daripada hukuman bankrap ini. Dapatkah Kementerian ini memberi imbuhan kepada masa tahun itu kepada mereka ini sebagai hak pencen dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Saya fikir itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Puan Hajjah Salmah.

6.02 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya turut dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Tidaklah saya hendak bercakap panjang cuma penuh dengan kesyukuran kerana tidak keinggalan juga bagi mereka pihak Badan-badan Berkanun turut juga mendapat habuan pencen ini. Dalam hal ini saya ada juga terdapat setengah daripada Badan-badan Berkanun ini yang Pengarah-pengarahnya bekerja dengan penuh minat bagi memajukan badan-badan tersebut maka dengan ini patut benarlah dan masanya sudah sampai kepada mereka untuk timbangrasa dengan sedemikian.

Ketiga, maka dengan timbangrasa pihak Kerajaan untuk membuat penyusunan pencen-pencen ini kepada pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 itu adalah sudah wajar dan kena pada tempatnya pihak petugas-petugas di dalam bidang Badan-badan Berkanun ini hendaknya mestilah menjalankan tugas mereka dengan penuh minat dan janganlah sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya yang mula-mula tadi iaitu Yang Mulia Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

Inilah yang diharapkan kepada pihak-pihak yang bertugas itu supaya janganlah habuan-habuan yang sudah disediakan dengan sedemikian rupa hanya membuang waktu daripada apa yang sudah wajar difikirkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Hanya sekadar inilah sahaja untuk saya turut bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad.

6.04 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Barangkali saya yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua bercakap berkenaan Undang-undang ini.

Saya bangun oleh sebab hendak memberi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan yang mana pada akhirnya Badan-badan Berkanun, pekerja-pekerja Badan Berkanun telah mendapat hak yang sama seperti pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

Perkara ini adalah satu perkara yang patut mendapat timbangan semenjak beberapa lama. Tetapi begitulah keadaan masa, buah itu kalau tidak masak dia tidak akan gugur. Maka oleh kerana masanya sudah sampai maka pekerja-pekerja dalam Badan Berkanun telah mendapat hak yang sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan dan mereka akan dapat mengecapi nikmat sebagaimana pegawai-pegawai Kerajaan yang lain dapat menikmati. Maka ini adalah satu kemurahan daripada Kerajaan yang bukan sahaja patut mendapat ucapan terima kasih tetapi patut disanjung dan dihargai buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara berkenaan Badan-badan Berkanun ini teringat saya pada masa saya dahulu di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Trengganu maka bersama-sama dengan itu ialah Majlis Hal Ehwal Ugama Islam. Sebagaimana yang kita tahu Jabatan Hal Ehwal Ugama atau Majlis Hal Ehwal Ugama ini adalah Pejabat Kerajaan dan semua ahli-ahli itu ialah terdiri daripada pegawai Kerajaan yang berpencen. Tetapi Majlis Ugama Islam tidak. Dia bukannya Kerajaan tetapi dia satu badan suku. Apakah terbit Laporan Harun berkenaan Badan-badan Berkanun di situ telah timbul. Adakah Majlis Hal Ehwal Ugama ini tertakluk kepada skim gaji Harun iaitu Badan-badan Berkanun ataupun tidak. Itu-pun tidak dapat hendak ditetapkan. Pada akhirnya begitulah duduk di awang-awangan sahaja manakala gaji pegawai-pegawai Majlis Ugama ini adalah rendah. Dia tidak boleh hendak ikut skim gaji Badan-badan Berkanun yang disyorkan oleh Laporan Harun kerana ia tidak duduk di bawah Badan Berkanun. Ia tidak boleh juga menerima skim gaji menurut Kerajaan kerana ia bukannya pegawai Kerajaan.

Dengan keadaan begini orang-orang yang bekerja dengan Majlis Ugama itu telah mendapat layanan yang kurang daripada segala-galanya. Ada kawan-kawan saya yang bekerja sampai 20 tahun, 25 tahun apabila berhenti hanya diberi ganjaran setahun gaji sahaja. Maka Alhamdulillah dengan adanya undang-undang ini, Akta yang ada di hadapan kita ini

maka hendak tidak hendaknya semua sekali sama ada Majlis-majlis Ugama Islam, sama ada Badan-badan Berkanun yang lain adalah tertakluk kepada undang-undang ini dan pegawai-pegawainya itu mesti mereka itu diberi pencen apabila mereka itu berhenti kelak. Maka itulah yang saya kata ini adalah satu perkara yang sangat besar, inilah satu perkara yang sangat mantaat Undang-undang ini atau Akta ini kepada Badan-badan Berkanun termasuk Majlis-majlis Ugama yang saya fikir di seluruh Malaysia.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa kemusykilan berhubung dengan fasal-fasal di dalam Undang-undang ini tetapi oleh kerana masa sudah tidak mengizinkan, saya bangkitkan dua tiga perkara sahaja.

Perkara yang pertama, bukan Akta ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dahulu daripada Akta ini telah kita luluskan beberapa Akta yang lain, maka di dalam Akta-akta yang saya sebut itu berkenaan dengan pencen sama ada Akta Pencen sendiri ataupun sara hidup Ahli-ahli Parlimen dan sebagainya ada disebutkan berkenaan dengan pencen terbitan. Pencen terbitan ini akan terhenti sebagaimana yang disebut dalam Fasal 17 Akta ini:

“17. Pencen terbitan yang diberi di bawah Akta ini hendaklah terhenti jika penerima-nya—

(a) seorang balu atau duda, apabila berkahwin lagi,” Jadi, di dalam Rang Undang-undang Pencen tadi telah dibangkitkan perkara yang semacam ini, seumpama duda yang telah ada mempunyai dua tiga isteri, dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh menyatakan boleh, tidak mengapa seorang lelaki mempunyai isteri satu, dua atau tiga jikalau sekiranya dia berkahwin dengan pegawai Kerajaan ini, bila pegawai Kerajaan ini mati dia dapat pencen. Alhamdulillah, baguslah. Tetapi berkenaan dengan balu oleh kerana dia ditetapkan seorang suami sahaja, dia tidak boleh berkahwin. Jikalau dia berkahwin pencen dia akan terhenti. Masalah saya, ialah masalah anak. Di sini dikatakan anak-anak itu, anak seorang pegawai Kerajaan yang bersara itu dia hanyalah akan diberi pencen terbitan apakala sampai umurnya 21 tahun, kecuali anak itu cacat otaknya ataupun tidak upaya tubuh badannya menjalankan pekerjaan, maka bolehlah dia menerima pencen terbitan sampai kepada seumur hidup atau

kepada akhir hayatnya. Masalah yang saya hendak timbulkan begini, misalnya, seorang pesara itu ada mempunyai dua anak, A dan B anaknya. A itu tidak ada cacat apa-apa, baik tubuh badannya. Maka apakala baik tubuh badan dia, dia akan menerima pencennya hanyalah setakat umurnya 21 tahun lepas itu terhentilah, ataupun dia berkahwin sebelum berumur 21 tahun maka terhentilah pencennya. B. seorang anak yang cacat otaknya, katakanlah, dia gila. Maka dengan sebab dia gila yang dengan takdir Illahi dia nasib baik, pencennya tidak dipotong, dia akan menerima sampai kepada akhir umurnya selagi dia gila. Tetapi anak yang A ini, selepas daripada dua atau tiga tahun takdirnya dia gila pula, ikut adiknya tadi. Pencen dia sudah terhenti. Tetapi oleh kerana baka dia tidak baik barangkali; gila ini setengah-setengahnya berbaka, kata setengah doktor kampung, saya tidak tahulah, berbaka. Jadi baka gila ini turun kepada anak A pula. Maka gilalah A pula. Adakah pencen akan diberi kepadanya ataupun oleh sebab ianya sudah putus dia tidak boleh lagi. Itu masalahnya. Saya fikir jikalau sekiranya tidak ditimbang atau tidak diberi kepada dia, ini adalah satu perkara yang anianya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang ketiganya, masalah saya bangkitkan semalam berkenaan dengan ibu-bapa. Jadi dijawab oleh Yang Berhormat Majlis Tengku Tan Sri Razaleigh mengatakan susah bagi pihak Kerajaan, kerana dia bukan kira pesaka, dia kira timbangan sahaja. Jadi oleh kerana ibu-bapa ini payah hendak ditentukan itulah sebabnya dia lepaskan ibu-bapa. Jadi saya sampai sekarang tidak dapat hendak terima hujah-hujah yang dikatakan itu. Kepada saya ibu-bapalah lebih terang sekali, yang tidak ada samar-samar. Seorang itu berkenaan dengan ibu-bapa tidak boleh didalihkan, tidak boleh hendak diketepikan kerana ibu-bapa ini seorang sahaja. Seorang ibu dan seorang bapa. Adapun anak boleh ditipu. Begitu juga isteri, memang boleh ditipu.

Jadi kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, banyak di antara pegawai-pegawai Kerajaan, sekali lagi saya tegas, banyak di antara pegawai-pegawai Kerajaan memang memberi saraan kepada ibu-bapanya pada masa dia hidup, dia beri kepada ibu-bapa sumbangan sebab ibu-bapanya sudah tua. Jadi apa halnya jikalau sekiranya anaknya sudah mati ini

dapat pencen, maka Kerajaan tidak timbang kepada ibu-bapa, ditimbang kepada dadunya, ditimbang kepada balunya. (*Ketawa*). Ini kepada saya tidak dapat—Maaf, duda (*Ketawa*)—saya silap. Ini perkataan baru, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya kena hafal. Dadu ini satu makanan, ini duda.

Oleh itu, saya berharap jugalah kepada kepada pihak Kerajaan takkanlah ibu-bapa yang tua ini akan merayu kepada rumah kebajikan. Dia akan menyembah rumah kebajikan. Dia akan mencari pula Yang Berhormat Datin Paduka Aishah Ghani, beri bantuan \$10-\$20 kerana beri makan dia ini, padahal anak dia jadi seorang pegawai, seorang kerani, seorang bergaji tinggi yang meninggal dunia, dia dapat pencen sampai \$400 maka \$400 ini diambil oleh balunya, diambil oleh dudanya sedangkan emaknya merempat di tengah jalan, boleh jadi dia akan minta sedekah. Dengan sebab itu, saya merayulah juga walaupun macam manapun, walaupun pencen ini bukannya diberi dengan mengikut hukuman tetapi ini kasihan belas Kerajaan, saya percaya Kerajaan kita akan menimbang dan tentu Kerajaan kita bertimbang rasa kepada ibu-bapa yang miskin, lebih-lebih lagi ibu-bapa yang tua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong berhenti sekejap, kerana Yang Berhormat Menteri hendak mengemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DI BEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam ini.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila sambung ucapan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bahasa undang-undang. Jadi bahasa sekarang ini Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan. Jadi oleh kerana Bahasa Kebangsaan kita ini banyak menggunakan bahasa-bahasa lain, kita pinjam sama ada Bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Sanskrit dan sebagainya. Saya nampak dia dalam undang-undang ini dan juga dua tiga undang-undang yang lepas ada perkataan-perkataan bahasa Arab yang digunakan di sini yang menyeleweng dan yang tidak betul disebut. Jadi saya haraplah di dalam undang-undang perkara semacam ini tidak patut biarkan dan patut diubah. Misalnya perkataan mustautin, barangkali daripada perkataan Inggeris "domicile" diterjemahkan mustautin. Jadi dia tidak tulis mustautin, dia tulis pemastautin. Hendak sebutkan pelat oleh orang Melayu, padahal mustautin itu bukankah bagus bunyinya.

Cuba tengok di dalam muka 12, Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 16 (1) (b) "ialah seorang pemastautin di Malaysia." Ini tidak kena. Kalau kita rujuk dalam bahasa Arab misalnya digunakan oleh orang Melayu sekarang pun orang Melayu tidak kata 'mastautin', orang Melayu kata 'mustautin'. Jadi, itulah perkataannya.

Yang kedua dalam muka 12 juga seumpama orang yang hilang upaya 'jismani' ditulis 'jasmani'. Perkataan 'jasmani' tidak ada. Kita gunakan bahasa Arab. Jadi jisim, kalau bahasa itu kita kata "jisim". Jisim itu maknanya "tubuh badan" (body), tambah pula "ma ni" jadi 'ja' pula, tidak kata 'jis'. Begitulah perkara-perkara yang lain. Jadi patutlah di dalam undang-undang yang seumpama ini—perkataan-perkataan seumpama ini patutlah kita ambil perkataan asalnya dan kita

tidak patut menyeleweng daripada kegunaannya. Perkataan "jasmani" itu hendaklah dibetulkan balik jadi "jismani", "pemastautin" itu hendaklah dibetulkan balik menjadi 'pemustautin'.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil peluang mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan kita yang sangat mengambil berat kepada nasib rakyatnya lebih-lebih lagi kepada badan-badan berkanun dan dengan ini bagi pihak diri saya sendiri saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook.

6.22 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Saya suka memberi sedikit komen atas Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini. Tindakan seperti ini adalah terbukti bahawa Kerajaan sentiasa menjaga kebajikan kakitangan seumpama agensi-agensi Kerajaan, pihak-pihak berkuasa berkanun dan sebagainya. Yang menjadi soal ialah bolehkah mereka ini membalas dengan menambah efficiency dan output. Ini adalah satu perkara yang penting. Kita harap Kerajaan tidak akan membayar begitu banyak wang dan mendapat output atau performance yang tidak seimbang. Itu adalah satu masalah yang kita harap kakitangan-kakitangan yang berkenaan akan membalas dengan jujur dan ikhlas, janganlah pula merugikan Kerajaan dengan penyelewengan dalam tugas mereka.

Satu lagi komen yang saya hendak sentuh ialah dalam muka 18 yang akhir sekali bertajuk Implikasi Kewangan. Dalam Rang Undang-undang ini kewangan yang akan diimplikasikan tidak diketahui. Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang. Jadi, bukan sahaja Rang Undang-undang ini tetapi dalam Rang Undang-undang yang lainpun juga. Saya khuatir, kita hendak belanja tetapi kita tidak tahu amaunnya. Bolehkah Kerajaan mampu berbuat demikian. Itulah sahaja yang saya khuatir sedikit dan saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan memberi penjelasan.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.25 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membahaskan Rang Undang-undang yang telah saya kemukakan ini. Saya tidaklah bermaksud untuk menghuraikan satu persatu dan segala buah fikiran yang telah disumbangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian, mana-mana yang sesuai akan diambil kira atau ditimbangkan oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, satu dua perkara ingin saya sentuh iaitu mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengenai dengan pengambilan kakitangan badan-badan berkanun dan beliau telah juga bertanya sama ada badan-badan berkanun itu di bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Badan-badan berkanun yang ditubuhkan di bawah naungan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan adalah di bawah badan-badan berkanun Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri adalah di bawah Kerajaan Negeri termasuklah Kerajaan-kerajaan Tempatan. Pengambilan kakitangan oleh badan-badan berkanun ini adalah mengikut kuasa yang telah diberikan kepada badan-badan yang berkenaan mengikut undang-undang yang telah diperuntukkan dan tidaklah ia tertakluk kepada perkhidmatan awam biasa iaitu tidak tertakluk di bawah jagaan jabatan Perkhidmatan Awam tetapi merupakan badan yang tersendiri yang mempunyai undang-undang yang tersendiri yang membolehkannya untuk mengambil kakitangannya sendiri dan untuk mengambil disiplin terhadap kakitangan masing-masing. Badan-badan berkanun ini ditubuhkan mengikut kehendak negara dan mengikut keadaan-keadaan tempatan, maka itu tidaklah dapat disatukan menjadi perkhidmatan awam di dalam perkhidmatan Persekutuan.

Mengenai dengan bahasa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Mahmoud Salim bin Haji Mohamad itu ialah perkara ini sebenarnya telah diluluskan

oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan saya rasa saya sendiri tidak berani untuk menerangkan selanjutnya mengenai dengan perkara ini.

Perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook mengenai implikasi kewangan kerana Undang-undang ini meliputi banyak perkara iaitu semua badan-badan berkanun pada masa sekarang ini kita belum mempunyai angka-angka yang tepat dan sedang dikaji, maka itu tidaklah dapat diberikan implikasi kewangan yang sebenarnya yang akan diperlukan. Walau bagaimanapun, saya inginlah memberikan jaminan kepada Yang Berhormat itu bahawa implikasi kewangan itu tidaklah terlalu sangat Kerajaan tidak berkemampuan menanggungnya kerana seperti yang kita katakan awal-awal tadi Kerajaan terpaksa mengadakan satu Undang-undang Pencen yang juga meliputi badan-badan berkanun supaya memberi keadilan kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan supaya jangan ada beza membeza lagi dari segi memberi pencen ini.

Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai dengan pemberian pencen ini dan juga penambahan gaji kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Memanglah menjadi harapan Kerajaan dengan adanya pertambahan gaji dengan bertambahnya juga kemudahan-kemudahan seperti pencen ini Kerajaan berharap pegawai-pegawai Kerajaan lebih berminat lagi dan akan lebih berkemampuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada negara sepertimana diharap-harapkan oleh Kerajaan sepertimana juga yang diharap-harapkan oleh rakyat kita.

Mengenai dengan perkara sekali lagi telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Mahmoud Salim mengenai ibubapa, saya rasa itu telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan saya tidak ada tambahan apa-apa lagi mengenai dengan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian sahajalah yang dapat saya terangkan, sekali lagi mana-mana buah fikiran yang telah dikeluarkan itu akan kita kaji dan mana-mana yang boleh kita laksanakan akan diambil perhatian untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 29 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PERSARAAN PIHAKBERKUASA-PIHAKBERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.33 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan), 1980 dibaca pada kali yang kedua.

Akta ibu, iaitu Akta 185 yang dicadangkan dipinda ialah akta yang mengendalikan pengurniaan faedah persaraan kepada pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan yang dipersarakan di bawah Skim Gaji Diraja Harun dan Skim-skim Persaraan Persendirian. Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan.

Pindaan-pindaan ke atas beberapa peruntukan dalam Akta yang dimaksudkan di atas adalah sejajar dengan perubahan-perubahan dasar mengenai jentera pengurniaan pencen dan ganjaran seperti berikut:

- (a) Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan yang kini merupakan sumber pembayaran segala faedah-faedah persaraan bagi kakitangan pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan

tempatan dan tanggungan mereka digulungkan, ekoran daripada penggulungan tersebut Lembaga Kumpulanwang akan dibubarkan.

- (b) Pembayaran faedah-faedah persaraan kepada pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan dibuat daripada Kumpulanwang yang Disatukan Persekutuan seperti mana keadaannya dengan pembayaran yang sama kepada pesara-pesara perkhidmatan awam dan tanggungan mereka.
- (c) Carum majikan berasaskan kadar yang ditentukan oleh Jadual kepada Akta ibu dikekalkan tetapi caruman dicadangkan dibayar kepada Kumpulanwang yang Disatukan Persekutuan.
- (d) Dengan pembubaran Lembaga Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan, tanggungjawab ke atas perkara pencen pesara-pesara pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan akan diambil alih oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perubahan dasar yang telah dinyatakan, beberapa seksyen dalam Akta ibu perlu dipinda. Tajuk Panjang yang terdapat pada Akta ibu dipotong seperti, "cukai taksiran Kumpulanwang dan Lembaga" dalam seksyen 2 sejajar dengan penggulungan kumpulanwang yang dimaksudkan serta lembaganya. Penggulungan tersebut juga memerlukan supaya seksyen 3 hingga 11, seksyen 27, seksyen 29 dan Jadual Pertama dipotong. Pada masa yang sama-kausa-kuasa yang tertentu yang kini diperuntukkan kepada Lembaga Kumpulanwang dicadangkan supaya dipertanggungjawabkan kepada pihakberkuasa-pihakberkuasa pencen yang ditaksirkan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya. Kuasa-kuasa tersebut termasuk kepada meluluskan mengambil kiraan perkhidmatan lepas bagi maksud pencen di bawah seksyen 14 (1) dan seksyen 16 (1).

Kuasa membuat peraturan-peraturan dicadangkan diperuntukkan kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pencen di bawah seksyen 28. Sebutan seksyen-seksyen kecil 15 (1) yang dicadangkan ini menetapkan supaya caruman majikan dibuat kepada Kumpulanwang yang Disatukan Persekutuan dengan ketiadaan Lembaga untuk memperakukannya dicadangkan supaya segala pindaan

kepada kadar caruman majikan hanya dibuat berasaskan persetujuan Menteri Kewangan. Sebutan seksyen-kecil 15 (2) yang dicadangkan juga menetapkan supaya setiap pindaan sedemikian diwartakan.

Dua seksyen baru, iaitu seksyen 11A dan seksyen 30A ditambahkan kepada Akta ibu. Seksyen 11A bermaksud mempertanggungkan semua pencen, ganjaran dan lain-lain faedah persaraan yang dibayar di bawah Akta kepada Kumpulanwang Disatukan manakala seksyen 30A pula memperuntukkan bahawa tindakan akan diambil supaya dengan penggulungan kumpulanwang yang dimaksudkan semua asetnya akan dipindahkan kepada Kumpulanwang Disatukan dan tanggungan kumpulanwang yang digulungkan akan dipindahkan kepada Kumpulanwang Disatukan. Kini masih terdapat beberapa pihakberkuasa berkanun dan tempatan yang mengendalikan kumpulanwang dan skim pencennya terdiri bagi faedah pekerja-pekerja yang telah tidak memilih atau dipersarakan sebelum Skim Harun walaupun skim pencen tersebut akan dikekalkan kumpulanwang-kumpulanwang pencen sedemikian sedang dalam proses penggulungan.

Sebutan yang dicadangkan seksyen-kecil 30 (1) menetapkan bahawa apabila kumpulanwang-kumpulanwang tersebut digulungkan semua aset dan tanggungannya hendaklah dipindahkan ke Kumpulanwang yang Disatukan Persekutuan.

Seksyen-kecil 30 (2) pula menetapkan bahawa pihakberkuasa-pihakberkuasa pencen akan mengambil alih pengendalian skim-skim pencennya yang kumpulanwangnya telah digulungkan tersebut.

Seksyen-kecil 30 (3) menjamin bahawa seorang beneficiary skim pencen yang kumpulanwangnya telah digulungkan tidak akan dikurniakan faedah-faedah persaraan yang kurang daripada yang sepatutnya dinikmati olehnya di bawah skim pencen pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun atau tempatan yang berkenaan.

Segala pindaan-pindaan serta pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dicadangkan adalah demi melicinkan pentadbiran pencen di samping memberikan jaminan pembayaran pencen seperti terdapat bagi kakitangan perkhidmatan awam, Angkatan Tentera, Hakim-hakim, Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen.

Tuan yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Mailis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pihak-berkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan, 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada yang hendak mengambil bahagian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN (AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.43 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Kerajaan sedar akan beberapa masalah tertentu yang dihadapi oleh kebanyakan badan-badan berkanun yang menyebabkan kelewatan di dalam mengemukakan penyata

akaun mereka untuk diodit dan seterusnya dibentangkan ke Parlimen. Masalah yang dihadapi, antara lain ialah kerana:

- (i) kekurangan kakitangan mahir seperti akauntan, pegawai-pegawai separa ikhtisas dan penyimpan kira-kira;
- (ii) kadar perletakan jawatan kakitangan di bahagian akaun adalah tinggi;
- (iii) badan-badan berkanun yang besar misalnya Lembaga Letrik Negara dan FELDA mempunyai cawangan yang banyak, sementara aktiviti-aktiviti badan-badan yang lain pula memerlukan penyelarasan dengan pihak-pihak tertentu, yang mana akaun-akaun terpaksa dikumpul terlebih dahulu sebelum diodit.

Sebagai satu langkah bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah memutuskan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini. Memandangkan urusan-urusan badan-badan berkanun itu maka perlulah setiap badan berkanun itu menyediakan akaun dan laporan aktiviti dengan teratur dan kemaskini serta mengemukakannya mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini akan membolehkan pihak Kerajaan mengikuti perjalanan dan perkembangan badan-badan berkanun khususnya di dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan satu peruntukan mengenai had masa tertentu bagi semua badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh Undang-undang Persekutuan mengemukakan penyata akaun untuk diodit dan juga menyediakan laporan tahunan. Peruntukan mengenai had masa ini perlu dibuat untuk menyelaraskan peruntukan di dalam akta-akta ibu badan-badan berkanun di dalam menyediakan dan mengemukakan penyata akaun masing-masing untuk diodit. Penyediaan penyata akaun dan laporan tahunan pihak-pihak berkuasa tempatan dan badan-badan Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 tidak tertakluk di bawah Rang Undang-undang ini.

Peruntukan mengenai had masa yang dicadangkan adalah terkandung dalam Bahagian 3, 4 dan 5 Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini memperuntukkan tempoh masa yang tertentu iaitu selama 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan bagi badan-badan berkanun mengemukakan

penyata akaun mereka untuk diodit oleh Ketua Odit Negara. Sekiranya sesebuah badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata akaun untuk diodit dalam tempoh 6 bulan, mereka hendaklah, sebelum tamatnya tempoh itu, membuat permohonan lanjutan masa secara bertulis kepada Menteri yang berkenaan, dengan memberi sebab-sebab mengenai permohonan itu. Jika Menteri yang berkenaan berpuashati dengan sebab-sebab permohonan itu maka beliau, dengan persetujuan Menteri Kewangan boleh membenarkan permohonan itu. Walau bagaimanapun, masa lanjutan adalah tidak boleh melebihi 3 bulan.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan supaya badan-badan berkanun mengemukakan penyata akaun yang telah diodit bersama-sama laporan tentang aktiviti-aktiviti mereka kepada Menteri yang berkenaan di dalam tempoh 1 bulan selepas penerimaan penyata-penyata akaun yang telah diodit dan laporan Ketua Odit Negara atasnya. Menteri yang berkenaan hendaklah dengan seberapa segera membentangkannya di kedua-dua Majlis Parlimen.

Disamping itu Rang Undang-undang ini membolehkan Menteri yang berkenaan mengadakan kaedah-kaedah untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan di dalamnya.

Cadangan bagi tarikh kuatkuasa Rang Undang-undang ini kepada semua badan-badan berkanun yang dimaksudkan adalah bagi tahun kewangan yang berakhir pada atau selepas 31hb Disember, 1981. Badan-badan berkanun yang belum mengemukakan penyata akaun dan laporan tahunan masing-masing bagi tahun-tahun kewangan sebelum akhir 1980 adalah dikehendaki berbuat demikian sebelum Rang Undang-undang ini berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang berat akan peranan dan tugas badan-badan berkanun khususnya dalam mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Badan-badan berkanun sebagai perbadanan awam memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Oleh yang demikian, kegiatan-kegiatan badan-badan itu mustahaklah diawasi. Segala kegiatan mereka dapat diikuti melalui laporan tahunan yang melaporkan segala aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan berkanun itu pada tiap-tiap tahun dan juga melalui penyata akaun yang lengkap dan kemaskini. Semoga dengan

penguatkuasaan Rang Undang-undang ini masalah kelewatan kebanyakan badan berkanun di dalam mengemukakan penyata akaun dan laporan tahunan tidak akan timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.50 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980. Saya memahamkan boleh jadi inilah undang-undang ibu. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kemaskininya bagi membetulkan kira-kira yang terlibat dalam Badan-badan Berkanun itu dan di atas kesedaran Kerajaan juga diwujudkan Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini memberikan satu peruntukan yang begitu memberangsangkan rakyat dalam negeri ini dan juga memberangsangkan Kerajaan bahawa dapat kita mengambil kesimpulan Badan-badan Berkanun itu akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan mengemukakan Penyata Akaun dengan baik dan betul.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap lebih lanjut sedikit dalam masalah ini. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi memberikan hujah-hujahnya yang begitu ringkas, pada himat saya, tetapi tepat dan padat, saya gemar membuat huraian atas pandangan-pandangan Yang Berhormat Menteri tadi.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Badan-badan Berkanun itu satu perbadanan yang terbesar sekali dipertanggungjawabkan kepada badan-badan itu bagi pembangunan negara dan mempunyai budget yang begitu besar, peruntukan kewangan yang begitu besar dan juga tenaga pekerja yang begitu besar. Yang Berhormat Menteri tadi telah

mengakui bahawa dalam Badan-badan Berkanun itu kekurangan pegawai-pegawai, itu sebab kononnya berbagai kelam-kabut dan berbagai kekusutan timbul apabila hendak menyempurnakan penyata kewangannya apabila dikehendaki oleh Ketua Odit Negara. Badan-badan Berkanun ini perlu mengisi pegawai-pegawai ikhtisas yang cekap bagi mengendalikan khusus berhubung dengan Laporan atau Penyata Kewangan Badan-badan Berkanun itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, boleh menyambung kemudian. Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditempokkan selama 30 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 6.55 petang.

Presidangan disambung semula pada pukul 7.33 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

7.33 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya dengan penangguhan Dewan kerana berhenti sembahyang dan makan; kesempatan ini saya ambil mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang memberikan jamuan makan baru sebentar tadi.

Berbalik saya dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan waktu membentangkan Rang Undang-undang ini sebab tidak dapat menyegerakan penyata akaun tiap-tiap badan berkanun itu dengan tidak ada pegawai-pegawai yang cukup di badan-badan itu, tetapi menurut pandangan saya, bukan itu sahaja, badan-badan ini ghalibnya mengambil pegawai-pegawainya daripada orang-orang yang bersara. Manakala orang yang bersara Kerajaan mengakui tenaga mereka tidak begitu sempurna menjalankan tugas Kerajaan. Bukan sahaja tenaganya, termasuk otak pemikirannya. Jikalau seorang yang telah bersara ditugaskan pada kerja-kerja yang penting yang maha berat terutama sekali badan-badan berkanun ini bukan macam pentadbiran di jabatan Kerajaan. Dia ini mempunyai tanggungjawab yang begitu berat sama ada hendak mentadbirkan pegawai-pegawai yang di bawahnya juga hendak menghasilkan dasar-dasar yang telah ditentukan oleh badan-badan

itu. Bukan itu sahaja mereka kena pula pergi menjelajah, melihat menengok projek-projek perbadanan ini.

Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, menurut pandangan saya jikalau hendak diperbaiki, dikemaskinikan badan-badan berkanun ini supaya dapat menyegerakan penyata akaunnya bagaimana dikehendaki oleh Ketua Odit Negara dengan seberapa segera mengikut jadualnya hendaklah dikaji balik pegawai-pegawai di dalam badan-badan berkanun ini supaya diganti dengan tenaga pegawai-pegawai muda ini. Kita, sebagai negara yang sedang membangun bukan sahaja di dalam bidang pembangunan ekonomi termasuklah juga di dalam bidang pelajaran. Kita telah mengeluarkan anak-anak kita, pelajar-pelajar kita daripada maktab-maktab dan juga daripada universiti sama ada dalam dan luar negeri mungkin mereka ini sekarang ramai yang layak memegang jawatan-jawatan. Jadi mereka ini kita beri peluang bukan sahaja mereka boleh mentadbirkan, menjadi pegawai-pegawai Kerajaan mereka juga ditugaskan dengan kelayakan mereka di badan-badan berkanun ini. Ini satu perkara yang saya fikir, adalah penting kalau hendak memperbaiki badan-badan berkanun ini. Sebab saya katakan begitu, tenaga yang sudah diberi persaraan oleh Kerajaan yang telah diperakui oleh kedoktoran, orang ini tidak begitu ber-tenaga pada mempertanggungjawabkan dalam pentadbiran. Waktu dia mengadap pegawai-pegawai yang muda dalam pentadbiran ini selalu mereka ini diacuh, di cemoh oleh pegawai rendah ini.

Dengan keadaan ini kita fikir adalah wajar menurut hemat saya bahawa ini juga patut dikaji semula di badan-badan berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Juru Odit ini, inilah satu kunci yang boleh menimbulkan kehasilan satu-satu badan, atau satu syarikat yang boleh menunjukkan kebersihan, kekotoran syarikat itu. Jadi akaun ini satu benda yang menjadi kunci, yang menjadi satu kenyataan yang dapat diperlihatkan oleh umum bahawa syarikat ini sama ada bersih, tidak bersih, sama ada untung atau rugi melalui akaun ini. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pernah bila sampai ketikanya akaun ini hendak diodit, pegawai-pegawai itu pun demam, pegawai-pegawai itu minta cuti dari doktor. Kadangkala dia takut sebelum daripada hendak diodit akaun, dua tiga minggu dulu ada sudah

baca Yasin, baca doa selamat. Biarlah selamat penyata kira-kira yang hendak dibentangkan kepada Juruodit ini yang tidak melibatkan dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, badan-badan berkanun ini sebagaimana yang telah saya perka'akan tadi sebuah badan yang boleh menghasilkan kewangan, hasil kewangan daripada badan-badan berkanun ini sama ada FELDA-nya, Keretapinya, sama ada elektriknya; semuanya boleh mengeluarkan kewangan. Manusia yang kurang jujur, manusia yang tamakkan kewangan, mereka akan gelap. Tatkala itu apabila hendak menyediakan laporan yang hendak diodit ini, akan susahlah. Akan mencari satu laporan yang hendak tutupkan kesilapan-kesilapan sama ada kesilapan yang dilakukan olehnya ataupun oleh orang-orang di bawahnya. Sebab badan ini badan yang mendatangkan hasil, mendatangkan kewangan.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, di FELDA. FELDA mempunyai kilang memproses getah. FELDA ada mempunyai kilang kelapa sawit. Kelapa sawit yang hendak dihantar ke kilang atau getah yang hendak dihantar ke kilang untuk diproses kalau dapat disonglapkan ertinya kelapa sawit yang patut dihantar ke kilang itu 15 lori tetapi dengan bijak pandai dan tadbir pegawai-pegawai itu tidak dihantar 15 lori tetapi dihantar 14 lori sahaja. Satu lori sekarang harganya, berapa ribu—\$10,000. Begitu juga getah. Jadi kejadian-kejadian ini mereka yang bertanggungjawab menyelewengkan ini, dia mencari satu helah macam mana hendak menarik keuntungan ini kepada mereka. Dengan sebab itu, bila hendak diodit akaun dalam badan-badan berkanun ini memakan masa.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Tuhan sebab pemimpin negara ini satu pemimpin yang tegas, yang tidak memerhati walau keluarganya, walau bangsanya kalau mereka bersalah tindakan akan diambil demi kepentingan badan-badan berkanun ini. Ini kita bangga. Dengan sebab itu, Kerajaan membawa Rang Undang-undang ini.

Selain daripada itu, faedahnya penyata akaun ini supaya dapat dikeluarkan pada tiap-tiap tahun sebagaimana dikehendaki oleh Ke'ua Juru Odit Negara, kerana badan-badan berkanun yang berjalan sekarang, modalnya beribu-ribu mellation, beribu-ribu juta bertambah daripada setahun ke setahun dan wang ini bukan wang daripada negara ini, wang ini

dipinjam daripada Bank Antarabangsa, daripada sumber kewangan luar negeri. Kiranya badan-badan berkanun ini membuat satu kesilapan menunjukkan Juru Oditnya tidak begitu betul, kita kluatir pada masa depan badan-badan kewangan antarabangsa tidak akan melabur modalnya kepada agensi kita dan ini bila tidak dilaburkan ada kaitannya dengan pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itulah saya katakan tadi bahawa kunci bagi satu badan-badan berkanun ini melalui laporan penyata akaun pada tiap-tiap tahun.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah mengatakan tadi bahawa badan-badan berkanun diwujudkan dengan tujuan hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Ini satu hujah yang sangat tepat, Dasar Ekonomi Baru ini dipertanggungjawabkan kepada badan-badan berkanun dan Dasar Ekonomi Baru badan berkanun ini juga dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan kepada agensi ini dengan tujuan supaya mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini yang dikhaskan kepada bumiputra, sebab bumiputra dalam usaha yang begini besar, tenaga yang begitu besar dia tidak boleh usahakan, kalau diusahakan mungkin kecewa. Dengan sebab itu Kerajaan menyerahkan rancangan-rancangan yang besar ini kepada badan-badan berkanun. Umpamanya, Yang Berhormat telah katakan tadi kita ada UDA, ada MARA dan lain-lain badan berkanun. Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita mesti memerhati lebih jauh bahawa Dasar Ekonomi Baru ini hendak dilaksanakan, hendak menuju kepada matlamatnya itu macam-macam percubaan, halangan, rintangan yang dihadapi oleh badan-badan berkanun ini. Ini juga ada mencabul dan ada mencetus kelicinan pentadbiran akaun badan-badan berkanun ini.

Umpamanya, saya hendak contohkan, badan berkanun menerima kerugian yang banyak dalam usahanya; ini juga menggugat Dasar Ekonomi Baru. Dan kita mesti faham bahawa ada juga kegiatan-kegiatan yang didatangkan oleh golongan-golongan yang tertentu bahawa Dasar Ekonomi Baru ini tidak sahaja dapat disempurnakan mengikut matlamat yang ditujukan. Jadi dengan adanya golongan ini, maka badan-badan berkanun ini akan menerima berbagai-bagai percubaan, berbagai-bagai halangan.

Secara tidak langsung, Tuan Yang di-Pertua, saya contohkan kepada kawasan getah FELDA. Patutnya pokok getah itu bila

ditanam dan bila berumur 25 tahun baharu boleh ditanam semula tetapi dengan adanya anasir-anasir yang kurang sihat hendak merosakan ekonomi negara ini telah merancang kepada peserta itu, kamu boleh toreh getah pagi dan malam—(seorang Ahli Yang Berhormat petang)—Ada juga orang toreh getah waktu malam. Di sebelah Selatan Thailand orang menoreh getah sebelah malam, waktu siang dia tanam padi. Jadi maksudnya golongan ini kalau susu getah mereka dapat dikeluarkan begitu banyak dan mereka beli dengan cara menyeleweng, pokok getah itu akan mati, dalam masa 10 tahun sudah tidak boleh ditoreh lagi—tidak dapat hasil. Jadi ini juga yang ditanggung oleh badan-badan berkanun. Dengan sebab itu, macam-macam usaha sekarang di ladang-ladang kita, kita adakan guard, siapa hendak keluar masuk diperiksa dan yang membuat kerja ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan orang luar, orang besar, termasuk bukan peserta, tetapi pegawai dalam badan berkanun, ada share juga, bukan ramai, tidak ramai tetapi ada. Macam mana hendak diodit. Saya fikir, badan-badan berkanun yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan ini kalau hendak berjalan dengan licin hendaklah diawasi dengan teliti dan dibuatkan peraturan-peraturan yang tertentu.

Ada satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap. Tiap-tiap laporan kewangan akan diberi komen oleh Juru Odit Negara. Dalam komennya itu sebagaimana penyelewengannya wang atau beberapa komen yang tertentu, komen-komen daripada Juru Odit Negara ini patut diambil perhatian oleh Kerajaan sebab Juru Odit Negara ini orang yang diamanahkan kerana membersihkan akaun badan-badan berkanun tidak diambil tindakan cuma ditutup dengan begitu sahaja. Kalau kita hendak melicinkan akaun ini mesti apa yang dikomenkan oleh Juru Odit kita ambil tindakan, kita betulkan walaupun pegawai itu yang kita sayang yang kita kasih, kita ambil tindakan tatatertib berhentikan dia seorang baru selamat badan ini. Kalau tidak, akaun tahun depan begitu juga komen daripada Juru Odit tidak dihiraukan.

Jadi saya fikir kalau hendak memperbaiki ini hendaklah diterima, diambil tindakan atas pandangan-pandangan daripada Juru Audit dan setelah akaun itu selesai akan dibentangkan di Parlimen ini, kita akan meneliti daripada satu ke satu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini kalau satu-satu badan berkanun tidak dapat menyempurnakan penyata akaunnya dalam masa yang tertentu mereka boleh merayu kepada Yang Berhormat Menteri dan boleh diberi masa selama 3 bulan. Undang-undang ini satu kelonggaran hendak melicinkan, mengemaskinikan badan-badan berkanun ini dengan diberi peluang dia merayu kepada Yang Berhormat Menteri, dia akan membuat satu perundingan dengan Yang Berhormat Menteri menunjukkan supaya hendak dibetulkan tetapi benda itu tak betul. Setelah Yang Berhormat Menteri, saya tidak tuduh Menteri ini, setelah Yang Berhormat Menteri mendengar kecekannya yang begitu lemak dan manis hal akaun ini, persetujuan 3 bulan tempohnya. Dia buatlah satu akaun yang sah tetapi beberapa kekeliruan yang wujud dalam penyata akaunnya itu menurut hemah saya. Amalan ini tidak boleh kita manjakan. Kalau satu rayuan datang kepada Yang Berhormat Menteri semak betul-betul alasan yang dia minta tempoh itu, kalau tidak logik tolak, ertinya bahawa pada tahun itu akaunnya tidak dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sudah berjanji dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan saya hendak bercakap hanya setengah jam, sekarang belum sampai setengah jam, ada lima minit lagi. Saya sentuhlah juga badan-badan berkanun ini yang patut diaudit oleh Kerajaan yang ada kaitan dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri, itu sama ada termasuk atau tidak termasuk, iaitu kutipan wang zakat. Kutipan wang zakat ini satu kutipan yang besar di segi sambutan oleh umat Islam kepada Jabatan Ugama itu tetapi menurut apa yang saya tahu ada Jabatan Ugama dalam kutipan wang zakat ini yang sampai 2-3 tahun terbengkalai tidak dapat diaudit dan ada Amil-amil yang telah mengutip wang daripada orang ramai dia demam, minta hantarkan wang itu dia tidak hantar, macam mana hendak audit? Rang Undang-undang ini juga dapat memberi pertolongan kepada agensi Jabatan Ugama ini sebab bila dapat kita kumpulkan wang dengan begitu betul kita boleh tadbirkan dengan baik demi menurut lunas-lunas Islam yang dibolehkan dalam Baitulmal ini. Saya harap ini juga dapat dirangkumkan dalam Rang Undang-undang ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

7.53 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini. Sebelum saya bercakap apa-apa menyokong Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Saya suka mengambil bahagian ini oleh kerana saya pandang perkara ini adalah penting. Penting bukan kepada diri saya tetapi kepada seluruh negara dan rakyat jelata oleh kerana badan berkanun ini wangnya datang daripada Kerajaan dan kami sebagai warganegara hendak tahu ke mana duit ini sudah habis, untung atau rugi, bagaimana perjalanan badan-badan berkanun ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi iaitu di dalam satu-satu pertubuhan dalam satu syarikat, badan berkanun ini serupalah macam syarikat kerana ini cuma dipegang oleh Kerajaan, modalnya daripada Kerajaan, kalau syarikat modalnya perseorangan ataupun beberapa orang ataupun beberapa banyak orang, itu dikatakan syarikat. Tetapi serupalah dengan perjalanan syarikat ini, bukan untuk mendapat kerugian tetapi untuk mendapat keuntungan, itu tujuan Kerajaan terutama sekali dalam iktisad baru yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru, itu tujuannya. Sebab itu kita laburkan wang Kerajaan, iaitu wang Kerajaan ini daripada rakyat, daripada cukai-cukai, daripada hasil-hasil negeri. Jikalau tidak ada laporan-laporan ini, kalau tidak diaudit, tidak dibentangkan kira-kiranya maka sudah tentulah penyelewengan-penyelewengan akan terjadi. Sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan berapa banyak badan-badan berkanun ini tidak diperiksa kira-kiranya langsung, 2, 3, 4 tahun ada, tak ada apa-apa tindakan. Jikalau syarikat, pegawai syarikat akan datang, kalau syarikat itu syarikat sendirian berhad, Board of Directors bertanggungjawab, jikalau berhad lagi bertanggungjawab untuk orang ramai, kepada orang-orang yang mengeluarkan modal tetapi kepada ini lebih lagi, tetapi sebelum ini Kerajaan buat diam sahaja, itulah Kerajaan ini.

Apa telah terjadi kepada Bank Rakyat, berkenaan perbicaraan itu saya tak campur-lah, tetapi apa yang saya telah ikuti inilah gayanya kerana penyata tak ada, bukan tak ada pegawai Kerajaan di dalamnya, ada pegawai Kerajaannya. Apakah sebab-sebab

pegawai-pegawai Kerajaan tidak bertindak di atas perkara ini? Itu sebabnya jikalau hendakkan badan berkanun ini berjalan dengan sebenarnya. Badan berkanun ini jangan dibuat nanti dipanggil seorang Menteri Besar menjadi Pengerusi Badan Berkanun. Jangan jadi nanti seorang Menteri yang bersara menjadi Pengerusi badan berkanun, boleh jadi seorang politik diletakkannya di situ ataupun sesiapa sahaja yang disayangi oleh Kerajaan diletakkan di situ untuk 'pak tonggok' pun jadilah—tidak boleh. Orang-orang itu apabila di dalam syarikatnya menjadi Pengerusi, dia juga menjadi Pengarah dalam syarikat itu dan dia bertanggungjawab sebagai Pengarah. Dia Executive Chairman, dia juga Pengarah dan dia bertanggungjawab di atas perkara-perkara ini. Kerajaan mestilah berfikir di atas perkara ini sebelum terjadi nanti oleh kerana sayang kepada seseorang untuk negara, oleh kerana dia sudah banyak medal oleh kerana sudah jadi itu, jadi ini, letakkan di situ sahaja—tidak boleh jadi, nanti sengsara jadinya macam mana kita telah alami baru-baru ini.

Cuba kita tengok perbadanan-perbadanan negeri perjalanannya saya nampak tidak kira untung-rugi. Tanah sudah diratakan tetapi pembahagian tanah ini 5 tahun pun tidak jadi apa-apa hal. Buat rumah 4-5 tahun pun belum dibahagi-bahagikan kepada rakyat, tidak menjadi hal. Jadi bagaimana badan berkanun begini? Ini mesti diganyang betul-betul. Siapa jadi Pengurus Besarnya mesti diganyang.

Tidak tahukah dia ruginya kerana wang dikeluarkan begitu banyaknya tetapi tidak dapat balik, kerana apa? Difikirkan oleh pengurus-pengurus besarnya ataupun pengarah-pengarahnya berkata: tak peduli, ini wang Kerajaan, kita minta lagi, wang negeri itu masuk lagi, tidak ada apa hal, nanti Federal boleh beri wang, masuk lagi, tetapi kalau dalam syarikat, misalnya membuat satu kawasan perumahan kita mesti jual dengan serta merta rumah itu sebab kalau kita pinjam wang bank, 8% 9% interest daripada bank kita mesti ingat, iaitu sekurang-kurangnya kita mesti mencari keuntungan 5%. Tetapi apa peduli peratus ini sebab wang ini daripada Kerajaan, kalau rugi tunjukkan rugi, begitu sahajalah, berapa lama dibuat tidak jadi.

Saya boleh tunjukkan kepada Tuan Yang di-Pertua, beberapa rumah di Selangor ini terbengkalai begitu sahaja, terbengkalai tidak

kira, banyak lagi perbadanan-perbasanan lain begitu juga tak peduli, wang Kerajaan, inilah mentality mereka ini. Oditlah, apa hendak diodit? Rugi-rugi kerana rumah itu tidak berjual, tidak berjual boleh jadi hal politiknya, sebab apa? Tidak usahlah cakap banyak tetapi perkara ini oleh perbadanan mendapat keuntungan. Dengan sebab itu, ini sebagai an experience saya beri di segi perdagangan dan perusahaan, kita mestilah mencari keuntungan sebab Yang Berhormat Menteri kata tadi iaitu kita pada hari ini berkehendakan iktisad cara baru ini kita mestilah betul-betul mencari wang ataupun mencari keuntungan. Kira-kira mesti dibentang betul-betul dengan jelas, penyatanya dengan jelas dan terang.

Apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi iaitu komen-komennya mestilah ditunjukkan betul-betul, mestilah berani kita bertindak walau siapa sahaja pun, jangan disayang, kalau siapa yang disayang tidak bertindak, siapa yang tak disayang dia bertindak habis-habis. Ini tidak boleh jadi.

Saya boleh cari banyak perkara-perkara yang menyeleweng tetapi apa sebabnya Kerajaan tidak bertindak. Perkara yang menyeleweng tetapi Kerajaan tidak bertindak, apa sebabnya. Inilah dia jikalau betul-betul maka kita juga dalam badan-badan ini mesti mengikut macam mana syarikat ini berialan, tetapkan haribulannya iaitu 31hb Ogos akaun mesti diserahkan, tidak ditanya pula Menteri lagi: Oh Menteri! Oh Menteri! beri saya tiga bulan lagi. Menteri tengok, Oh kekasihku! kata Menteri. Menteri kata tiga bulan lagi. Tidak boleh begini. Kalau 31 haribulan, 31hb Ogos mesti siap, pekerja-pekerja mesti jelaskan.

Kalau ada perkara-perkara yang lain, ada hujan, ada panas, ada perkara-perkara yang lain, itu lain hal tetapi kalau perkara biasa apa sebabnya tidak boleh siap akaun, mengapa syarikat-syarikat lain boleh buat, apa sebabnya syarikat lain bertanggungjawab membuat kira-kiranya, apa sebabnya badan berkanun begitu banyak pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, begitu banyak pegawai yang boleh diambil untuk bekerja, apa sebabnya tidak boleh siap. Jadi tiga bulan ini melonggarkan lagi perkara kira-kira itu mesti ditunjukkan, cara begini tidak tetapi melonggarkan lagi, oh! tidak apa, tiga bulan lagi boleh.

Selain daripada itu, kita tengok pula bagaimana keretapi. Keretapi ini juga macam perbadanan. Tengok sahaja keretapi asyik jatuh.

Keretapi "infamous railway" bukan "famous railway"—infamous, tetapi tiap-tiap bulan tiga empat kali berjatuhan-jatuhan, berapa rugi sebab tergelincir berapa rugi tetapi tidak kira itu. Ini tidak apa hal, ini Kerajaan punya. Bukan rugi sangat, sebab apa, railway tidak boleh rugi. Katakan, oh! ini Kerajaan punya, sebab itu rugi, mana boleh. Kalau tahu Kerajaan punya, rugi juga rakyat, buat jalan ini sahajalah, jalan keretapi itu jadikan jalan lori, tidak usah jalan keretapi, sebab apa Kerajaan mesti rugi, apa sebabnya wang rakyat mesti dirugikan. Ini tidak ada sebabnya. Keretapipun mesti bertanggungjawab.

Tengok balak-balak di Kelantan sana tidak dapat diangkat. Sebab apa tidak dapat diangkat, kita tanya macam-macam jawapan, inilah, itulah, inilah, jadi berbalik-balik. Kalau begitu selalu saya umpamakan cerita bangau, inilah jadinya macam cerita bangau juga, Tuan Yang di-Pertua, ada sahaja helahnya, berkehendakan Menteri mendengarkan helah-helah itu.

Ada sahaja, inilah, apa sebab itu rosak, macam mana railway itu rosak, sudah lama, apa sebab sudah lama, kerana relnya sudah haus, digelek berpuluh tahun, apa sebab tidak dibetulkan, kerana tidak berwang hendak dibetulkan, apa sebab tidak berwang, inilah terus menurus begini mana boleh kita dengarkan terus menurus begini. Hendakkah kita rugi selama-lamanya. Begitu juga pelabuhan dan sebagainya.

Kita berkehendakan iaitu apabila segala badan-badan, pegawai-pegawainya dapat berpencen, misalnya badan-badan berkanun dapat pencen mesti bekerja dengan jujur, ikhlas dan sebagainya. Kalau kita menengokkan bagaimana pembangunan, macam mana diruntuhnya negeri Jepun selepas Perang Dunia kedua setengah-tengah negeri Jepun satu pun tidak ada lagi, sebab masa itu saya ada di sana, habis 'carpet bombing', habis langsung, apa sebab hari ini Jepun menjadi sebuah negara yang begitu kuat, apa sebabnya. Dia bekerja bukan macam kita bekerja. Kalau tidak ada mandur kita duduk diam, goyang kaki, kita tengok setengah orang kita kalau tidak ada mandur duduk di bawah pokok kayu, begini gayanya. Begini kita hendak bekerja di badan-badan berkanun bagi meninggikan taraf hidup orang-orang Melayu, taraf hidup orang-orang Malaysia, cara iktisad baru dan sebagainya.

Inilah yang saya harap badan-badan berkanun ini, orang-orang yang ada di dalamnya, baik pengarah besarnya, baik pengarah lainnya, diasah, ditunjah, digelek macam-macam dibuat, bukan saya hendak apa-apa tidak, supaya semangat baru, semangat yang kuat, semangat yang kukuh, semangat hendak maju, apa sebab tidak boleh jadi lagi.

Jikalau betul kita hendak maju, Malaysia hendak maju dalam dunia yang maju ini, kalau tidak kita cakaplah di Parlimen ini habis-habis tekak kita pun naik haus, orang-orang lain semua mendengar naik marah kepada kita tetapi perkara ini akan berulang, terus berulang kita kata jujur, ikhlas, begitu jujur, ikhlas, cakap sahajalah tetapi tidak ada apa-apa.

Itu sebabnya saya mengatakan di sini iaitu dalam Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) ini adalah penting dalam undang-undang itu, tiap-tiap tahun kita boleh semak ruginya, apa sebab rugi. Itu sebabnya betul apa yang dikatakan oleh sahabat saya Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengatakan tadi laporan ini tiap-tiap tahun mestilah dilaporkan di Parlimen ini laporan tiap-tiap badan-badan berkanun. Kita di sini mesti baca tiap-tiap laporan itu sebelum daripada itu, tiga minggu, sebulan daripada itu diberi kepada kita, kita baca tiap-tiap satu. Kita jadi Board of Directorsnya, kita ganyang satu-satu, bukan untuk mengganyang secara marah, ganyang supaya negeri kita boleh maju sehingga pengarah-pengarah itu bertanggungjawab sepenuhnya. Ini kita kehendaki, laporan ini mestilah dibentangkan di Parlimen ini oleh setiap badan berkanun.

Selain daripada itu, Board of Directors dalam badan-badan berkanun itu apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi, mereka mesti pas universiti dan sebagainya. Memang mereka bagus mengambil tempat yang tertinggi dalam badan itu, tetapi itu sahaja tak cukup, pas universiti satu syarat, kedua kelayakannya dia mesti jujur, bertanggungjawab, kuat bekerja, betul-betul bertungkus lumus, kemudian bersopan-santun, berkelakuan baik dan menarik. Kalau dia kata: Itu peduli apa, kalau misalnya ada orang hendak joint-venture dengan badan-badan berkanun itu, dia tak ambil peduli sebagaimana yang banyak berlaku, dia endah tak endah sahaja. Kalau begitu badan-badan berkanun itu tak ada apa gunanya.

Tuan yang di-pertua, saya banyak menengok iaitu badan-badan berkanun jika tak dijaga betul-betul akan menjadi beban kepada Kerajaan, bukannya hendak menyelamatkan negeri ini tetapi nanti akan menjahanamkan negeri ini. Begitu juga dalam badan-badan berkanun ini, apa yang saya katakan tadi pegawai-pegawainya mestilah orang yang berkeahlian, orang yang berpengalaman, orang yang mahu bekerja betul-betul dan tidak ponteng.

Seperkara lagi dalam badan-badan berkanun ini tentulah macam-macam boleh terjadi, komisyen dan sebagainya disebabkan oleh bahan-bahan mentah, management itu mesti dijaga betul-betul. General Manager mesti dijaga betul-betul kerana dia boleh berpakat, macam-macam pakatan boleh terjadi. Dengan sebab itu, saya harap oleh kerana ini adalah badan-badan berkanun, pasang banyak-banyak anti-corruption officers sebagaimana yang dibuat oleh Perdana Menteri Lee Kuan Yew di Singapura. Mungkin Kerajaan kita tidak buat, ini cuma mengambil contoh, corruption sangat kurang di Singapura, tetapi dalam badan-badan berkanun kita penuh dengan corruption. Ini yang saya harap Kerajaan pasang 5 hingga 10 anti-corruption officers dalam satu badan-badan berkanun itu. Kalau tidak, wang Kerajaan akan jahanam, poket orang itu akan lebih besar lagi, dia akan kaya raya dan tujuan Kerajaan tak dapat kita capai pada tahun 1990 kelak.

Sebelum pegawai-pegawai itu diambil bekerja mestilah diadakan penapisan, screen betul-betul baru dia dimasukkan dalam badan-badan berkanun itu. Screen betul-betul dan pastikan mereka iu betul-betul orang yang boleh bekerja, orang yang jujur dan orang yang ikhlas. Kalau tidak, saya sudah banyak tengok, kita cakap di Parlimen pun tak berguna, kita cakap nanti kita balik kena marah, kita cakap kita balik kena tuduh, buat apa bercakap, baik tutup mulut sahaja. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap juga di sini secara ikhlas iaitu mestilah dijaga betul-betul jika berkehendakkan kejayaan dan jangan sekali-kali ada part-time directors atau part-time chairman mereka mestilah bertanggungjawab sepenuhnya masa. Sekiranya yang menjadi chairman itu part-time, diseluruh sains dia sains, banyak directors sahamnya kosong, apabila disuruh sains dia sains buta, tetapi akhirnya kita yang bertanggungjawab, apa telah jadi akibatnya

kita juga terpaksa bertanggungjawab. Inilah yang terjadi kegagalan di lain-lain tempat juga. Oleh kerana itu kita mestilah meletakkan di situ pegawai yang bertanggungjawab betul-betul.

Selain dari itu, saya ingin menyentuh badan-badan berkanun seperti NEB MARA, UDA dan PERNAS. Ada setengah Menteri mengatakan NEB atau LLN ini hak bumi-putra, tetapi sebenarnya tidak. Laporan NEB ini nampaknya selalu diberi, baik perjalanannya, untungnyapun ada tetapi macam badan yang lain-lain itu juga, apa yang saya katakan tadi iaitu banyak ketaknya, macam ayam bertelur sebiji, riuh sekampung. Modalnya beratus-ratus milion ringgit, tetapi untungnya cuma satu milion. Dia tak berapa kira sangat macam mana syarikat-syarikat swasta. Hasil keuntungan satu milion itu rasanya sudah banyak tetapi modalnya \$200 milion. Apakah maknanya \$1 milion, keuntungan itu tak sampai pun 1%. Inilah yang kita mesti tengokkan. Sekianlah ucapan saya dan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

8.17 mlm.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil kesempatan untuk menjawab hujah-hujah yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Raja Datuk Nong Chik dan Datuk Haji Ahmad Arshad berkenaan dengan Rang Undang-undang yang saya telah kemukakan pada malam ini, suka saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang berguna yang boleh diambil kira ataupun dipertimbangkan mana-mana yang sesuai untuk diperbaiki tentang perbezaan badan-badan berkanun yang ada dalam negara ini.

Saya tidaklah berhajat hendak sentuh setiap item yang telah dikemukakan, dibahaskan atau yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang terhormat itu, tetapi bolehlah kita buat kesimpulan bahawa dalam keseluruhan ucapan yang diberikan oleh kedua Ahli Yang Berhormat itu menggambarkan bahawa satu penyelewengan telah berlaku di dalam badan-badan berkanun, mungkin di masa yang sudah. Walau bagaimanapun, pandangan

yang disampaikan oleh kedua Ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini, suka saya menyebutkan ataupun menjawab dua tiga perkara yang saya rasa penting bagi kita bersama, khususnya bagi Kerajaan kita.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyentuh mengenai penyelewengan yang berlaku dalam Badan-badan Berkanun dan menyeru supaya tindakan tegas diambil ke atas pihak-pihak yang terlibat.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan sentiasa mengawasi perjalanan Badan-badan Berkanun sama ada di peringkat perhatian malahan peringkat yang lebih tinggi lagi. Tindakan-tindakan Kerajaan sebelum ini membuktikan berapa berat perhatian Kerajaan terhadap Badan-badan Berkanun yang melaksanakan tugas-tugas demi kepentingan rakyat dan negara kita. Itulah sebabnya Kerajaan membawa Rang Undang-undang ini, sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini dapatlah Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang positif yang boleh kita membaiki perjalanan Badan-badan Berkanun itu. Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia bahawa Penyata kira-kira merupakan kunci bagi kejayaan Badan-badan Berkanun adalah benar dan oleh sebab itulah Kerajaan memandang berat dan membawa Rang undang-undang yang semata-mata berkait dengan Penyata Kira-kira yang perlu dibuat oleh Badan-badan Berkanun sebagaimana yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya sendiri telah berpengalaman pada masa yang sudah-sudah bahawa ada satu daripada negeri-negeri dalam negara kita Malaysia ini yang telah menggunakan Badan Berkanun itu sebagai alat untuk tujuan yang kurang baik. Cuba Ahli Yang Berhormat fikir patutlah sebuah Badan Berkanun yang bertanggungjawab, yang diamanahkan oleh Kerajaan untuk memajukan Dasar Ekonomi Baru, tetapi Badan Berkanun itu telah menyeleweng daripada tugas dan sampai berani Badan Berkanun itu melanggar Constitution negara kita sendiri dengan menjamin satu syarikat swasta sebanyak \$2.7 juta dan ini terang-terang bercanggah dengan semangat Perlembagaan kita kerana kepada Kerajaan Negeri pun tidak diberitahu. Ini adalah nyata dan jelas bahawa penyelewengan yang begitu berat dilakukan oleh Badan Berkanun ini.

Saya harap tidaklah lagi berlaku perbuatan seumpama ini oleh Badan-badan Berkanun di negeri-negeri lain dalam negara kita ini. Wang yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan Negeri sekarang sudah berjumlah \$3.5 juta dan ini telah dibawa ke mahkamah. Ini satu contoh penyelewengan Badan Berkanun. Oleh sebab itulah Kerajaan memandang berat dalam soal ini dan Kerajaan sekarang memandang berat dalam soal peraturan-peraturan dan kira-kira yang mesti diodit di bawah peraturan dan undang-undang yang kita akan luluskan insya Allah di dalam Majlis ini sekejap nanti. Kerajaan memandang berat dalam masalah ini dan Kerajaan tidak teragak-agak akan mengambil tindakan kepada siapa sahaja yang menyeleweng di dalam menjalankan tugas mereka. Tetapi walau bagaimanapun kalau dalam Rang Undang-undang ini diberi sedikit kelonggaran bukan erti hendak membela, tetapi kelonggaran yang diberi itu iaitu memberi peluang kepada Badan-badan Berkanun yang selama ini sudah merupakan kira-kira mereka itu sudah menjadi complicated dan diberi peluang mudah-mudahan akaun yang ada pada Badan Berkanun itu boleh dibereskan, boleh diselesaikan, boleh diperbaiki mudah-mudahan dapat diodit dengan sempurna.

Yang Berhormat Mulia Senator Raja Datuk Nong Chik telah mempersoalkan mengenai kelonggaran yang saya sebutkan sekejap tadi diberikan kepada Badan-badan Berkanun iaitu kuasa bagi Menteri memberi perlanjutan tempoh 3 bulan sekiranya sesudah Badan Berkanun tidak dapat mengemukakan Penyata-penyata Kira-kira untuk diodit.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini baik buruknya peruntukan yang dimaksudkan itu telah ditimbang dengan teliti oleh Kerajaan. Memandangkan kepada faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan itu sebagaimana yang saya nyatakan di dalam ucapan saya sekejap tadi, Kerajaan berpendapat adalah wajar peruntukan itu diadakan sekiranya kekurangan yang dinyatakan itu dapat diatasi, maka peruntukan berkenaan boleh dikaji lagi. Sebagaimana saya katakan tadi, bukanlah ertinya tiga bulan yang boleh diberi oleh Menteri itu bukan satu hadiah untuk menggalakkan orang lebih menyeleweng di dalam kerjanya. Ini adalah satu usaha untuk mengelakkan supaya tidak berlaku penyelewengan dalam Badan-badan Berkanun. Semua pandangan-pandangan yang constructive dan positif yang

telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat saya ucapkan berbanyak terima kasih dan pihak Kerajaan akan meneliti dan menghalusi semua usaha-usaha atau kerja-kerja yang dijalankan oleh Badan-badan Berkanun dalam negara kita ini. Cuma saya suka menyerukan bahawa bukanlah maknanya Badan-badan Berkanun yang ada dalam negara kita begitu boros sekali, biarlah jangan dijadikan seperti kata orang: Sebab nila setitik rosak susu sebelanga. Sebenarnya kita cuba, pihak Kerajaan akan cuba memperbetulkan dengan adanya Rang Undang-undang ini dan saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat akan meluluskannya supaya Kerajaan akan dapat peluang memperbaiki Badan-badan Berkanun dengan lebih baik lagi.

Itulah sahaja yang dapat saya jawab Tuan Yang di-Pertua, atas ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DI BEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

8.29 *mlm.*

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan ini petang tadi, mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun Laporan Tahunan) 1980, telah diluluskan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa walau apapun ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan ini petang tadi, mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, telah diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
BADAN BERKANUN (AKAUN DAN
LAPORAN TAHUNAN)**

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok 26hb Jun, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.36 malam.